

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Di dalam bab ini, penulis akan menerangkan berkenaan hal-hal yang berkaitan dengan pendahuluan, latar belakang kajian, masalah dan skop, objektif, kepentingan, metodologi, ulasan terhadap kajian terdahulu dan sistematika penulisan¹.

1.2. Latar belakang kajian

Islam adalah agama yang *Shumūl*, iaitu agama yang mengatur hubungan manusia dengan Allah SWT dan juga hubungan antara sesama manusia. Ajaran Islam mencakupi dan mengatur semua aspek kehidupan umat manusia di dunia ini, khususnya bagi umat Islam.

Agama Islam adalah agama yang mempunyai kitab suci yang sangat terpelihara keasliannya yakni al-Quran al-Karim. Ajarannya merupakan rahmat bagi sekalian alam. Di dalam Quran terdapat satu pertiga bahagian yang mencirikan tentang hukum (undang-undang). Quran menjelaskan mengenai undang-undang dalam mengatur dan melindungi setiap manusia (individu), keluarga, masyarakat, negara dan hubungan internasional.

Pembahagian harta pusaka adalah manifestasi yang telah diatur oleh Allah SWT dengan seadil-adilnya. Allah SWT sebagai Khalik Yang Maha Mengetahui akan

¹ Idris Awang et al. (ed) (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*, c. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 14-16.

makhlukNya yang mempunyai akal yang terbatas dan nafsu yang tidak terperi telah menjelaskan di dalam Quran berkenaan kaedah pembahagian harta pusaka. Hal tersebut bertujuan untuk memberi keadilan kepada setiap ahli waris yang berhak menerimanya. Sebagaimana Allah SWT menjelaskan dalam firmanNya iaitu:

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوَقَ اَثْنَتَيْنِ فَاهْنَ ثُلَّا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا الْبِصْفُ وَلَا بَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا الْسُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبُوهُهُ فَلِأُمِّهِ الْثُلُثُ فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الْسُّدُسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِّي بِهَا أُوْ دِينٌ ءابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لِكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِّنْ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا

حَكِيمًا

Maksudnya: “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih daripada dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (sepahruh) harta itu. Bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang daripada keduanya adalah satu perenam daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak. Tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Andai pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam. (Pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah, sesungguhnya Allah itu Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”²

Terjemahan Surah al-Nisā’ (4): 11

² Abdullah Basmeih (2002), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, c. 13, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu, h. 181- 182.

Setelah melihat firman Allah SWT di atas, penulis menegaskan tentang pentingnya mengkaji pembahagian harta pusaka menurut apa yang telah ditetapkan dalam Quran. Rasulullah SAW juga sangat mengambil berat permasalahan ini, sehingga beliau menganjurkan agar mempelajarinya dan mengajarkannya kepada umat Islam. Apabila ilmu tentang pembahagian harta pusaka ini diabaikan, maka akan terjadilah pergaduhan yang akan mengakibatkan perpecahan dalam keluarga dan masyarakat Muslim yang harmoni. Rasulullah SAW bersabda:

تَعْلَمُوا الْقُرْآنَ وَعَلِمُوا النَّاسَ، وَتَعْلَمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِمُوا النَّاسَ، فَإِنِّي أَمْرُؤٌ مَّقْبُوضٌ، وَ إِنَّ
الْعِلْمَ سَيُّبَضُّ، وَتَظْهَرُ الْفَيْنُ، حَتَّىٰ يَخْتَلِفَ الْإِثْنَانِ فِي الْفِرِيضَةِ، لَا يَجِدَانِ مَنْ يَغْضِبِي بِهِ ا
³.

Maksudnya: "Pelajarilah olehmu al-Quran dan ajarkanlah kepada manusia serta pelajarilah olehmu ilmu Farāid dan ajarkanlah kepada manusia. Maka sesungguhnya aku (Nabi Muhammad) adalah manusia yang akan hilang dan sesungguhnya ilmu ini akan hilang dan akan timbulah segala fitnah sehingga terjadinya dua orang yang berbeza pendapat tentang ilmu Farāid lalu mereka berdua tidak menjumpai orang yang mampu menyelesaikannya".

Kalimah "*Fariḍah*" di dalam firman Allah SWT surah Al-Nisā' ayat 11 di atas, jika diperhatikan secara etimologi bererti telah ditentukan atau telah diperhitungkan. Perkataan tersebut dalam terminologi ilmu fikah bererti sesuatu yang telah diwajibkan oleh Allah SWT kepada hambaNya. Dengan menggabungkan kedua-dua makna tersebut, maka perkataan "*Fariḍah*" maksudnya ialah "sudah ditentukan jumlahnya dan harus dilakukan sedemikian rupa secara mengikat dan memaksa"⁴.

³ Muḥammad bin ‘Abd Allah al-Ḥākim al-Naysābūri (1978), *al-Mustadrāk, Kitāb al- Farā'iḍ*, j. 4. Beirut: Dār al- Fikr, h. 333.

⁴ Amir Syarifuddin (2004), *Hukum Kewarisan Islam*, c. 1. Jakarta: Kencana, h. 19.

Walau demikian, penerapannya masih menimbulkan wacana pemikiran dan pembahasan di kalangan para pemikir dan pakar hukum Islam. Pembahagian harta pusaka yang adil merupakan asas utama kepada ahli waris yang berhak menerima bahagiannya. Diberikannya bahagian anak lelaki itu lebih besar daripada anak perempuan atas dasar pertimbangan bahawa anak lelaki mempunyai tanggungjawab dan kewajiban yang besar dalam memberi nafkah kepada keluarga. Ini adalah merupakan salah satu alasan bahawa seorang anak lelaki itu berhak mendapat bahagian daripada dua kali bahagian anak perempuan.

Namun atas dasar pertimbangan maslahat disebabkan terdapatnya perbezaan adat istiadat dan kehidupan masyarakat pada zaman turunnya ayat di atas dengan masyarakat sekarang. Di samping itu juga, didapati realiti kaum Muslimin zaman sekarang yang kebanyakannya seolah-olah mengelak harta peninggalan diberi mengikut hukum *farā'id*. Hal ini telah menyebabkan perbezaan pendapat di kalangan cendekiawan dan ulama yang tidak dapat dielakkan. Sebahagian pemikir Islam merasa pemahaman akan surah Al-Nisā' ayat 11 di atas perlu dilihat kembali bagi menerapkan pembahagian harta warisan dengan berdasarkan kemaslahatan dan keadilan. Jika kita melihat, bahawa perbezaan itu tidak terlalu signifikan kerana ayat tentang *mawārīth* itu sangat jelas tentang penjelasannya.

Pandangan ini telah diketengahkan oleh seorang tokoh Islam yang pernah memegang jawatan sebagai Menteri Agama Republik Indonesia, Hj Munawir Sjadzali. Beliau menyatakan bahawa hukum (undang-undang) Islam terbahagi kepada dua, iaitu hukum yang bertalian dengan ibadah murni dan hukum yang bersangkutan dengan muamalah (kemasyarakatan).

Hukum pertama tentang ibadah murni ini tidak banyak menggunakan akal fikiran sedangkan hukum yang kedua pula berkaitan dengan muamalah (undang-undang yang mengatur tentang kehidupan manusia) di mana ruang lingkupnya lebih luas. Satu kajian perlu dilakukan dengan menggunakan kemampuan intelektual yang terhad bagi merungkaikan kepentingan kemaslahatan masyarakat sebagai dasar pertimbangan atau kayu ukur utama mengenai hukum (undang-undang) yang berkaitan dengan kemasyarakatan⁵.

Pemikiran di atas mengenai pembahagian hukum itu dijadikan dasar atau landasan oleh H. Munawir Sjadjali untuk memberikan gagasan mengenai pelaksanaan undang-undang Islam khususnya di Indonesia. Apatah lagi pada ketika itu beliau menjawat jawatan sebagai menteri agama di era kepimpinan presiden Soeharto.

Pada saat itu, beliau melihat dan mengkaji masih ramai lagi masyarakat Muslim Indonesia yang tidak memegang dan mengamalkan lagi undang-undang Islam khususnya yang berkaitan dengan pembahagian harta pusaka. Oleh sebab itu, beliau melakukan kajian dan memberikan sumbangan pemikiran kepada masyarakat Islam agar pelaksanaan undang-undang pembahagian harta pusaka itu benar-benar dilaksanakan dengan adil.

Dalam mentafsirkan surah al-Nisā'(4):11, beliau akhirnya membuat kesimpulan bahawa ayat tersebut perlu dimodifikasi atau disesuaikan dengan faktor budaya, sosial serta adat masyarakat di Indonesia. Ini bererti, menurutnya pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki adalah dua kali daripada bahagian anak perempuan perlu

⁵ Iqbal ‘Abdurrauf Saimima (ed) (1988), *Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam*, c. 1. Jakarta : Pustaka Panjimas, h. 7-8.

diubah dengan membahagikannya secara sama rata sebagaimana adat masyarakat Islam yang berlaku.

Pemikiran beliau tersebut telah tersebar luas baik di dalam maupun di luar negara khususnya di Indonesia. Pendapat beliau telah dimuatkan dalam beberapa terbitan buku di mana artikel beliau sendiri yang bertajuk “Reaktualisasi Ajaran Islam” telah dicetak di dalam buku yang berjudul “Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam” yang disunting oleh Drs. Iqbal Abdurrauf Saimima, Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadjzali. MA oleh Tim Editor Muhamad Wahyuni Nafis serta buku yang berjudul “Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa” oleh H. Munawir Sjadjzali.

Hal yang sama juga telah beliau sampaikan melalui ceramah dan seminar-seminar ilmiah. Beliau pernah berceramah di depan para mahasiswa Indonesia di Kairo, seminar Kodifikasi Hukum (undang-undang) Islam yang dikendalikan oleh South East Asian Shariah Association di Kolombo, Sri Lanka dan juga pada majlis jamuan makan yang turut disertai oleh Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu, Dato’ Seri Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur.

Siapakah tokoh H. Munawir Sjadjzali ini sebenarnya? Atas fahaman golongan manakah sehingga beliau berani berpendapat sedemikian hingga berani menolak ijmak para ulama? Sejauh manakah kekuatan dan kebenaran hujah-hujah yang beliau kemukakan? Betulkah ayat tersebut masih ada cacat celanya dan ruang ijтиhad?

Untuk lebih fokus dalam kajian ini, penulis mengkaji tentang tafsir mengenai ayat-ayat dan hukum yang berkaitan dengan *mawārīth* dengan memaparkan pentafsiran

seorang tokoh pembaharuan hukum Islam Indonesia iaitu H. Munawir Sjadjzali dan polemik tentang penerapan serta pelaksanaan hukum waris khususnya di tengah-tengah masyarakat Muslim Indonesia. Akhir sekali, penulis mengadakan kajian dan analisis mengenai pendapat H. Munawir Sjadjzali berdasarkan neraca disiplin ilmu-ilmu Islam seperti ilmu *Tafsīr*, ilmu *Farā'iq*, dan ilmu *Uṣūl al-Fiqh*.

1.3. Masalah Kajian

Setelah melihat latar belakang kajian di atas, penulis berpendapat bahawa terdapat beberapa masalah kajian pada tulisan ini, antaranya ialah:

1. Pendapat H. Munawir Sjadjzali dengan hak pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan mestilah sama telah menyalahi nas *ṣāriḥ* yang merupakan dalil *qat'i* dan merupakan ijmak ulama.
2. Metode pentafsiran beliau perihal ayat al-Quran yang berbeza dengan metode pentafsiran para ahli tafsir.
3. Kaedah ijtihad yang diguna pakai beliau dalam mengqiyaskan masalah untuk membina hukum Islam menyalahi kaedah *qiyās* yang diguna pakai oleh para ulama usul fikah dalam melaksanakan hukum Islam.
4. Hujah-hujah beliau dalam menguatkan pendapatnya adalah bercanggah dengan pendapat para ulama.

Skop kajian ini lebih memfokuskan kepada pandangan dan pemikiran H. Munawir Sjdzali tentang pembahagian harta pusaka khususnya bagi anak lelaki yang mendapat dua bahagian daripada anak perempuan yang termaktub dalam ayat 11 surah al-Nisā'.

1.4. Objektif kajian

Ada beberapa objektif kajian yang akan penulis hasilkan iaitu :

1. Menjelaskan pandangan Islam yang murni akan permasalahan tersebut di atas berdasarkan disiplin ilmu-ilmu Islam seperti ilmu *Tafsīr*, ilmu *Farā'iḍ*, dan ilmu *Uṣūl al-Fiqh*.
2. Memaparkan tentang seorang tokoh pembaharuan hukum Islam Indonesia yakni H. Munawir Sajdzali yang pernah menjadi Menteri Agama Indonesia.
3. Menjelaskan dan menganalisis pemikiran H. Munawir Sjadjzali dalam mentafsirkan ayat *mawārīth* surah al-Nisā' ayat 11 serta hujah-hujahnya mengenai pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan.
4. Menjelaskan pandangan para ahli tafsir dan para ulama tentang ayat-ayat hukum *mawārīth* yang terdapat dalam al-Quran.

1.5. Kepentingan Kajian

Hal ini, ketika penulis melihat latar belakang di atas, maka penulis merasa perlu mengangkat tajuk ini dengan maksud tujuan dan kepentingan seperti berikut:

1. Menyumbang kepada pengukuhan hukum Islam yang asli tentang pembahagian harta pusaka antara anak lelaki dan anak perempuan.
2. Meluruskan kembali pemikiran dan pemahaman yang keliru yang berkembang dalam masyarakat.
3. Mengembalikan pemahaman kepada nilai-nilai murni mengikut ajaran yang telah diperintahkan oleh Allah SWT kepada umat manusia.

4. Menyedarkan betapa pentingnya meneruskan ilmu ini dan mengajarkannya kepada generasi berikutnya agar ilmu tersebut tidak hilang serta dapat menjawab persoalan-persoalan mengenainya.
5. Menambah khazanah tafsir al-Quran dan dapat mengetahui isu-isu semasa yang berkembang di kalangan masyarakat Islam.

1.6 Metodologi Kajian

Berharap agar kajian ini dapat menghasilkan satu kajian yang bermutu, maka dengan itu penulis telah menggunakan tiga metode atau kaedah penyelidikan iaitu;

1. Metode Penentuan Subjek.
2. Metode Pengumpulan Data.
3. Metode Analisis Data.

1.6.1. Metode Penentuan Subjek

Dalam menentukan subjek bagi kajian tajuk ini, penulis telah memilih tulisan H. Munawir Sjadjali bertajuk “*Reaktualisasi Ajaran Islam*” yang dimuatkan di dalam buku bertajuk “**Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam**” yang disunting oleh Iqbal Abdurrauf Saimima.

Tulisan beliau sendiri yang dikarang dalam bentuk artikel tersebut juga telah dimuatkan di dalam beberapa buah buku seperti “Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadjali. MA” oleh Tim Editor Muhamad Wahyuni Nafis serta buku yang berjudul “Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa” oleh H. Munawir Sjadjali dan sebagainya.

1.6.2. Metode Pengumpulan Data

Metode ini digunakan untuk mengumpulkan data-data dan seterusnya membuat penilaian terhadap data-data tersebut. Terdapat kaedah utama yang digunakan bagi tujuan pengumpulan data dan maklumat, iaitu kaedah perpustakaan (*library research*).

Terdapat beberapa perpustakaan yang telah dimanfaatkan oleh penulis bagi memperoleh maklumat penting yang berkaitan dengan tajuk kajian di atas seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Pasca Siswazah Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta dan Perpustakaan Awam Islam (Jawi) Kuala Lumpur.

Penulis telah mendapatkan bahan-bahan rujukan dari beberapa perpustakaan dapat dibahagi kepada dua iaitu:

- 1).Bahan Primer seperti buku-buku mengenai biografi dan pemikiran H. Munawir Sjadzali, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab fikah, kitab-kitab *farā'iḍ*, kitab-kitab usul fikah, tesis atau disertasi yang ada hubungkaitnya dengan tajuk di atas iaitu Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadzali. MA oleh Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam oleh Iqbal ‘Abdurrauf Saimima (ed) (1988), Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa yang dikarang oleh H. Munawir Sjadzali (1993) serta lain-lain lagi. Selain daripada itu, terdapat juga buku-buku Tafsir seperti *Mafātiḥ al-Ghayb* yang dikarang oleh Muhammad al-Rāzī (606 H.) dan *al-Jāmi‘ li Aḥkām al-Qur’ān* tulisan al-Qurṭubī (671 H.).

2).Bahan Sekunder seperti jurnal, akhbar, laman web dan sebagainya. Pengkajian perpustakaan ini penting bagi mendapatkan kefahaman tentang subjek kajian di samping membuat semakan di antara satu bahan dengan bahan yang lain.

1.6.3. Metode Analisis Data

Metode analisis data adalah metode untuk menggabungkan data, menilai data, membuat pentafsiran dan akhirnya menganalisis terhadap data-data tersebut. Dalam penyelidikan ini, ada tiga metode utama yang digunakan dalam menganalisis data iaitu:

- a. Metode Induktif.
- b. Metode Deduktif.
- c. Metode Komparatif.

a. Metode Induktif

Metode ini merupakan salah satu cara untuk menganalisis. Dalam hal ini, penulis telah menganalisis data dengan melihat pernyataan yang khusus, kemudian mengarah kepada pernyataan yang umum sehingga penulis mendapati kesimpulan tentang data tersebut yang sifatnya lebih menyeluruh.

Pada peringkat ini, penulis berusaha mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji. Satu pencarian atau usaha menghubungkan data, maklumat dan fakta turut dilibatkan terutamanya dalam mengenali bentuk-bentuk atau merumuskan satu gagasan pemikiran mahupun

jawapan terhadap persoalan yang timbul. Ini dapat membantu penulis terutamanya dalam membuat interpretasi terhadap kajian ini.

b. Metode Deduktif

Dalam metode ini, Penulis memulakan pernyataan umum atau menyeluruh bagi sesuatu yang bersifat umum. Metode ini adalah satu cara menganalisis data bersandarkan kepada pola berfikir untuk mencari bukti dengan berpaksikan kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus. Metode ini digunakan untuk mengaplikasikan teori yang telah dirumuskan dan diputuskan di peringkat teori bagi disesuaikan dalam kajian termasuklah dalam kaedah menilai dan merumuskan ketepatan carian serta bertujuan untuk membuktikan ketepatan hipotesis kajian. Metode ini akan diguna pakai di dalam bab empat.

c. Metode Komparatif

Metode komparatif adalah satu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperoleh ketika penyelidikan dilakukan. Segala data, fakta dan pendapat yang berkenaan dikumpulkan dan dianalisis sebagai perbandingan untuk melihat hasilnya. Semua data tersebut akan dibuat perbandingan secara saksama dan dari perbandingan tersebut, penulis dapat membuat kesimpulan sekaligus melengkapkan kajian ini. Metode ini juga akan digunakan di dalam bab empat.

1.7. Ulasan Kajian Terdahulu

Ketika penyelidikan ini dijalankan telah wujud beberapa bentuk penulisan dan kajian terdahulu membincangkan tentang pemikiran H. Munawir Sjadjzali. Namun kajian tersebut hanya memaparkan pemikiran H. Munawir Sjadjzali tentang hukum waris dengan sedikit ulasan tanpa disertakan kajian analisis yang lengkap mengenainya yang ditinjau dari beberapa disiplin ilmu–ilmu Islam seperti ilmu *Tafsīr*, ilmu *Farā'iḍ*, dan ilmu *'Uṣūl al-Fiqh*. Penulisan mengenainya lebih difokuskan kepada sumbang dan jasa-jasa serta pemikiran beliau terhadap perkembangan Islam di Indonesia.

Seperti sebelumnya, kajian mengenai H. Munawir Sjadjzali lebih difokuskan kepada sumbang dan idea-idea serta gagasan-gagasan beliau yang paling menonjol terhadap perkembangan pemikiran Islam di Indonesia. Tesis ini bertajuk “ Munawir Sjadjzali: Sumbangannya Terhadap Pemikiran Islam di Indonesia” di bawah seliaan Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Terdapat juga beberapa penulisan lain yang mempunyai kaitan dengan pemikiran Munawir Sjadjzali yang dapat membantu dalam kajian ini seperti “ Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam” yang merupakan kumpulan tulisan daripada cendekiawan yang merespons pemikiran Munawir tentang hukum waris (*Farā'iḍ*). Buku “ Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam” ini diterbitkan oleh Pustaka Panjimas, Jakarta pada tahun 1988.

Buku “Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadjzali MA” merupakan penulisan ilmiah daripada beberapa ulama dan cendekiawan Muslim Indonesia, di mana di bahagian hadapan buku tersebut merupakan tulisan Munawir

Sjadzali sendiri yang menerangkan tentang idea-ideanya. Buku ini diterbitkan oleh PT Temprint, Jakarta sekitar tahun 1995.

Selain itu, buku bertajuk “ 50 Tokoh Islam Liberal Indonesia” yang merupakan satu kajian terhadap tokoh-tokoh yang berfikiran secara liberal di Indonesia yang telah menyenaraikan nama H. Munawir Sjadzali di dalamnya dengan memaparkan biografi dan pemikirannya mengenai pembahagian harta pusaka secara ringkas. Buku “ 50 Tokoh Islam Liberal Indonesia” ini diterbitkan oleh Hujjah Press yang berpusat di Jakarta Timur pada tahun 2007.

Terdapat juga buku “Jejak 101 Tokoh Islam Indonesia” yang merupakan kajian mengenai tokoh-tokoh yang paling berjasa dalam berbagai bidang turut juga menyenaraikan H. Munawir Sjadzali di dalamnya dengan memaparkan biografi dan pemikirannya mengenai pembahagian harta pusaka secara ringkas. Buku ini diterbitkan oleh e-Nusantara, Yogyakarta, tanggal 2009.

Manakala buku “Gagasan Islam Liberal Di Indonesia” pula merupakan kajian mengenai gerakan pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia. Di dalam buku ini juga turut menyebut nama H. Munawir Sjadzali sebagai salah seorang tokoh yang turut menyumbangkan jasa- jasa dan pemikirannya akan pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia. Buku ini diterbitkan oleh PT. Sapdodadi, Jakarta, tahun 1999.

Terdapat juga buku “al-Jami’ah Journal of Islamic Studies” yang merupakan kumpulan jurnal yang menjalankan kajian mengenai Islam. Di dalam buku ini juga ada memuatkan artikel yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium perantaraan

mengenai biografi tokoh H. Munawir Sjadjzali dan politik Islam yang dilaksanakan oleh beliau. Buku ini diterbitkan oleh UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta pada tahun 2005.

Terdapat beberapa buku lain hasil tulisan H. Munawir Sjadjzali yang merungkaikan secara langsung pemikiran beliau mengenai Islam. Selain itu, buku bertajuk “Islam Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa” telah memuatkan beberapa tajuk pembahasan mengenai syariat dan politik Islam termasuk artikel beliau sendiri yang berjudul Reaktualisasi Ajaran Islam. Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Universitas Indonesia, Jakarta, tahun 1993.

Begin juga buku “Bunga Rampai Wawasan Islam Dewasa Ini” yang ditulis oleh H. Munawir Sjadjzali sendiri yang memuatkan beberapa tajuk pembahasan yang berbeza mengenai hukum perwarisan yang berjudul Reaktualisasi Ajaran Islam dalam Konteks Realitas Baru dan Orientasi Masa Depan yang telah diterbitkan oleh Penerbit Universitas Indonesia yang bertapak di Jakarta sekitar tahun 1994.

Buku “Islam dan Tata Negara” yang turut memuatkan tentang kajian berkenaan sistem ketatanegaraan dan politik Islam. Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Universitas Indonesia, Jakarta, tahun 1993.

Di dalam kajian ini, penulis mendapati tidak banyak karya penulisan yang ditulis oleh H. Munawir Sjadjzali. Idea-idea dan pemikiran beliau mengenai Islam lebih ditumpukan melalui ceramah mahupun seminar-seminar baik di dalam maupun di luar negara seperti berceramah di hadapan para mahasiswa Indonesia di Kairo, seminar Kodifikasi Hukum (undang-undang) Islam yang diselenggarakan oleh South East Asian Shariah Association di Kolombo, Sri Lanka dan juga pada majlis jamuan makan yang

disertai oleh Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu yakni Dato' Seri Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur.

Namun begitu tidak terdapat seorang pun yang membahaskan tentang kajian pentafsiran H. Munawir Sjadjali secara lengkap dari sudut pandangan disiplin ilmu-ilmu Islam seperti ilmu tafsir, ilmu fikah, ilmu sejarah Islam, ilmu faraid serta ilmu usul fikah. Di sini, penulis mengkaji tentang pendapat H. Munawir Sjadjali mengenai tafsiran beliau dalam ayat-ayat *mawārīth*, surah al-Nisā' ayat 11 di mana pemikirannya sarat dengan kontroversi bahkan telah memandang sebelah mata pendapat-pendapat muktabar.

1.8. Sistematika Penulisan

Dalam penulisan disertasi ini, penulis merujuk sistem penulisan berdasarkan buku panduan penulisan disertasi dan tesis yang diterbitkan oleh Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Dengan menggunakan sistem penulisan dalam kajian ini, penulis telah membahagikan kepada lima bab iaitu:

Bab pertama merupakan bab pembukaan yang membicarakan hal-hal yang berkenaan dengan pendahuluan seperti latar belakang kajian, masalah dan skop kajian, objektif, kepentingan, metodologi kajian, ulasan terhadap kajian terdahulu serta sistematika penulisan.

Bab kedua merungkaikan tentang pembahasan perwarisan menurut syariat Islam khususnya mengkaji ayat mengenai pembahagian harta pusaka antara lelaki dan perempuan di kalangan para mufasirin.

Bab ketiga pula menjelaskan tentang biografi tokoh H. Munawir Sajdzali seperti tarikh kelahiran dan kewafatan, pendidikan, hasil karya, jawatan, pemikiran serta pengaruhnya dalam kehidupan beragama di Indonesia.

Bab keempat memaparkan pemikiran tokoh H. Munawir Sajdzali yang telah mengundang kontroversi di kalangan para ulama. Bab ini juga turut mengemukakan pendapat dan alasan beliau serta mereka yang bersepakat mahupun tidak dengannya secara terperinci. Di sini juga, penulis ada membuat perbandingan secara saksama perihal perkara yang disebutkan di atas dengan pendapat para ulama.

Bab kelima merupakan bab penutup bagi kajian penulis dan beberapa kesimpulan telah dibuat berdasarkan daripada pembahasan terdahulu.

BAB II

PENGENALAN HUKUM *MAWĀRĪTH*

2.1. Pendahuluan

Hukum *Mawārīth* atau hukum harta pusaka dalam Islam adalah mengatur peralihan harta seseorang yang telah meninggal dunia kepada mereka yang masih hidup. Aturan peralihan harta ini dikenali dengan berbagai istilah seperti *Farā'īd*, *Mawārīth* atau hukum *al-Wārīth*. Akan tetapi, istilah ini mempunyai maksud yang tidak jauh bezanya menurut pandangan para ahli hukum (undang-undang Islam) hanya mungkin terdapat perbezaan dalam cara pelaksanaannya tetapi tidak begitu signifikan.

Manakala di Indonesia pula digunakan beberapa istilah yang kebanyakannya diambil daripada bahasa Arab contohnya seperti waris, warisan dan hukum kewarisan. Selain itu, istilah pusaka turut digunakan di kalangan masyarakat yang mengamalkan adat Minangkabau, Sumatera Barat⁶. Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran Departemen Agama Republik Indonesia dalam kitab Al-Quran Dan Terjemahnya menyebutkan istilah pembahagian harta warisan dengan istilah pembahagian pusaka dengan merujuk surah al-Nisā'(4):11.⁷

Perbezaan istilah dalam rujukan hukum Islam tersebut disebabkan beberapa perbezaan yang dijadikan titik utama dalam pembahasan. Penamaan *Farā'īd*, berdasarkan kepada bahagian yang diterima oleh ahli waris⁸. Walaupun *Mawārīth*

⁶Amir Syarifuddin (2004), *Hukum Kewarisan Islam*, c.1. Jakarta: Kencana, h. 6.

⁷Yayasan Penyelenggara Penerjemah Al- Quran Departemen Agama RI (1995), *Al-Qur'an Dan Terjemahnya*, Semarang: PT. Karya Toha Putra, h. 116.

⁸ Ahmad Naṣr Al-Jundiy (2000), *Al-Mawārīth Fi al-Shar'i Wa al-Qanūn*, Mesir: Dār al-Kutub al-Qanuniyyah, h. 24.

didasarkan kepada harta yang beralih kepada ahli waris⁹ tetapi istilah *wārith* itu juga berdasarkan kepada orang yang mewarisi¹⁰.

Oleh sebab itu, di dalam buku-buku rujukan hukum Islam ditemui beberapa istilah yang berbeza yang digunakan oleh para pengarang. Syeikh Muḥammad al-Sharbainī al-Khāṭib (977 H.) di dalam kitab, *Mughnī al-Muhtāj* menggunakan istilah *al-Farā'iḍ* di dalam pembahasannya mengenai harta warisan. Nama ini lebih disenangi dan digunakan oleh beliau disebabkan perkataan *al-Farā'iḍ* itu sendiri terdapat beberapa makna daripada segi bahasa iaitu ketentuan, keputusan, penurunan, keterangan, keutamaan dan pemberian.

Dari beberapa makna tersebut maka jelaslah makna *al-Farā'iḍ* itu adalah bahagian yang telah ditentukan dan merupakan keputusan yang telah diputuskan. Ia adalah pemberian dan merupakan keterangan dari Allah SWT kepada ahli waris akan bahagiannya dan keutamaan yang terdapat padanya seperti mana ayat yang diturunkan mengenainya. Oleh sebab itu, dinamakan hukum ini dengan *al-Farā'iḍ*¹¹.

Syeikh Muḥammad ‘Ali al-Šābūnī pula menamakan kitabnya dengan *al-Mawārīth*. Beliau menamakan kitabnya dengan nama tersebut disebabkan *al-Mawārīth* adalah bermaksud pemindahan pemilikan harta benda daripada orang yang telah meninggal kepada ahli waris yang masih hidup¹².

Sedangkan Rafiq Yunūs al-Miṣrī pula menamakan kitab karangannya dengan kedua-dua nama tersebut iaitu ilmu *al-Farā'iḍ wa al-Mawārīth*. Menurut beliau istilah

⁹ Hamdi ‘Abd al-Mun‘im Shalabi (1989), *Al-Ra’id Fi ‘Ilm al-Farā'iḍ*, Kaherah: Maktabah Ibn Sina, h. 13.

¹⁰ Hamdi al-‘Abji (1982), *Al-’Idāh Fi ‘Ilm al-Farā'iḍ*, c.1, Damaskus: Maktabah al-Furqan, h. 13.

¹¹ Muḥammad al-Sharbainī al-Khāṭib (1957), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 3. Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalābī wa ’Awlāduhū, h. 2.

¹² Muḥammad ‘Ali al-Šābūnī (1997), *al-Mawārīth*, Damaskus: Dār al-Qalm, h. 34.

ilmu *al-Farā'īd* dan ilmu *al-Mawārīth* bahkan juga ilmu *al-Tariqah* mempunyai makna yang sama iaitu suatu ilmu yang dapat menerangkan dan mengetahui bahagian-bahagian ahli waris¹³. Biarpun begitu, penulis lebih selesa memilih istilah *mawārīth* disebabkan tulisan ini lebih membahaskan mengenai harta yang diperolehi oleh ahli waris.

2.2.Definisi *Mawārīth*

Secara etimologi perkataan *Mawārīth* adalah berbentuk *jama'* (plural) yang diambil daripada perkataan *al-Mīrāth* yang mempunyai maksud apa-apa yang diwariskan¹⁴. Sedangkan menurut istilah etimologi juga ini adalah umum yang bukan merupakan harta yang ditinggalkan semata-mata malah boleh juga terjadi ilmu pengetahuan ataupun kemuliaan.

Hadīth Rasulullah SAW pernah menyebutkan

إِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَبَّهُ الْأَئِمَّاءُ إِنَّ الْأَئِمَّاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ فَمَنْ أَخَذَ بِهِ أَخَذَ بِحَظٍّ وَافِرٍ .¹⁵ (رواه الترمذى)

Maksudnya: "Sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris para Nabi. Sesungguhnya para Nabi tidak mewarisi dinar mahupun dirham. Mereka hanya mewarisi ilmu, maka barang siapa mengambilnya hendaklah dia mengambilnya dengan segenap kesungguhan".

(H.R. Al-Tirmidhī)

Menurut istilah pula *Mawārīth* adalah pemindahan pemilikan dari orang yang telah meninggal dunia kepada ahli warisnya yang masih hidup. Sama ada yang

¹³ Rafiq Yūnus al- Miṣri (1994), *'Ilm al-Farā'īd wa al-Mawārīth*, Damaskus: Dār al-Qalm, h. 9.

¹⁴ Majma' al-Lughah al- 'Arabiyyah (t.t), *al- Mu'jam al- Wasiṭ*, j. 2, c. 3, h. 1066.

¹⁵ Abū 'Isa Muḥammad bin 'Isā bin Surah al-Tirmidhī (1975), *Sunan Al-Tirmidhī*, *Kitāb al- 'Ilm, Bāb Ma Ja'a Fi Faḍli al-Fiqh 'alā al- 'Ibādah*, No 2682, c.2. j.5. Mesir: Maṭba'ah Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Halābī wa 'Awlāduhū, h. 49.

dinggalkan itu berbentuk harta yang boleh bergerak mahupun harta yang tidak boleh bergerak atau merupakan sesuatu hak daripada hak-hak syariat¹⁶.

2.3. Asal Usul Dan Hikmat Perwarisan

Jika ditinjau daripada sejarah pra Islam, peraturan perwarisan di kalangan masyarakat Arab jahiliah dahulu, seseorang berhak memberikan hak perwarisan kepada seseorang yang dia suka menurut keinginannya walaupun kepada mereka yang tidak mempunyai hak ke atas harta tersebut¹⁷. Dalam pembahagian harta pusaka pula, orang-orang Arab jahiliah berpegang teguh dengan tradisi yang telah diwarisi sejak zaman nenek moyang mereka lagi. Dalam tradisi pembahagian harta pusaka yang telah diwarisi dari leluhur mereka terdapat suatu ketentuan bahawa kanak-kanak mahupun kaum perempuan tidak berhak menerima harta peninggalan ahli warisnya yang telah meninggal dunia. Kanak-kanak tidak berhak menerima harta pusaka adalah disebabkan ketidakmampuannya untuk berjuang, memacu kuda serta memainkan pedang untuk membela kaum dan sukunya. Manakala perempuan pula disebabkan keadaan fizikalnya yang tidak memungkinkan untuk mengangkat senjata dan bergelut di medan perang¹⁸.

Harta yang ditinggalkan hanya diwariskan kepada mereka yang gagah dan mempunyai kekuasaan seperti kaum lelaki yang turut serta dalam medan pertempuran. Peraturan ini telah menyebabkan terhalangnya kanak-kanak, orang-orang sakit dan juga kaum perempuan daripada menerima hak ke atas harta yang ditinggalkan. Bahkan

¹⁶ Sa'īd Muḥammad al-Jalidi (1403H), *Aḥkām al-Mirāth Wa al-Waṣīyyah Fī al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, c.1, Libya: Mansurat Kulliyah al-Da'wah al-Islāmiyyah, h. 12.

¹⁷ Alḥmad Muhyi Al Din Al 'Ajuz (1994), *Al-Mirāth al-'Adil Fī al-Islām*. Beirut: Mu'assasah al-Ma'ārif, h. 9.

¹⁸ Fatchur Rahman (1975), *Ilmu Waris*, c.10. Bandung: PT. Alma'arif Bandung, h. 13.

sebahagian Arab jahiliah saat itu menjadikan wanita termasuk sebahagian daripada harta warisan¹⁹.

Kezaliman seperti ini berlaku sehingga kedatangan Islam di mana telah membenarkan mereka yang diharamkan daripada mendapat harta pusaka berhak menerima harta yang ditinggalkan oleh ahli keluarganya.

Allah SWT berfirman di dalam Quran surah al-Nisā' (4): 7, iaitu:

لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ
وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَفْرُوضًا

Maksudnya: “Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)”.

Terjemahan Surah al- Nisā' (4): 7

Pernah terjadi pada zaman Rasulullah SAW, seorang wanita yang merupakan isteri kepada Sa'ad bin al-Rabi' telah datang kepada baginda. Isteri Sa'ad tersebut mengadukan perihalnya dan kedua anak perempuannya yang tidak mendapat harta peninggalan suaminya. Diriwayatkan oleh Jâbir bin 'Abd Allah r.a.:

¹⁹ Muhammad Bashîr al- Mufashshi (1996), *al- Jâmi' al- Hadîth*, Damaskus : Dâr Qutaybah, h. 12.

عَنْ جَابِرٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ : بَحَاءَتِ امْرَأَةُ سَعْدٍ ابْنِ أَبِي الرَّبِيعِ بِابْنَتِهِمَا مِنْ سَعْدٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ يَا رَسُولَ اللَّهِ هَاتَانِ إِبْنَتَيْ سَعْدٍ بْنِ الرَّبِيعِ قُتِلَ أَبُوهُمْ مَعَكَ يَوْمَ أُحُدٍ شَهِيدًا وَإِنَّ عَمَّهُمَا أَخْذَ مَا لَهُمَا فَلَمْ يَدْعُ لَهُمَا مَالًا وَلَا ثُنْكَحَانٍ إِلَّا وَلَهُ مَا مَالٌ قَالَ يَقْضِيَ اللَّهُ فِي ذَلِكَ فَزَلَّتْ آيَةُ الْمِيرَاثِ فَبَعْثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى عَمَّهُمَا فَقَالَ أَعْطِ ابْنَتِيْ سَعْدٍ التَّلْثَلَيْنِ وَأَعْطِ أُمَّهُمَا الشُّمَنَ وَمَا تَقْيَ فَهُوَ لَكَ²⁰

(رواہ الترمذی)

Maksudnya: "Daripada Jābir bin ‘Abd Allah berkata seorang wanita yakni isteri Sa’ad bin al-Rabi’ datang dengan kedua anak perempuannya kepada Rasulullah SAW lalu berkata “Ya Rasulullah kedua anak ini adalah merupakan anak perempuan Sa’ad bin al-Rabi’. Ayah mereka telah mati *syahid* ketika peperangan Uhud ikut denganmu. Dan sesungguhnya bapa saudara mereka telah mengambil harta hak kedua anak ini dan tidak meninggalkan sedikit pun harta untuk mereka berdua sedangkan tidaklah akan dapat dinikahkan keduanya nanti kecuali dengan harta”. Lalu nabi pun berkata “Allah akan memberikan keputusan tentang perkara ini dan turunlah ayat mengenai harta pusaka” lalu Rasulullah SAW mengutuskan kepada bapa saudara kedua anak perempuan tersebut, kemudian berkata berikanlah kedua anak Sa’ad dua pertiga dan berilah ibunya seperlapan dan yang baki adalah untukmu.

(H.R. Al-Tirmidhi²¹)

Ada juga yang meriwayatkan bahawa surah al-Nisā’(4):11 tersebut turunnya adalah disebabkan perihal seorang perempuan yang disebut sebagai Ummu Kuḥḥah yang mengadu kepada nabi mengenainya serta lima saudara perempuan yang tidak mendapat harta peninggalan. Apa pun halnya, maka sesungguhnya diturunkan ayat-ayat *mawārīth* adalah disebabkan kaum wanita tidak mendapat harta warisan ketika itu²¹.

Islam telah membuat peraturan perwarisan yang adil dengan memberikan hak-hak kepada ahlinya. Bahkan telah memberikan rumusan dan cara-cara pembahagian warisan yang amat mengagumkan yang belum terdapat pada syariat yang lain. Maka hikmah perwarisan dalam Islam adalah :

²⁰ Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Surah Al-Tirmidhī (1975), *op.cit.*, No 2092, c.2. j 4, *Bāb Ma Ja’ a Fī Mirāth al-Banat*, h. 414.

²¹ Muḥammad ‘Ali al-Šābūnī (1997), *op. cit.*, h. 22-23.

- a) Islam telah membuat satu peraturan yang adil
- b) Menetapkan pewaris adalah dari lingkungan ahli keluarga si mati itu sendiri di mana salah seorang suami atau isteri berhak mendapat harta yang ditinggalkan oleh pasangannya.
- c) Melarang pemberian harta warisan kepada orang asing yakni bukan ahli keluarga.
- d) Secara umum telah menentukan hak pembahagian ahli waris seperti sebahagian, seperempat, seperlapon, sepertiga, seperenam atau duapertiga. Harta warisan merupakan hak bagi ahli kerabat tanpa membezakan antara yang kecil dan besar bahkan juga memberikan hak bagi janin yang masih berada di dalam perut ibunya.
- e) Memberikan hak pewarisan kepada kaum wanita kerana pada zaman Arab jahiliah di mana wanita tidak berhak menerima harta pusaka bahkan wanita itu sendiri dianggap sebagai harta peninggalan²².

Apapun hikmah yang paling nyata adalah memelihara keharmonian rumah tangga dan tetap menjaga hubungan baik antara sesama ahli keluarga. Sangat sukar bagi manusia untuk membahagikan harta peninggalan secara adil tanpa adanya suatu kaedah dan rumusan yang disandarkan kepada pertimbangan hukum yang mendalam. Jika Allah SWT tidak menurunkan ayat perihal pembahagian harta pusaka pasti akan terjadilah pergaduhan bahkan pembunuhan di antara manusia. Ini disebabkan kerana sifat manusia itu sendiri yang lebih mencintai harta benda.²³

²² Muḥammad Bashīr al-Mufashshi (1996), *op. cit.*, h. 47 - 48.

²³ Ḥasanain Muḥammad Makhluf (t.t), *Al-Mawāarith Fi al-Shari'ah al-Islāmiyyah*, Jeddah: Dār al-Madāni, h. 8.

Sebagaimana dapat kita melihat contoh yang diberikan di bawah ini apabila seorang itu meninggal dunia dan meninggalkan ahli waris yang terdiri daripada seorang isteri, dua anak perempuan serta seorang anak lelaki dengan harta peninggalan sebanyak RM 200,000. Jika mengikut cara pembahagian harta pusaka ketika zaman jahiliah dahulu tentu yang akan mendapat harta pusaka ialah anak lelaki sahaja. Manakala isteri dan kedua-dua anak perempuan si mati tidak mendapat apa-apa harta peninggalan. Hal ini berdasarkan ketentuan yang berlaku pada zaman jahiliah dengan dasar pertimbangan di mana kaum wanita tidak segagah lelaki yang memungkinkan baginya untuk mengangkat senjata dan bergelut di medan perang. Kenyataan seperti ini akan membawa rasa cemburu dan tidak puas hati bagi si isteri dan kedua-dua anak perempuan tersebut.

Jika kita laksanakan pembahagian mengikut hawa nafsu manusia yang sering berubah-ubah, sudah tentu akan terjadilah pergaduhan bahkan mungkin akan menyebabkan berlakunya pembunuhan. Hal ini disebabkan ketidakpuasan hati kerana tiada kaedah yang jelas dan telus yang boleh diterima oleh semua pihak ahli waris secara adil.

Oleh kerana itulah bagi menjaga keharmonian keluarga yang merupakan impian semua manusia maka Allah *Ta ’älā* telah memberikan kaedah yang jelas dan adil dalam Quran Karim tentang cara pembahagian harta pusaka yang ditinggalkan. Maka penyelesaian bagi masalah di atas berdasarkan kepada kaedah yang ditetapkan oleh Allah *Ta ’älā* sebagaimana berikut:

Permasalahan:

Harta peninggalan si mati berjumlah RM 200,000. Ahli waris terdiri daripada isteri, 2 orang anak perempuan dan seorang anak lelaki, maka hasil. Penyelesaian masalah:

Asalnya masalah adalah : 8

1. Isteri mendapatkan $1/8$, $8 \times 1/8 = 1$,

$$\text{RM } 200,000 \div 8 = \text{RM } 25,000. \text{ RM } 25,000 \times 1 = \underline{\text{RM } 25,000}$$

2. 2 anak perempuan dan seorang anak lelaki mendapat ‘*Aṣabah*’ di mana bahagian yang tinggal mengikut seperti yang termaktub dalam surah *al-Nisā’*’ ayat 11 bahawa lelaki berhak mendapat dua bahagian dan perempuan pula mendapat satu bahagian.

Bahagian yang tinggal dari asal masalah adalah $8 - 1 = 7$

$$\text{RM } 25,000 \times 7 = \underline{\text{RM } 175,000}.$$

Jumlah keseluruhan 2 anak perempuan dan seorang anak lelaki adalah 4 bahagian disebabkan 1 anak lelaki dikira bersamaan dengan 2 orang 2 anak perempuan, maka $\text{RM } 175,000 \div 4 = \text{RM } 43,750$. $\text{RM } 43,750 \times 2 = \text{RM } 87,500$. $\text{RM } 87,500 \div 2 = \text{RM } 43,750$ maka masing-masing daripada seorang anak perempuan mendapat sebanyak RM 43,750

$$1 \text{ anak lelaki berhak mendapat } \text{RM } 43,750 \times 2 = \text{RM } 87,500$$

Dengan cara pembahagian yang telah diaturkan oleh Allah *Ta’ālā* ini, maka setiap ahli waris akan berpuas hati kerana setiap daripada mereka berhak mendapat bahagian masing-masing dan menerima ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sendiri. Selesainya permasalahan ini, maka terhindarlah ahli keluarga si mati daripada berlakunya pergaduhan apatah lagi pembunuhan. Keharmonian keluarga akan tetap terpelihara dan berjalan seperti biasa.

2.4.Ketentuan Allah SWT Dalam Surah al-Nisā' (4) : 11 Dalam Pandangan Mufasirin

Allah SWT telah memberikan petunjuk bagi hamba-hambaNya untuk menanyakan sesuatu perkara kepada ahlinya. Dalam kajian ini, penulis mengkaji terlebih dahulu pemahaman surah al-Nisā' (4):11 kepada ahlinya yakni para ahli tafsir baik dari segi pengertian bahasa mahupun kesimpulan hukum. Ketika melaksanakan kajian ini, penulis dapati terdapat beberapa tafsir yang di dalamnya memfokuskan terhadap pembahasan pengertian pemahaman bahasa al-Quran contohnya seperti Muḥammad al-Rāzī (544 - 606 H.) dalam kitabnya yang bertajuk *Mafātiḥ al-Ghayb*.

Adapun daripada segi hukum penulis telah menelaah kitab-kitab tafsir yang memfokuskan kajian terhadap hukum seperti al-Qurṭubī (671 H.) dalam kitabnya *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān*. Begitu juga, penulis turut merujuk beberapa kitab Fikah yang lain seperti *Mawsu‘ah al-fiqh al-Islāmiy* oleh *al-Majlis al-A'lā lishshu'un al-Islāmiyyah*.

Penulis memberikan tumpuan terhadap pendapat mufasirin dalam menerangkan surah al-Nisā' (4):11 berkenaan dengan pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan perempuan yang merupakan pembahasan utama dalam penulisan ini.

Di dalam surah al-Nisā'(4):11, Allah SWT berfirman :

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوَقَ اَثْنَتَيْنِ
 فَلَهُنَّ ثُلَّا مَا تَرَكَ وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا الْبِصْفُ وَلَا بَوِيهٌ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا
 الْسُّدُّسُ مِمَّا تَرَكَ إِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ أَبُوهُ فَلِأُمِّهِ الْثُلُثُ
 فَإِنْ كَانَ لَهُ إِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ الْسُّدُّسُ مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصَى بِهَا أَوْ دِينٌ ءَابَاؤُكُمْ
 وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنْ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا

حَكِيمًا

Maksudnya: “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta yang ditinggalkan oleh si mati. Jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu. Bagi ibu bapa (si mati), tiap-tiap seorang dari keduanya ialah satu perenam dari harta yang ditinggalkan oleh si mati, jika si mati itu mempunyai anak tetapi jika si mati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah satu pertiga. Andai pula si mati itu mempunyai beberapa orang saudara (adik-beradik), maka bahagian ibunya ialah satu perenam (pembahagian itu) ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Terjemahan Surah al-Nisā’ (4): 11

Penulis berharap agar kajian ini lebih tertumpu kepada pembahasan, maka penulis memfokuskan pembahasan tentang ayat *mawārith* dengan mengkaji dan menjelaskan pandangan para mufasir yakni;

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ
 لَا تَدْرُونَ أَيُّهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا فَرِيضَةٌ مِنْ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا

Maksudnya : “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki

menyamai bahagian dua orang anak perempuan Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa di antaranya yang lebih dekat serta banyak manfaatnya kepada kamu (pembahagian harta pusaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah) ketetapan dari Allah. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”.

Terjemahan Surah al-Nisā’ (4): 11

Keterangan bahasa dari segi lafaz perkataan mahupun pengertian kalimat:

Firman Allah SWT :

يُوصِّيْكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ

Lafaz **وَصَّى** mengandungi makna berlebihan atau yang disebut dengan *mubālaghah*. Al-Zujjaj (241 – 311 H.) mengatakan pengertian daripada **يُوصِّيْكُمْ** adalah **يَفْرُضُ عَلَيْكُمْ** yang bermaksud diwajibkan ke atasmu. Hal ini disebabkan bahawa perkataan wasiat daripada Allah SWT adalah wajib sebagaimana dalam firman Allah SWT iaitu:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ إِنَّمَا حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ

Maksudnya: dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya.

Terjemahan surah al-An’ām (6) : 151

Oleh sebab itu, al-Zujjaj (241 – 311 H.) berpendapat tidak ada keraguan padanya yang memberikan pengertian wajib atas kita (melaksanakannya)²⁴. Lebih jelas al-Qurtubī (671 H.) menyatakan makna **يُوصِّيْكُمْ** maksudnya diwajibkan ke atas kamu²⁵. Al-Qaffāl (327 – 417 H.) pula menjelaskan bahawa pengertian kalimat daripada **يُوصِّيْكُمْ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ** bermaksud Allah berfirman, wasiat

²⁴ Muhammad Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1994), *Al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātih al-Ghayb*, j.9. Beirut : Dār al-Fikr, h. 212.

²⁵ Muhammad bin Aḥmad bin Aby Bakr bin Farḥā Al-Qurtubi (1993), *Al-Jāmi’ li Ahkām Al-Qur’ān*, j. 5-6. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 50.

yang disampaikan kepadamu hendaklah ditunaikan hak-hak wajib kepada anakmu setelah peninggalanmu.

Firman Allah SWT :

ءَابَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ لَا تَدْرُونَ أَيْهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا

Ulama berbeza pendapat pada makna ayat ini:

1. Engkau tidak mengetahui siapakah daripada mereka yang lebih memberikan manfaat bagimu di akhirat. Ini kerana setiap orang daripada ayahmu dan anak-anakmu akan memberikan bantuan kepadamu yang berupa syafaat di akhirat kelak.
2. لا تَدْرُونَ أَيْهُمْ أَقْرَبُ لَكُمْ نَفْعًا maksudnya, engkau tidak mengetahui sesiapa di antara mereka yang lebih tinggi darjatnya di dunia, maksud ini diriwayatkan daripada *Ibnu 'Abbās*.

Ayat ini memberikan pengertian bahawa jika pembahagian harta pusaka dibiarkan sebagaimana yang berlaku pada awal Islam yakni hanya dengan cara memberikan wasiat kepada orang tua dan kaum kerabat dengan sesuka hati nescaya akan berlakulah ketidakadilan.

Oleh kerana itu Allah SWT mengambil alih pembahagian ini berdasarkan Dia yang Maha Tahu dan Maha Adil dengan memberikan setiap orang haknya daripada harta pusaka. Allah SWT sendiri yang menyelesaikan dengan menggunakan manfaat dan kemaslahatan kamu²⁶. Ayat ini memberikan isyarat agar meninggalkan tabiat yang cenderung untuk membahagikan harta warisan menurut keinginan sendiri kepada ahli waris ²⁷.

²⁶ Muḥammad bin Abdullah bin Muḥammad Abdullah bin Alḥmad bin al-‘Arābī (1988), *Aḥkam al-Qur’ān*, j.1. Beirut: Dār al- Jayl, h. 345.

²⁷ Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn (1994), *op cit.*, h. 226.

Firman Allah SWT:

فَرِیضَةً مِّنْ أَنَّهُ

Makki bin Aby Tālib (355 – 437 H.) dan lainnya berkata lafaz فِيْضَةٌ ini dari segi

I'rāb adalah merupakan hal yang mengandungi maksud untuk menguatkan sesuatu berita²⁸. Di dalam tafsir *al-Munīr* menyebutkan bahawa *taqdir* lafaz فِيْضَةٌ adalah

ذَلِكَ فِيْضَةٌ yang bermaksud bahawa Allah telah mewajibkan hal yang demikian²⁹.

Pengertian daripada ayat ini adalah bahawa pembahagian Allah akan harta pusaka adalah lebih baik daripada pembahagian yang diingini oleh keinginanmu. Hal ini memberikan isyarat akan wajibnya mengikuti pembahagian yang telah ditentukan dan diputuskan oleh syarak³⁰. Mahmud Yunus di dalam tafsirnya iaitu *Tafsir al-Quran al-Karīm* menegaskan bahawa barang sesiapa yang mengikutinya maka dia akan beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat manakala sesiapa sahaja yang tidak mentaatinya pasti akan dimasukkan ke dalam nerak³¹.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْمًا حَكِيمًا

Al-Khalil bin Ahmad al-Farāhīdī (100 – 170 H.) berkata bahawa bentuk berita tentang sifat Allah SWT pada lafaz ini yang mengandungi masa lalu adalah sama seperti masa sekarang serta juga mengandungi maksud masa yang akan datang. Ini kerana Allah SWT Maha Suci daripada kebergantungan dengan masa³².

²⁸ Al-Qurtubi (1993), *op.cit.*, h. 50.

²⁹ Wahbah al-Zuhayli (1991), *Al-Tafsīr al-Munīr*, c. 1. j.3-4. Beirut: Dār al-Fikr al- Mu'āsir, Damaskus: Dār al-Fikr, h. 270.

³⁰ Muḥammad al- Rāzī Fakhr al- Dīn (1994), *op.cit.*, h. 226

³¹ Mahmud Yunus (1990), *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, c. 28, Jakarta: PT. Hidakarya Agung, h. 107.

³² Muḥammad al-Rāzī Fakhr al-Dīn (1994), *op. cit.*, h. 227.

Ayat ini mengandungi pengertian bahawa Allah SWT Maha Mengetahui akan segala maklumat dan Dia akan memberikan kebaikan dalam pembahagian harta pusaka. Sesungguhnya Dia Maha Bijaksana yang tidak menyuruh kecuali ada padanya kemaslahatan dan kebaikan.

Oleh kerana itu pembahagian yang telah ditetapkan Allah SWT akan harta pusaka adalah lebih baik dan paling tepat daripada pembahagian harta pusaka yang mengikut keinginanmu. Sebagaimana Allah SWT menyatakan kepada Malaikat ﴿إِنَّمَا أَعْلَمُ بِمَا لَا يَشْعُرُونَ﴾ di mana sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak engkau ketahui³³.

Kesimpulan hukum:

1. Surah Al-Nisā'(4):11 adalah merupakan salah satu daripada tiga ayat utama berkenaan hukum pembahagian harta pusaka selain daripada surah al-Nisā' (4):12 dan 176.³⁴
2. Surah al-Nisā'(4):11 ini menerangkan tentang pembahagian harta pusaka baik bagi anak lelaki mahupun anak perempuan serta bagi kedua-dua orang tua baik bapa mahupun ibu.

Firman Allah SWT ﴿لِلَّهِ مُثْلُ حِظِ الْأَنْجِيَّةِ﴾ mengandungi beberapa hukum:

1. Apabila seseorang meninggal dunia dan ahli warisnya adalah seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan maka anak lelaki berhak mendapat dua bahagian dan seorang anak perempuan mendapat satu bahagian.

³³ *Ibid.*, h. 227.

³⁴ Rafiq Yunus al-Misri (1994), *op.cit.*, h. 14.

2. Apabila ahli waris terdiri daripada beberapa orang anak lelaki dan beberapa orang anak perempuan, maka bagi setiap anak lelaki mendapat dua bahagian dan bagi setiap anak perempuan mendapat satu bahagian.
3. Selain anak, terdapat juga pewaris yang lain seperti kedua-dua ibu bapa dan suami atau isteri. Setelah mereka mendapat bahagian masing-masing maka yang bakinya dibahagi kepada anak lelaki dan perempuan di mana bahagian anak lelaki mendapat dua bahagian daripada anak perempuan. Inilah kandungan hukum daripada ayat **اللَّهُرَ مِثْ حَظِ الْأَنْثَيْ**.³⁵

2.5. Surah al-Nisā' (4):11 Pada Pendapat Fukaha

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan anak perempuan telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran surah al-Nisā' ayat 11.

Menurut pendapat *Fuqaha'* bahawa pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan anak perempuan seperti mana yang telah ditetapkan di dalam ayat 11 surah al-Nisā' adalah sebagai berikut:³⁶

1. Anak lelaki selamanya akan mendapat bahagian '*Aṣabah*' maksudnya tidak mempunyai bahagian yang tertentu. Apabila terdapat anak lain yang mendapatkan bahagian *fardū* maka anak lelaki tersebut mengambil baki harta yang telah dibahagikan kepada ahli *fardū*. Jika anak lelaki itu merupakan anak tunggal, maka semua harta jatuh ke tangannya.
2. Anak perempuan pula mengalami tiga situasi di mana :

³⁵ Ahmad bin 'Ali Abū Bakr Al-Jassas (t.t), *Aḥkam al- Qur'ān*, j. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arābi, h. 80.
³⁶ Jum'ah Muhammad Muhammad Barraj (1981), *Aḥkām al-Mirāth*, c.1, 'Amman: Dār al-Fikr, h.h. 339-341.

- a) Apabila ada anak lelaki maka anak perempuan mendapat bahagian ‘Aşabah bersama anak lelaki dengan ketentuan anak lelaki mendapat dua kali bahagian berbanding anak perempuan.
- b) Apabila tidak ada anak lelaki dan anak perempuan pula hanya seorang maka anak perempuan tersebut mendapat sebahagian daripada harta peninggalan.
- c) Apabila tiada anak lelaki dan anak perempuan pula melebihi daripada seorang maka bahagian anak-anak perempuan tersebut adalah dua pertiga daripada harta dan dibahagikan dengan sama rata di antara mereka.

Firman Allah SWT iaitu; (لِلَّهِ مُثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيْنِ) yang mengandungi makna apabila

ada anak lelaki maka anak perempuan mendapat bahagian ‘Aşabah bersama anak lelaki. Dengan ketentuan anak lelaki mendapat bahagian dua kali bahagian daripada anak perempuan dan ini adalah merupakan pendapat ijmak ulama³⁷. Tiada satu pun mazhab fikah yang berbeza pendapat dengan pendapat ijmak baik mazhab Shāfi’ī, Ḥanāfi, Mālikī, Ḥanbalī, Zahiriyyah mahupun al-Imāmiyyah dengan tegas menyatakan bahawa bahagian anak lelaki adalah dua bahagian dan bahagian anak perempuan pula adalah satu bahagian³⁸.

³⁷ Dr. Amir Abd Al-‘Aziz (1999), *Fiqh al-Kitāb wa al-Sunnah*, j.2, c.1, Mesir: Dār al-Salām, h. 979.

³⁸ Lihat Al-Majlis Al-A’la Li al-Shu’ūn al-Islamiyyah (1990), *Mawsū’ah al- Fiqh al- Islāmī*, j. 4. Kaherah: Dār al- Kitab al-Lubnāni, h. 307- 319 dan Dr. Wahbah al- Zuhayli (2004), *Al-Fiqh al-Islamī wa ‘Adillatuh*, j.10, c.4, Damaskus: Dār al-Fikr, h. 7797.

BAB III

PENGENALAN TOKOH H. MUNAWIR SJADZALI

Dalam bab ini, penulis memperincikan tentang seorang tokoh yang dikenali sebagai H. Munawir Sjadjzali yang merupakan tokoh utama dalam disertasi ini serta keterlibatannya dalam dunia akademik Islam di Indonesia. Pengaruh pemikiran dan keilmuannya dalam kehidupan masyarakat beragama di Indonesia turut dicungkil dalam bab ini. Selain itu, turut dibahaskan juga pemahaman beliau mengenai ayat-ayat Quran khususnya dalam masalah yang berkaitan dengan *mawārīth*.

3.1. Biografi H. Munawir Sjadjzali

3. 1.1. Kelahiran dan Kewafatan

H. Munawir Sjadjzali merupakan seorang tokoh yang terkenal di kalangan para ulama dan cendekiawan sebagai seorang pembaharu Islam, cendekiawan, diplomat, negarawan dan juga ilmuwan. Beliau dilahirkan pada tanggal 7 November 1925M di Desa Karanganom, Klaten, Jawa Tengah.³⁹ Beliau adalah anak sulung daripada lapan orang adik-beradik hasil perkahwinan Abu Aswad Sjadjzali (atau juga dipanggil dengan nama tuanya Kyai Haji Mughaffir) dan Tas'iyah. Masyarakat Jawa pada ketika itu mewajibkan setiap pasangan lelaki dan perempuan yang telah berkahwin perlu mendapatkan satu nama tua yang akan dipanggil oleh keluarga mahupun sahabat handai terdekat. H. Munawir Sjadjzali bernikah pada tahun 1950M dengan Murni Sjadjzali dan dikurniakan enam orang anak iaitu Muchlis (Almarhum), Mustahdiyati, Mustain, Muhtadi dan Muflihatun.

³⁹ Badiatul Roziqin (2009), *101 Jejak Tokoh Islam Indonesia*, c.1. Yogyakarta: e- Nusantara, h. 289.

Pada 8 Jun 2004 M, beliau menerima rawatan di Hospital Pondok Indah, Jakarta Selatan disebabkan akibat serangan strok dan komplikasi beberapa penyakit yang lain seperti hepatitis dan diabetes melitus (gula). Beliau dimasukkan semula ke Hospital Pondok Indah, Jakarta Selatan dan pada hari Jumaat bersamaan 23 Julai 2004 M dan meninggal dunia di hospital tersebut. Pada hari Sabtu tanggal 24 Julai 2004 M, beliau disemadikan di Tanah Perkuburan Giritama Tonjong, Parung KM 35, Bogor, Jawa Barat⁴⁰.

3.1.2. Pendidikan

Tiada siapa yang dapat menduga dahulunya merupakan seorang insan biasa tetapi kini menjadi seorang yang begitu istimewa, begitulah halnya yang terjadi pada diri H. Munawir Sjadjali. Ketika merasmikan acara pembinaan masjid di kampungnya yang ketika itu memegang jawatan sebagai Menteri Agama Indonesia pada tahun 1983M, beliau bertemu semula dengan sahabat-sahabat sekelasnya yang bersekolah di Manbā’ al-‘Ulūm, Solo.

Salah seorang dari rakannya dengan nada kehairanan berterus terang menyatakan bagaimana H. Munawir Sjadjali boleh menjawat jawatan sebagai Menteri Agama Republik Indonesia. Padahal menurutnya, ketika belajar dahulu beliau tergolong di kalangan pelajar yang mempunyai prestasi yang biasa sama seperti rakan-rakannya dan bukan merupakan seorang pelajar yang cemerlang dari segi akademik.

Hal ini juga diakui oleh H. Munawir Sjadjali sendiri, bahkan beliau berterus terang pada waktu itu adalah disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan.

⁴⁰ Budi Handrianto (2007), *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia*, c.1. Jakarta: Hujjah Press, h. 54.

Beliau memang seorang yang berperwatakan biasa dan perubahan yang berlaku adalah ketika beliau melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Akhirnya beliau belajar dengan lebih tekun dan mempunyai semangat juang yang tinggi, hal ini disebabkan keperluan hidup yang kian mendesak serta masa depan sebagai seorang pegawai negeri yang sedang menantikan kelahiran anaknya yang pertama⁴¹.

Terdapat beberapa kenangan silam yang begitu berbekas di hati H. Munawir Sjadzali telah menjadikan beliau seorang yang bersemangat, berusaha keras dan semangat dalam pelajaran kerana beliau mempunyai cita-cita yang hendak dicapai, yakni meraih ilmu pengetahuan supaya dapat mengubah masa depannya, iaitu⁴²:

Kenangan pahit yang pertama ketika menerima penghinaan daripada saudara mara disebabkan kehidupan zaman kecilnya yang miskin, di mana ketika beliau berusia sembilan tahun, ayahnya tidak berkemampuan bagi mengadakan majlis berkhatan, sebaliknya menumpang pada majlis berkhatan sepupu beliau, yang merupakan anak daripada salah seorang adik perempuan ayahnya.

Pada malam hari selepas berkhatan, salah seorang bapa saudaranya (adik ayahnya) berkata dengannya “Silakan makan, selagi ada makanan yang sedap. Ayahmu tidak dapat mengadakan majlis seperti ini”. Mendengar ucapan tersebut, beliau menjadi tidak berselera untuk makan dan kata-kata itu masih lagi terngiang-ngiang di telinganya sehingga zaman tuanya. Pernah pada suatu malam yang sepi disebabkan menanggung hidup yang begitu susah, beliau menangis di hadapan *al-Khaliq* dan berdoa, “Ya Allah berikanlah kepada hambamu ini kekuatan dan ketabahan bagi menanggung penderitaan

⁴¹ Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), *Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadzali. MA*, c. 1. Jakarta: PT. Temprint, h. 6.

⁴² *Ibid.*, h. 12-18.

ini. Aku memohon kepadaMu agar diriku sahaja yang memikul beban yang seberat ini. Jauhkanlah anak-anakku dan keturunanku daripada kemiskinan”.

Kedua, pesanan ayahnya yang juga merupakan guru dalam hidupnya. Ayahnya merupakan salah seorang pengikut *Tariqah Shādhiliyah*. Beliau pernah menuntut ilmu Islam di beberapa pondok di Indonesia seperti Jamsaren di Solo, Tebuireng di Jombang dan Termas di Pacitan⁴³. Pada suatu hari ayahnya pernah berpesan kepadanya dengan menggunakan bahasa Jawa yang merupakan bahasa daerahnya, “ Munawir anakku, tampaknya sekarang ini kita sedang ditakdirkan hidup dalam kemiskinan. Akan tetapi, janganlah disebabkan kemiskinan ini kita kehilangan harapan terhadap Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Sebagaimana seperti saranan Imam Syafii yang merupakan seorang ahli fikah besar di mana mazhabnya diikuti di kalangan umat Islam Indonesia pernah menyatakan, “ Aspirasiku adalah sama dengan aspirasi para raja, jiwaku jiwa manusia merdeka dan bagiku kehidupan hina itu sama dengan kekafiran”⁴⁴ .

Kemudian ayahnya menegaskan “Peganglah ungkapan imam besar itu sebagai semboyan dan obormu, khususnya pada waktu kamu melalui lorong-lorong kehidupan yang gelap dan kumuh yang sedang engkau lalui sekarang ini”. Ungkapan tersebutlah yang merupakan pembakar semangat baginya sehingga beliau tidak pernah merasakan kehilangan harapan dan kepercayaan akan kebesaran dan kemurahan rahmat dariNya⁴⁵.

Ketiga, jasa dan pengorbanan ibunya. Setelah beliau berjaya menghabiskan pengajian di Manbā’ al-‘Ulūm, keluarga dan orang tuanya amat gembira hasil kejayaan tersebut, namun kegembiraan tersebut sedikit terganggu apabila mengetahui bahawa

⁴³ Cipto Sembodo (2005), “The Reactualization Of Islamic Law: Munawir Sjadzali And The Politics Of Islamic Legal Interpretation Under The New Order Indonesia” dalam Sukamto et al. (ed), *Al-Jami’ah: Journal Of Islamic Studies*. Yogyakarta : UIN Sunan Kalijaga, h. 102-103.

⁴⁴ Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), *op. cit.*, h. 16.

⁴⁵ *Ibid.*, h. 16.

ijazah (sijil) yang diperakui sebagai tanda kejayaan itu harus dibayar dengan wang bahkan rakan-rakan beliau yang sama-sama lulus bersepakat untuk mengadakan majlis makan bersama di Warung Makan Madura.

Tanpa diketahui daripada mana datangnya wang tersebut, ibunya terus memberikan wang secukupnya bagi membayar yuran ijazah dan bayaran untuk majlis makan bersama rakan-rakannya sambil berkata, “Ambil ijazahmu dan cepat pulang dengan semua barang-barangmu!”. Setelah mengambil ijazah (sijil) dan kembali ke desa, timbul keinginan beliau untuk mengetahui daripada mana ibunya mendapatkan wang untuk membayar ijazah dan majlis makan sedangkan jumlah pokok kelapa yang ditanam belum ada satu pun yang ditebang dan dibeli orang.

Pada hari ketiga selepas solat Maghrib di masjid, beliau terus menghampiri ibunya yang sedang berwirid lalu merebahkan dirinya dan tidur di samping ibunya dengan meletakkan kepala di atas pangkuhan ibunya. Dengan suaranya yang lembut, beliau bertanyakan daripada mana datangnya wang yang diperolehi ibunya. Ibunya terdiam seketika dan menjawab dengan suara yang tersekat-sekat lantas berkata, “Adakah Munawir ingin mengetahui daripada mana datangnya wang tersebut?”. Munawir pun menganggukkan kepalanya lantas ibunya bercerita bahawa ibunya mempunyai dua potong jarit (kain panjang) yang masih sebahagiannya baru dan sebahagian lagi sudah lusuh. Kain panjang yang sebahagian baru itu telah dijual di pasar dan wang hasil penjualan itulah yang diberikan ibunya kepada Munawir.

Beliau tersentak mendengar penjelasan ibunya lalu berkata, “Kalau begitu, ibu hanya mempunyai sepotong kain panjang, kalau dicuci ibu mahu memakai apa?”. Dengan suara yang bergetar ibunya menjawab: “Ibu meminjam kain sarung ayahmu”.

Kemudian beliau mendengar suara tangisan ibunya. Pada saat itu, Munawir percaya bahawa ibunya menitiskan air mata, hanya beliau tidak dapat melihatnya disebabkan cahaya rumah yang samar-samar. Perasaan beliaupun bercampur aduk dan terharu, lantas beliau bangkit dan memeluk ibunya dengan erat sambil membayangkan betapa besarnya pengorbanan ibunya⁴⁶.

Pengorbanan seorang ibu tidak disia-siakan oleh Munawir, dengan berbekalkan ijazah (sijil) tersebutlah Munawir dapat meneruskan pengajiannya bahkan sehingga ke luar negara dan meraih masa depan yang cerah yang tidak pernah diduga sebelum ini.⁴⁷

Pengajian yang telah berjaya disempurnakan oleh H. Munawir Sjadzali seperti⁴⁸:

1. *'Ibtida'iyyah*, Madrasah Bi'tsatu al-Muslimin, Karanganom, Klaten, (1937).
2. *Thānawiyah*, Madrasah al- Islam, Solo (1940).
3. *'Āliyah*, Madrasah Manbā' al-'Ulūm (1943).
4. Kursus Diplomatik dan Konsuler Deplu (Kementerian Luar) di Universitas Exeter, Inggeris-Raya (1953 - 1954).
5. M.A, Universitas Georgetown, AS (Amerika Serikat) (1959).
6. Pada akhir tahun 1994, beliau mendapatkan gelaran Doktor Honoris Causa dalam bidang Ilmu Agama Islam dari IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

⁴⁶ *Ibid.*, h. 18.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 46 - 53.

⁴⁸ Tokoh Indonesia, <http://www.tokoh> indonesia.com/ensiklopedi/m/munawir-sjadzali/index.shtml, 14 November 2006.

3.1.3 Karier dan Jawatan

Hj. Munawir Sjadzali merupakan seorang tokoh intelektual, agamawan, diplomat juga negarawan yang mempunyai banyak karier dan jawatan sama ada di dalam maupun di luar negara. Di bawah ini kita dapat mengetahui jawatan yang pernah disandang oleh beliau⁴⁹.

A. Pengalaman bekerja di dalam negara:

- Guru SD Islam Gunungjati, Unggaran (1944M).
- Pemimpin MPHS (Markas Pimpinan Pertempuran Hizbulah Sabil-il-lah), Jawa Tengah (1946M).
- Staf Seksi Arab/Timur Tengah Departemen Luar Negeri (1950M).
- Kepala Bagian Amerika Utara, Departemen Luar Negeri (1959M-1963M).
- Kepala Biro Tata Usaha Pimpinan Deplu (Departemen Luar Negeri) (1975M-1976M).
- Kepala Biro Umum, Deplu (Departemen Luar Negeri) (1975M-1976M).
- Staf Ahli Menteri Luar Negeri, dan Direktur Jenderal Politik Departemen Luar Negeri (1980M).
- Ketua Umum WAMS (World Association of Muslim Scholars) (1983M).
- Pensyarah Pasca siswazah Institut Agama Islam Negeri(IAIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta
- Menteri Agama Republik Indonesia pada Kabinet Pembangunan IV (1983M-1988M) hingga Kabinet Pembangunan V (1988M-1993M)
- Anggota Dewan Pertimbangan Agung (1993M-!998M)

⁴⁹ H. Munawir Sjadzali (1994), *Bunga Rampai Wawasan Islam Dewasa Ini*, c. 1. Jakarta: Universitas Indonesia, h. cover book.

- Ketua Komisi Hak Asasi Manusia (1993M-1998M)

B. Pengalaman bekerja di luar negara :

- Atase/Sekretaris III Kedutaan Besar Republik Indonesia di Washington, AS (1956M-1959M).
- Sekretaris I, Kedutaan Besar Republik Indonesia di Colombo, Sri Lanka (1963M-1968M).
- Minister/Wakil Kepala Perwakilan Republik Indonesia di London (1971M-1974M).
- Duta Besar Republik Indonesia untuk Emirat Kuwait, Bahrain, Qatar dan Perserikatan Keamiran Arab (1976M-1980M).

3.1.4. Karya-Karya

Hj. Munawir Sjadzali terlalu sibuk bekerja selama 33 tahun sebagai seorang pegawai kerajaan di kementerian luar negara yang ditugaskan sebagai diplomatik. Ketika beliau menjadi Menteri Agama selama 10 tahun, tidak banyak hasil karya yang ditulis oleh beliau. Akan tetapi beliau masih aktif menyampaikan seminar-seminar berbentuk ilmiah di dalam maupun di luar negara. Terdapat beberapa karya yang telah diterbitkan antaranya:

A. Buku-buku:⁵⁰

1. Islam Dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran.
2. Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa
3. Bunga Rampai Wawasan Islam Dewasa Ini

⁵⁰Pikiran Rakyat, <http://www.Pikiran-rakyat.com/cetak/0704/24/0106.htm>, 14 November 2006.

4. Mungkinkah Negara Indonesia Bersendikan Islam

5. Ijtihad Dalam Sorotan

B. Disertasi :

1. Indonesia's Muslim Parties and Their Political Concepts.

Ini adalah tajuk disertasi H. Munawir Sjadjali bagi mendapatkan gelaran Master of Arts (MA) di Georgetown University, Washington DC., AS pada tahun 1959. Isi kandungan disertasi inilah yang menyebabkan beliau menjawat jawatan sebagai Menteri Agama Indonesia pada kabinet pembangunan IV sekitar tahun 1983 di mana isi kandungannya yang ditulis dalam bentuk naskhah dibaca oleh Presiden Indonesia, Soeharto.

Pada saat itu Soeharto berpendapat bahawa semua organisasi-organisasi masyarakat di Indonesia perlu menjadikan asas Tunggal Pancasila sebagai asas satu-satunya bagi sesebuah organisasi. Pada tanggal 16 Ogos 1982, beliau menyampaikan pidato kenegaraan ketika sidang Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) sedang berlangsung. Kesan daripada pidato tersebut, telah menimbulkan perbalahan antara ahli dewan dan pemimpin organisasi kemasyarakatan Islam. Sehingga ada di antara mereka yang tidak bersetuju terhadap cadangan presiden itu kerana kebanyakan organisasi kemasyarakatan Islam Indonesia sudah mempunyai asas yang berasaskan ajaran Islam⁵¹.

⁵¹ Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), *op.cit.*, h. 74 - 77.

C. Artikel:⁵²

1. Shari'ah: A Dynamic Legal System. Pada tahun 1985M, artikel ini dibentangkan oleh beliau pada seminar Internasional on Shari'ah and Codification di Kolombo.
2. The Role of the Muslim Religious Leaders (Ulama) in the Solution of the Population Problems Indonesian Experience. Pada tahun 1987M, artikel ini dibentangkan oleh beliau pada acara seminar antarabangsa yang berlangsung di Kairo.

3.1.5. Pemikiran dan Pengaruhnya di Indonesia

H. Munawir Sjadjzali dikenali sebagai tokoh yang mempunyai pemikiran dan gagasan yang cemerlang serta berani. Beliau mempunyai pengetahuan dan wawasan keagamaan yang luas serta juga mempunyai kepakaran dalam bidang diplomatik. Kedua-dua kelebihan tersebut telah meletakkannya menjadi seorang yang berjaya memimpin Kementerian Agama. Hal ini terbukti apabila beliau diberi kepercayaan oleh Presiden Soeharto untuk memimpin kementerian tersebut selama dua penggal(10 tahun) pada Kabinet Pembangunan IV (1983M-1988M) dan Kabinet Pembangunan V (1988M-1993M).⁵³

Selama menjadi Menteri Agama, H. Munawir Sjadjzali telah membuat gagasan dan kebijakan(polisi) yang cemerlang dan berani. Ada beberapa ketetapan hukum dari

⁵² H. Munawir Sjadjzali (1994), *op.cit.*, h. cover book.

⁵³ H. Munawir Sjadjzali (1993), *Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa*,c. 1. Jakarta: Universiti Indonesia, h. 27.

kebijakan (polisi) dan usaha gigih beliau masih berfungsi di Indonesia sehingga sekarang ini, seperti:

1. Penerimaan Asas Tunggal Pancasila.
2. Penerapan Kompilasi Hukum Islam di Pengadilan(Mahkamah) Agama.

Oleh kerana itu, tidak hairanlah jika salah seorang pemerhati perkembangan hukum Islam di Indonesia yakni Michael Feener menempatkan H. Munawir Sjadjali sebagai seorang tokoh pembangunan bagi ilmu hukum Islam moden pada abad ke 20.⁵⁴ Selain itu, beliau turut dikenali sebagai seorang tokoh yang mewujudkan keharmonian antara hubungan Islam dan negara. Terdapat tiga kejayaan beliau yang paling menonjol iaitu:

1. Asas Tunggal Pancasila

Sebagai Menteri Agama H. Munawir Sjadjali adalah merupakan seorang pembantu utama Presiden dalam bidang keagamaan. Beliau diberi mandat untuk mengajak tokoh-tokoh agama yang terdapat di Indonesia untuk bersama-sama mencari jalan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi permasalahan agama yang dihadapi pada saat itu. Langkah pertama yang diambil oleh beliau adalah mengajak tokoh-tokoh agama untuk bermesyuarat agar mereka dapat menerima Pancasila sebagai satu-satunya asas bagi organisasi-organisasi kemasyarakatan di Indonesia.⁵⁵

Hal ini adalah bertujuan bagi merealisasikan hasrat Presiden sebagaimana yang disampaikan oleh Presiden Soeharto pada pidato kenegaraan ketika bersidang di DPR-RI (Dewan Perwakilan Rakyat-Republik Indonesia) pada tanggal 16 Ogos 1982.

⁵⁴ Cipto Sembodo (2005), *op. cit.*, h. 100-101.

⁵⁵ Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), *op.cit.*, h. 78.

Akhirnya hasrat ini menjadi perbualan hangat di kalangan masyarakat beragama khususnya yang beragama Islam kerana mempersoalkan di manakah kedudukan agama setelah dilaksanakan peraturan tersebut⁵⁶.

Oleh kerana semua organisasi Islam sebelum ini menjadikan Islam sebagai asas bagi organisasi masing-masing. Bahkan terdapat seorang tokoh Islam yang mengajak H. Munawir Sjadjzali sebagai Menteri Agama untuk berbincang mengenai masalah itu di mimbar terbuka. Satu peristiwa sejarah yang tidak dapat dilupakan adalah terjadinya Peristiwa Tanjung Priok pada September 1984 yang mengorbankan banyak nyawa dan disumbatkan ke dalam penjara kebanyakan tokoh Islam kerana menolak ketentuan yang telah menjadi ketetapan MPR-RI (Majelis Permusyawaratan Rakyat- Republik Indonesia) Nombor IV Tahun 1983⁵⁷.

Bagi Hj. Munawir Sjadjzali selaku Menteri Agama ketika itu, secara peribadi baik secara intelektual, mental mahupun moral tidaklah sukar baginya untuk memahami dan menerima ketetapan tersebut. Beliau membuat kesimpulan bahawa tidak semestinya di dalam ajaran Islam menjadikan Islam sebagai dasar sesebuah negara. Pendapat ini sudah lama diyakini oleh beliau sebelum menjadi Menteri Agama lagi⁵⁸.

Pendapat ini merupakan salah satu kesimpulan dari disertasi beliau ketika mendapatkan gelaran Master of Arts (MA) di Georgetown University, Washington DC, AS pada tahun 1959 yakni 24 tahun sebelum ketetapan MPR-RI tersebut. Beliau bekerja keras bagi meyakinkan tokoh-tokoh agama bahawa usaha pemerintah itu bukanlah

⁵⁶ *Ibid.*, h. 79.

⁵⁷ *Ibid.*, h. 81-82.

⁵⁸ *Ibid.*, h. 81.

untuk menggantikan agama dengan pancasila atau mengagamakan pancasila tetapi usaha tersebut semata-mata hanya untuk menjaga keutuhan bangsa.⁵⁹

Setelah melalui musyawarah yang panjang, akhirnya organisasi-organisasi besar Islam seperti Nahdlatul Ulama (NU), Muhammadiyah, Al-Washliyah, Majlis Ulama Indonesia dapat menerima ketetapan tersebut. Penerimaan tersebut dengan keyakinan bahawa penerimaan Pancasila sebagai asas satu-satunya untuk kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara tidak akan sedikit pun mengurangkan keutuhan akidah Islamiah. Nahdlatul Ulama membuat rumusan bagi menyelesaikan masalah di mana setiap organisasi masyarakat (ORMAS) perlulah berasaskan Pancasila dan akidah Islam⁶⁰.

Apabila Pancasila diterima sebagai satu-satunya asas oleh umat Islam, maka hilanglah keraguan daripada mana-mana pihak bahawa umat Islam tidak dapat menerima negara nasional yang berasaskan Pancasila. Akhirnya penerimaan tersebut ternyata telah membentuk satu persatu aspirasi umat Islam menjadi kukuh dan mendapat perhatian dari negara⁶¹.

Kegiatan-kegiatan dakwah semakin rancak dilaksanakan seperti kegiatan berdakwah yang semakin meluas bahkan didukung, penayangan pembelajaran bahasa Arab turut disiarkan di televisyen, cadangan Rang Undang-Undang Peradilan (Mahkamah) Agama, Kompilasi hukum (undang-undang) Islam dan lain-lain lagi.

⁵⁹ *Ibid.*, h. 78.

⁶⁰ *Ibid.*, h. 80-81.

⁶¹ *Ibid.*, h. 81-82.

Kehidupan beragama pun dirasakan semakin bersemarak demikian juga dengan kegiatan pengajian Islam⁶².

2. Pengemaskinian IAIN (Institut Agama Islam Negeri)

IAIN merupakan lembaga pendidikan tinggi negeri agama di bawah kelolaan Kementerian Agama. Walaupun telah berdiri teguh puluhan tahun lamanya namun masih terdapat masalah-masalah dasar yang dapat diselesaikan. Dalam hal ini H. Munawir Sjadzali mengadakan dua langkah pengemaskinian iaitu pertama dari segi pengemaskinian dasar hukum (undang-undang) IAIN dan yang kedua ialah dari segi peningkatan sumber daya manusia.

Pertama: Dari Segi Pengemaskinian Dasar Undang-Undang IAIN.

Sebagai lembaga pendidikan tinggi negeri agama walaupun sudah berdiri teguh puluhan tahun lamanya namun dasar undang-undangnya masih belum ketat. Struktur mahupun organisasinya masih belum jelas berbanding perguruan-perguruan tinggi negeri yang dikelolakan oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan⁶³.

Untuk membantu IAIN dari segi dasar undang-undang, H. Munawir Sjadzali telah dibantu oleh Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Kabinet Pembangunan IV iaitu Prof. Dr. Nugroho Notosusanto serta Menteri Pendayagunaan Aparatur Negara ketika itu Prof. Dr. Saleh Afif. Akhirnya masalah tersebut dapat diselesaikan. Peraturan Pemerintah Nombor 33 Tahun 1985 telah memberikan status, perlakuan dan kemudahan

⁶² *Ibid.*, h. 78-82.

⁶³ *Ibid.*, h. 81-82.

kepada 14 IAIN yang setaraf dengan perguruan tinggi negeri yang dikelolakan oleh Departemen Pendidikan dan Kebudayaan⁶⁴.

Peraturan Pemerintah itu telah diperincikan dengan Keputusan Presiden Nombor 9 Tahun 1987 yang merupakan sebahagian dari Undang-Undang Nombor 2 Tahun 1989 tentang sistem Pendidikan Nasional. Dengan adanya Undang- Undang Nombor 2 Tahun 1989 tersebut maka⁶⁵ :

- Diakui bahawa pendidikan agama merupakan subsistem dari sistem pendidikan nasional
- Pendidikan agama merupakan mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah umum yang melibatkan SD (Sekolah Dasar), SMTP (Sekolah Menengah Tingkat Pertama), SMTA (Sekolah Menengah Tingkat Atas), dan perguruan tinggi.
- Dijamin eksistensi lembaga-lembaga pendidikan keagamaan seperti Madrasah 'Ibtida'iyyah, Thānawiyyah, 'Āliyah dan Institut-institut Agama Islam yang lain.

Kedua: Peningkatan Sumber Daya Manusia

Dalam usaha meningkatkan sumber daya manusia, H. Munawir Sjadzali mencipta dua dasar yakni yang pertama meningkatkan kualiti penguasaan ilmu agama bagi calon-calon IAIN dan yang kedua ialah menghantar lulusan IAIN ke perguruan tinggi barat .

1. Usaha pertama, meningkatkan kualiti penguasaan ilmu agama bagi calon-calon pelajar IAIN.

⁶⁴ *Ibid.*, h. 84.

⁶⁵ H. Munawir Sjadzali (1993), *op. cit.*, h. 27.

Menurut ketentuan SKB yakni Surat Keputusan Bersama,⁶⁶ tiga menteri (Menteri Dalam Negeri, Menteri Pendidikan dan Kebudayaan serta Menteri Agama) iaitu tahun 1975 telah menyatakan bahawa madrasah adalah setaraf dengan sekolah umum, 'Ibtida'iyyah pula setaraf dengan Sekolah Dasar, *Thānawiyah* setaraf dengan SMTP dan 'Āliyah adalah setaraf dengan SMTA. Pelajar lulusan 'Āliyah berpeluang masuk ke perguruan tinggi umum manakala pelajar lulusan SMTA pula diterima mengikuti pengajian di IAIN. Bagi diselaraskan dengan perguruan umum maka kurikulum madrasah haruslah mengandungi 70% pengetahuan umum dan 30% pengetahuan agama⁶⁷.

Menurut H. Munawir Sjadzali kandungan kurikulum yang merangkumi 30% pengetahuan agama ini hanya lebih ditumpukan untuk memasuki perguruan tinggi umum sahaja. Akan tetapi tidak melibatkan kemasukan ke IAIN yang diharapkan dapat melahirkan ulama-ulama yang disegani suatu hari nanti.⁶⁸

Kemudian, H. Munawir Sjadzali telah menghadap Presiden Soeharto untuk mendapatkan keizinan mengadakan "pilot project" di mana lulusan pelajar Aliyah perlu mengikuti program khusus di mana melibatkan 70% pengetahuan agama dan hanya 30% pengetahuan umum sebagaimana yang dilaksanakan di 'Āliyah Manbā' al-'Ulūm tempat beliau belajar dahulu. Presiden telah bersetuju dengan pendapat dan gagasan yang disampaikan oleh beliau⁶⁹.

Pada tahun 1988, Projek tersebut dimulakan dengan membuka lima MAN (Madrasah 'Āliyah Negeri) yang melaksanakan program khusus antaranya di Padang

⁶⁶ Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional (2005), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, c.3, Jakarta: Balai Pustaka, h. 1336.

⁶⁷ Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), *op.cit.*, h. 83.

⁶⁸ *Ibid.*, h. 83.

⁶⁹ *Ibid.*, h. 84-85.

Panjang, Ciamis, Daerah Istimewa Yogyakarta, Ujung Pandang dan Jember. Beberapa tahun kemudian ditambah lagi lima MAN di Banda Aceh, Lampung, Solo, Banjarmasin serta Mataram dan jumlah sekarang bagi Program Khusus MAN sudah menjangkau sehingga 110 buah. Jumlah sebanyak ini adalah bukti daripada keberhasilan projek tersebut⁷⁰.

Pada tahun 1991 seramai 48 pelajar lulusan MAN telah melanjutkan pengajian ke Al-Azhar Kaherah di Mesir. Mereka semua diterima di sana dan tidak terdapat sebarang kesulitan yang melibatkan lulusan Program Khusus ‘Āliyah kerana diperakui sijilnya setaraf dengan Madrasah *Thānawiyah* di Mesir⁷¹.

2 . Usaha kedua, menghantar lulusan IAIN ke Perguruan Tinggi Barat.

Menurut H. Munawir Sjadzali ilmuwan-ilmuwan Islam Indonesia diharapkan dapat membawa ajaran Islam ke dalam pemahaman moden dan menjadi perantara di sana. Mereka ini adalah merupakan para pelajar yang mendapatkan pendidikan S1 di timur kemudian berkesempatan pula mengenali dunia perguruan tinggi barat⁷².

Contoh ilmuwan-ilmuwan Islam tersebut seperti Prof. Dr. H. M. Rasjidi, Prof. Dr. Mukti Ali dan Prof. Dr. Harun Nasution. Perkenalan dengan dunia perguruan tinggi Barat akan dapat memperluas cakerawala ilmiah dan dapat berfikiran secara kritis terhadap ilmu pengetahuan termasuk pengetahuan agama. Oleh kerana itu lulusan – lulusan IAIN perlu mengambil kesempatan tersebut⁷³.

⁷⁰ *Ibid.*, h. 85.

⁷¹ *Ibid.*, h. 82-85.

⁷² *Ibid.*, h. 83.

⁷³ *Ibid.*, h. 83.

Menurut beliau, sekembalinya mereka ke tanah air nanti, dapatlah bekerjasama dengan lulusan sarjana lain yang berpendidikan barat. Maka demi keamanan pembangunan nasional, antara dua kelompok ilmuwan tersebut (ilmuan keagamaan dan ilmuwan akademik) diharap dapat berbicara dalam satu nada yang sama. Ketidakseimbangan komunikasi antara dua kelompok ini boleh menjasaskan pembangunan nasional⁷⁴.

Bahawasanya kegusaran di atas sebenarnya pernah terjadi pada diri H. Munawir Sjadzali sendiri. Gagasan reaktualisasi yang disampaikan oleh beliau sendiri pada upacara Konvokesyen Sarjana ke XXIV IAIN Syarif Hidayatullah Jakarta tanggal 23 Julai 1987 M. lalu yang bertajuk “ Gejala Krisis Integritas Ilmiah di Kalangan Ilmuwan Islam” telah menimbulkan kegemparan masyarakat Islam di Indonesia. Daripada sumber yang diterima, beliau mendapat tahu bahawa hal tersebut telah sampai kepada Presiden Soeharto⁷⁵.

Pada minggu pertama bulan September 1987, beliau dipanggil untuk menghadap Presiden di Istana Merdeka bagi melaporkan tentang penyelenggaraan ibadah haji jemaah Indonesia. Kesempatan tersebut dimanfaatkan oleh beliau untuk bertanyakan kepada Presiden tentang pidato yang disampaikannya di IAIN tanggal 23 Julai 1987 lalu. Presiden Soeharto mengakuinya namun ingin mendapatkan penjelasan terlebih dahulu daripada H. Munawir Sjadzali sendiri. Selepas itu, beliau menyerahkan satu naskhah pidatonya kepada Presiden dengan menunjukkan ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Quran jika diertikan secara harfiah tidak lagi relevan dengan dunia sekarang.

⁷⁴ *Ibid.*, h. 83.

⁷⁵ *Ibid.*, h. 96 - 97.

H. Munawir Sjadjzali memberitahu kepada Presiden Soeharto bahawa pendapatnya mungkin salah di mana selagi umat Islam berpendirian dengan ayat al-Quran yang diertikan secara harfiah, maka Islam itu sendiri akan menjadi penghalang kepada kemajuan dan pembangunan. Akan tetapi pemahaman kita tentang Al-Quran haruslah juga bersifat kontekstual. Andai kata apa yang dilakukan oleh H. Munawir Sjadjzali itu salah, beliau akan menghentikannya dengan serta-merta. Lantas Presiden Soeharto menyatakan ianya tidak salah tetapi perlu ada strategi untuk melaksanakannya. Presiden juga menasihatkan supaya jangan bertindak sendirian malah digalakkan untuk menggunakan IAIN dalam mencetak ilmu-ilmu yang mengikut fahaman beliau. Presiden juga menegaskan pada zaman emansipasi wanita sekarang ini, anak perempuan hanya menerima harta pusaka separuh daripada yang diterima oleh anak lelaki.

H. Munawir Sjadjzali keluar dari Istana Merdeka dan kembali ke Departemen Agama dengan hati yang berbunga riang disebabkan laporan berkenaan gagasan reaktualisasi beliau telah sampai kepada pengetahuan Presiden malah telah mendapat sokongan langsung daripada Presiden. Disebabkan terlalu gembira, beliau mengambil wuduk kemudian melakukan sujud syukur sebelum menunaikan solat Zuhur. Tanpa berlengah, beliau menelefon beberapa rakan-rakannya dan memberitahu berita gembira tersebut. Salah seorang dari rakan beliau mengatakan perkara ini amat luar biasa di mana gagasan pembaharuan mendapat dukungan daripada mandataris⁷⁶.

Oleh kerana itu, gagasan beliau untuk menghantar para sarjana S1 IAIN ke pendidikan barat telah mendapat sokongan penuh daripada Presiden Soeharto. Sebenarnya sejak zaman Prof. Dr. Mukti Ali memegang portfolio sebagai Menteri Agama lagi, penghantaran penyandang gelaran S1 ke barat telah pun dimulakan

⁷⁶ *Ibid.*, h. 97.

khususnya ke Universiti Mc Gill, Montreal (Canada) dan juga Universiti Leiden, Holland. Akan tetapi projek ini telah terhenti seketika disebabkan beberapa masalah yang timbul⁷⁷.

Ketika H. Munawir Sjadzali memimpin Departemen Agama, penghantaran pelajar ke barat telah dihidupkan kembali. Beliau menjadikan projek tersebut sebagai *pet-project* atau projek kesayangannya. Beliau memanfaatkan biasiswa Fulbright dari Amerika Syarikat serta menandatangani perjanjian kerjasama dengan pemerintah Belanda dan Canada bagi tujuan projek tersebut. Dengan peluang tersebut, pensyarah-pensyarah IAIN berkesempatan belajar di Universiti Leiden, Holland dan Universiti Mc Gill, Montreal (Canada) selama lima tahun⁷⁸.

Selama beliau memegang jawatan sebagai Menteri Agama, seramai 225 orang yang terdiri daripada pensyarah atau mahasiswa pasca sarjana IAIN dihantar keluar negara khususnya ke barat. Sehingga awal tahun 1993 seramai 12 orang daripada mereka dari mereka telah kembali ke Indonesia dengan menyandang gelaran Ph.D dan 67 orang mendapat gelaran MA. Beliau berasa gembira kerana Dr. Tarmizi Taher yang menyandang jawatan Menteri Agama selepas beliau berjanji akan meneruskan projek tersebut⁷⁹.

Sekitar bulan Mei 1995, ketika menghadiri Seminar Tentang Agama dan Masyarakat dalam Dunia Moden oleh LIPI, IAIN dan American-Indonesian Exchange Foundation, beliau berasa gembira kerana sebahagian besar peserta dari Indonesia

⁷⁷ *Ibid.*, h. 86.

⁷⁸ *Ibid.*, h. 86.

⁷⁹ *Ibid.*, h. 86.

adalah merupakan pelajar yang dihantar mengikuti pendidikan tinggi barat yang kembali dengan menyandang gelaran Ph.D mahupun MA⁸⁰.

3. Pengemaskinian Pengadilan Agama

Dalam mengemaskini Pengadilan Agama, Munawir Sjadzali membuat dua langkah iaitu:

Pertama, Undang-undang Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah)

Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) di Indonesia telah ditubuhkan sejak sebelum kedatangan Belanda lagi. Walaupun Pengadilan Agama telah lama ditubuhkan namun kedudukan dan kekuasaannya secara hukum (undang-undang) belum diselaraskan dengan pengadilan yang lain seperti Pengadilan Umum sebagai contoh misalnya⁸¹:

- a) Sejak tahun 1882 Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) di Jawa dan Madura tidak diberikan kekuasaan untuk mencampuri hal yang berkaitan dalam pembahagian harta pusaka umat Islam. Hal yang sama juga diberlakukan pada Kerapatan Qadli dan Kerapatan Qadli Besar di Kalimantan Selatan serta Kalimantan Timur sejak tahun 1937 lagi.
- b) Keputusan Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) perlu dilihat terlebih dahulu oleh Pengadilan Umum, begitu juga pelaksanaan atau eksekusi keputusannya dilaksanakan oleh Pengadilan Umum(Mahkamah Sivil).
- c) Hakim-hakim Agama dilantik dan diberhentikan jawatannya oleh Menteri Agama, tidak seperti yang berlaku kepada hakim-hakim dari Pengadilan Umum,

⁸⁰ *Ibid.*, h. 83 - 87.

⁸¹ *Ibid.*, h. 98.

Militer dan Tata Usaha Negara di mana para hakim dilantik dan diberhentikan oleh Presiden.

Untuk menghilangkan kecacatan yang ada pada Pengadilan Agama tersebut, Munawir Sjadjzali dibantu dengan dua pakar undang-undang iaitu Prof. dr. H. Bustanul Arifin, SH yang ketika waktu itu juga memegang jawatan sebagai Ketua Muda Mahkamah Agung Lingkungan Pengadilan Agama dan Prof. Dr. A. Hamid S. Attamimi, SH sebagai Wakil Seketaris Kabinet yang juga merupakan Profesor di Fakulti Hukum Universiti Indonesia.

Akhirnya dapatlah dilaksanakan undang-undang yang baru iaitu Undang-Undang Nombor 7 sekitar tahun 1989. Dengan dilaksanakan undang-undang tersebut, maka berakhirlah kecacatan yang ada selama ini pada Pengadilan Agama di mana telah berlaku sejak lebih seabad lamanya. Undang-undang tersebut menyatakan bahawa⁸².

- a) Semua Pengadilan Agama yang berjumlah sebanyak 304 buah itu diatur dan berhak patuh kepada satu peraturan perundangan yakni Undang-Undang Nombor 7 Tahun 1989. Keterbatasan kekuasaan Pengadilan Agama di Jawa dan Madura yang berlaku sejak tahun 1882 dan kekuasaan Kerapatan Qadli di Kalimantan Selatan atau Timur yang berlaku sejak tahun 1937 itu telah terhapus serta-merta.
- b) Keputusan Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) adalah muktamad dan tidak perlu lagi dirujuk kepada Pengadilan Umum (Mahkamah Sivil). Pelaksanaan/eksekusi keputusan dibuat oleh Pengadilan Agama sendiri, bukan lagi oleh

⁸² *Ibid.*, h. 98-99.

Pengadilan Umum. Oleh yang demikian, maka diwujudkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jabatan Juru Sita di Pengadilan Agama.

- c) Hakim-hakim daripada Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) yang menjalankan tugas sebagai hakim negara dilantik atau dilucutkan jawatannya oleh Presiden, sama seperti yang berlaku terhadap hakim-hakim dari mahkamah yang lain. Selain itu, hal yang berkaitan dengan kedudukan, hak dan fasiliti adalah setara dan sama bagi semua hakim. Hakim daripada Pengadilan Agama juga layak untuk menduduki jabatan Ketua Mahkamah Agung.
- d) Jabatan hakim, panitera dan jurusita Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) hanya boleh diisi oleh orang-orang yang beragama Islam.

Kedua, Projek Kompilasi Hukum Islam

Munawir Sjadzali melihat terdapat ketidaksempurnaan yang esensi dalam penetapan hukum (undang-undang) di Pengadilan Agama. Walaupun Pengadilan Agama atau Mahkamah Syariah telah wujud di Indonesia sejak sebelum zaman penjajahan Belanda yakni sejak kerajaan-kerajaan Islam dahulu tetapi sehingga tahun 1991, para hakim belum lagi mempunyai buku yang seragam di seluruh wilayah Indonesia padahal hakim-hakim daripada Pengadilan Umum(Mahkamah Sivil) telah mempunyai satu buku panduan seperti KUHP dan sebagainya⁸³.

Ketika hakim Pengadilan Agama menangani sesuatu kes, para hakim masih lagi merujuk kepada buku-buku fikah yang ditulis oleh para ulama hukum Islam yang sudah berusia ratusan tahun. Sehingga terjadi di mana dua kes yang serupa telah didengar oleh dua hakim yang berbeza dan akhirnya mendapat keputusan yang berlainan. Terdapat

⁸³ *Ibid.*, h. 102 - 103.

juga keputusan-keputusan yang tidak mencerminkan semangat keadilan yang hidup bermasyarakat⁸⁴.

Kemudian ketika merangka pembangunan hukum (undang-undang) usaha yang lebih telah dilakukan bagi memastikan keadilan kepada semua pihak dengan dilaksanakan Projek Kompilasi Hukum Islam yang akan menjadi acuan dalam penetapan sesuatu hukum. Maka pada bulan Mac 1985, Ketua Mahkamah Agung dan Menteri Agama menandatangani SKB tentang Pembentukan Projek Kompilasi Hukum Islam tersebut⁸⁵.

Buku-buku hasil daripada projek tersebut akan menjadi pegangan bagi para hakim agama di seluruh tanah air. Hasilnya terdiri daripada tiga buku iaitu buku pertama mengenai perkahwinan, buku kedua mengenai pembahagian harta pusaka dan buku ketiga mengenai pengelolaan yang berkaitan perkara-perkara wakaf, infak dan sedekah. Pada bulan Disember 1987, projek yang diketuai oleh Prof. Dr. Busthanul Arifin, SH telah berhasil menyusun tiga rancangan buku tersebut⁸⁶.

Kemudian dengan arahan Presiden Nombor 1, tanggal 10 Jun 1991 secara rasminya diperintahkan untuk memasyarakatkan tiga buku hasil kompilasi itu. Suatu perkara yang perlu dicatatkan di sini bahawa pada laporan projek itu Prof. Dr. Busthanul Arifin menyatakan antara lain bahawa tiga rancangan buku tersebut tidak hanya mencerminkan reaktualisasi bahkan reformasi hukum (undang-undang) Islam⁸⁷.

⁸⁴ *Ibid.*, h. 103.

⁸⁵ *Ibid.*, h. 103.

⁸⁶ *Ibid.*, h. 103.

⁸⁷ *Ibid.*, h. 102 - 104.

3.2. H. Munawir pada Pandangan Keluarga dan Sahabat

Ketika Pak Mun (panggilan akrab Prof. Dr. Munawir Sjadjali) mendapat kepercayaan Presiden Soeharto sebagai Menteri Agama, kebanyakan warganegara Indonesia tertanya-tanya siapakah gerangan tokoh ini? Apakah kelebihannya sehingga mendapat kehormatan selaku pembantu Presiden, Mandataris Rakyat Indonesia? Belum pernah sebelumnya terdengar ketokohan Munawir Sjadjali sebagai seorang kiyai atau ulama. Keraguan ini mula muncul apabila melihat kemampuan beliau memimpin sebuah instansi yang menguruskan masalah-masalah keagamaan sebagai Menteri di Kementerian Agama Republik Indonesia. Semua pertanyaan-pertanyaan di atas akhirnya terjawab dan keraguan akan kemampuannya telah terbukti dengan kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk memimpin Kementerian Agama selama dua penggal yakni sepuluh tahun lamanya⁸⁸.

Beliau telah membuktikan keberhasilan mewujudkan kerukunan hidup beragama yang menjadi sasaran utama pemerintah Indonesia. Untuk kita mengenali keperibadian tokoh ini dengan lebih dekat lagi, penulis akan cuba mengungkapkan tanggapan-tanggapan tentang watak dan keperibadian H. Munawir Sjadjali. Tanggapan ini penulis khususkan kepada dua kelompok yang terdekat dengan kehidupan H. Munawir Sjadjali baik dari pandangan keluarga beliau sendiri maupun daripada sahabat dan rakan-rakan sekerja semasa beliau bertugas.

⁸⁸ H. Munawir Sjadjali (1994), *op.cit.*, h. iii.

3.2.1. Pada Pandangan Keluarga

H. Munawir Sjadjzali merupakan seorang tokoh yang dihormati di dalam negara di rumah juga beliau ditaati dan disayangi. Masa lampau beliau ketika kecil yang serba kekurangan dan hidup dalam kesusahan telah membuatkan beliau ingin memenuhi keperluan dan mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia. Isteri dan anak-anak beliau hidup dalam keadaan yang selesa dan diberikan pendidikan yang sewajarnya bagi menghadapi masa depan⁸⁹.

Bahkan menurut Mustain salah seorang putera beliau bahawa H. Munawir Sjadjzali kadang-kala *over-protective* terhadap anak-anak dan cucu-cucunya. Beliau tidak sampai hati melihat anaknya tersangkut apatah lagi terjerumus disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh anaknya sendiri. Perkataan jatuh tidak ada dalam kamus hidupnya ketika membesarakan anak anaknya, semuanya mesti berjalan dengan sempurna. Hal ini menurut Mustain sebenarnya kurang mendidik kerana sebaik-baiknya adalah belajar dari pengalaman⁹⁰.

Menurut Mustain keperibadian ayahnya sama seperti keperibadian datuknya iaitu Kyai Mughofir ayah kepada Munawir Sjadjzali yang mempunyai keperibadian yang sangat kental terhadap harga diri, integriti dan iman. Beliau merupakan seorang ulat buku serta seorang yang kuat bekerja. Walaupun begitu, beliau hanya menyimpan aspirasi tanpa mengharapkan sebarang kedudukan atau pangkat kerana semuanya diserahkan kepada Ilahi⁹¹.

⁸⁹ Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), *op.cit.*, h. 243.

⁹⁰ *Ibid.*, h. 242 - 243.

⁹¹ *Ibid.*, h. 244 - 245.

Sifat inilah yang membuatkan beliau tidak pernah menyimpan perasaan iri hati, dendki atau dendam di dalam hati. Walaupun banyak masalah yang dihadapi, beliau tetap dapat tidur dengan lena dengan hanya meletakkan kepala di atas bantal dan terus berdengkur. Perjalanan hidup baginya hanya merupakan serangkaian penjelmaan doa-doa yang dikabulkan Ilahi seperti menjadi Menteri Agama merupakan anugerah yang tidak pernah dimimpikannya selama ini ⁹².

Pada pandangan menantu pula, Munawir yang dipanggil Papi oleh menantunya dikenali sebagai seorang yang sangat konsisten. Menantunya sepakat mengatakan peribadi Munawir adalah seorang yang berintegriti tinggi, sabar, sederhana, seimbang, bijaksana dan murah hati. Menurut Isna Marifa Sjadzali salah seorang menantunya, ayah mertuanya juga didefinisikan sebagai seorang yang sangat objektif, tidak emosional dan berwawasan luas serta selalu berpandangan jauh ke depan dalam menghadapi sesuatu persoalan ⁹³.

Beliau dikenali sebagai seorang yang sangat bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan kepada anak-anaknya. Beliau berpendirian teguh bahawa pendidikan adalah jambatan menuju kehidupan yang lebih baik. Apa yang paling penting menurut Isna Marifa, kehidupan pasangan Munawir- Murni ini adalah keberhasilan pasangan yang menanamkan nilai-nilai Jawa dan Islam pada anak-anaknya. Walaupun sering berpindah sehingga ke luar negara sepanjang hidup mereka, bahasa Jawa masih diguna pakai dalam keluarga ini. Begitu juga tata kerama (budi bahasa) Jawa masih terlihat dalam hubungan anak-beranak. Lebih daripada itu, Munawir telah berjaya mengajak anak-anaknya mengambil yang terbaik dari kebudayaan atau nilai murni yang mereka ketahui. Jadilah mereka anak yang lengkap

⁹² *Ibid.*, h. 245-246.

⁹³ *Ibid.*, h. 238-239.

dalam menghadapi rintangan serta mempunyai keperibadian yang tinggi dalam menjalankan hubungan dengan masyarakat dunia ⁹⁴.

Munawir selalu mengingatkan keluarganya supaya selalu bersyukur atas kurnia tuhan. Walaupun mempunyai prestasi kerjaya yang cemerlang, Munawir dikenali oleh menantunya sebagai seorang yang sering merendah diri dan tidak terbuai dengan kemewahan yang menawarkan pangkat manupun kedudukan. Beliau sama sekali tidak ingin melihat anak cucunya mengalami kesusahan atau kesulitan seperti yang pernah dialaminya sebelum ini ⁹⁵.

Beliau selalu mengingatkan keluarganya bahawa harta kekayaan bukanlah segala-galanya. Beliau mengingatkan bahawa yang paling penting adalah keseimbangan antara iman, tanggungjawab sosial dan keperluan hidup seharian. Aktiviti seperti makan bersama, berenang dan beristirahat bersama keluarga sudah menjadi sebahagian daripada hidup Munawir terutamanya setelah bersara ⁹⁶.

3.2.2. Pada pandangan Sahabat

Munawir Sjadzali mempunyai ramai sahabat baik dalam bidang politik, diplomasi, pendidikan dan keagamaan. Untuk lebih mengenal beliau maka perlu juga mengambil kira pendapat rakan-rakan sekerja dan sahabat beliau.

Dr. Hj. Tarmizi Taher yang pernah bekerja dengan beliau sebagai Sekjen Departemen Agama sebelum dilantik menjadi Menteri Agama RI selepas Munawir

⁹⁴ *Ibid.*, h. 239.

⁹⁵ *Ibid.*, h. 240.

⁹⁶ *Ibid.*, h. 240.

Sjadzali berpendapat cara pemikiran Munawir Sjadzali cukup sistematik dalam setiap langkah yang diambil⁹⁷.

Hal ini dapat dilihat dalam pembinaan IAIN dengan lahirnya Peraturan Pemerintah NO 33 Tahun 1985 yang memberikan status IAIN yang kuat dalam meningkatkan mutu pendidikan. Selain itu, di bawah IAIN juga diperisasakan Madrasah ‘Aliyah di mana Program Khusus (MAPK) yang melibatkan kurikulum sebanyak 70% dalam bidang agama dan 30% umum⁹⁸.

Disusuli lagi dengan peningkatan kualiti sumber daya manusia (SDM) di kalangan IAIN dengan mengadakan kerjasama dalam bidang pendidikan terutama pada peringkat pendidikan tinggi dengan luar negara. Tercatat pada akhir Pelita V sejumlah pensyarah IAIN dan pegawai Departemen Agama telah memanfaatkan program-program kerjasama dengan Australia, Britain, Canada, Amerika Syarikat dan Turki, selain juga melibatkan negara-negara Timur Tengah. Daripada kerjasama dengan beberapa negara tersebut yang paling menonjol adalah kerjasama dengan Canada dan Amerika Syarikat⁹⁹.

Menurut Dr. Hj. Tarmizi Taher lagi sebagai Sekjen Depag pembantu kepada Munawir Sjadzali ketika menjawat Menteri Agama, kesan yang mendalam terhadap Munawir Sjadzali adalah kemampuan melobi dalam menjayakan setiap projek strategik Departemen Agama seperti menyiapkan RUU tentang Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah), berjaya keluarnya UU No 2 Tahun 1989M tentang sistem Pendidikan Nasional bagi Pendidikan Agama, begitu juga lahirnya UU No 8 tahun 1985M berkaitan

⁹⁷ *Ibid.*, h. 140.

⁹⁸ *Ibid.*, h. 140.

⁹⁹ *Ibid.*, h. 137-141.

organisasi kemasyarakatan yang wajib berasaskan Pancasila yang pernah mendapat reaksi keras terutama dari Majlis Agama suatu ketika dahulu¹⁰⁰.

Keberhasilan beliau dalam menjayakan setiap projek strategik Departemen Agama tidak terlepas daripada kesabaran dan kesungguhan dalam melobi pihak-pihak yang berkaitan. Munawir Sjadzali merasa *feeling at home* di Departemen Agama daripada di Departemen Luar Negeri kerana di Departemen Agamalah beliau mendapat anugerah daripada Allah SWT yang berupaya menggabungkan tiga kemampuannya iaitu kepakaran dalam ilmu politik, kehandalan diplomatik serta merupakan seorang lepasan pengajian Islam. Lebih-lebih lagi kecenderungan beliau yang ketiga mendapat saluran yang tepat di IAIN¹⁰¹.

Baharuddin Lopa Sekjen KOMNAS HAM dan rakan-rakannya di KOMNAS HAM (Komisi Nasional Hak Asasi Manusia) menilai H. Munawir Sjadzali sebagai seorang yang cukup senior dan mampu menjaga keseimbangan antara pekerja. Oleh sebab itulah H. Munawir Sjadzali dipercayai untuk menjadi Ketua KOMNAS HAM daripada tahun 1996-1998. Clamentino dos Reis Amaral yang merupakan salah seorang anggota KOMNAS HAM berpendapat bahawa Munawir merupakan seorang pilihan yang tepat bagi memimpin KOMNAS HAM. Beliau sering menjaga perihal lembaga serta memiliki sifat yang menjunjung tinggi kebenaran dan keadilan sosial. Amaral pula merupakan anggota KOMNAS HAM yang berasal dari Timor Timur mengungkapkan bahawa Munawir merupakan seorang yang tepat untuk menduduki posisi tertinggi

¹⁰⁰ *Ibid.*, h. 142-143.

¹⁰¹ *Ibid.*, h. 143-145.

sebagai ketua bagi KOMNAS HAM. Beliau memiliki keprihatinan yang tinggi dalam memastikan hak-hak rakyat terpelihara¹⁰².

Dr. Nurcholis Madjid yang merupakan seorang cendekiawan dan pengkaji ilmu-ilmu Islam pula, berpandangan bahawa Pak Mun (panggilan akrab Munawir Sjadjali) sering membawa latar belakang pendidikan Islamnya ketika menuntut di *Manbā' al-'Ulūm* Solo ke mana sahaja beliau ditugaskan sebagai diplomat. Ini antara lain menunjukkan minat yang mendalam Munawir Sjadjali terhadap ilmu-ilmu keagamaan Islam yang tidak pernah terpadam¹⁰³.

Munawir Sjadjali gemar membeli kitab-kitab keagamaan dalam bahasa Arab baik yang klasik mahupun yang moden di samping juga buku-buku dalam bahasa Inggeris. Beliau mempunyai perpustakaan peribadi dengan dipenuhi koleksi kitab yang sangat lengkap. Pengetahuan bahasa Arab Pak Mun yang telah dipelajarinya dengan metodologi yang efisien dan efektif telah menjadikan beliau mampu mengakses ke perpustakaan yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar termasuklah kitab- kitab tafsir klasik yang banyak terdapat di dalamnya¹⁰⁴.

Minat mendalami ilmu secara formal telah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya ketika beliau berpeluang melanjutkan pengajian di Washington DC, Amerika Syarikat. Pengalamannya dalam dunia diplomasi serta semangatnya yang gemar membaca telah mewarnai corak sarjananya sehingga cukup banyak variasi dengan pendekatan yang

¹⁰² Republika Online, <http://www.Homline.Edu/apakabar/basisdata/1996/10/02/0023.html>, 20 Mei 2007.

¹⁰³ Muhamad Wahyuni Nafis et al. (éd) (1995), *op.cit.*, h. 164-165.

¹⁰⁴ *Ibid.*, h. 165.

beragam. Pak Mun juga turut dikelompokkan dalam angkatan pertama sarjana Islam moden¹⁰⁵.

Menurut Dr. Nurcholis Madjid dalam masalah ijtihad dan pandangan Islam yang dilontarkan oleh Munawir Sjazali telah menjadi sedikit kontroversi apabila pandangan keagamaannya yang bersifat liberal¹⁰⁶.

Tafsiran yang dilakukannya terhadap sumber-sumber suci agama baik Al-Quran mahupun *al-Sunnah* banyak disandarkan daripada bahan-bahan bacaan klasik seperti kitab-kitab tafsir. Namun kerana tafsirannya itu jarang sesekali atau belum pernah didengari sebelum ini oleh masyarakat maka terjadilah pergaduhan yang cukup besar dan banyak mengejutkan ramai orang¹⁰⁷.

Menurut salah seorang murid Munawir Sjadjali iaitu Dr. Ahmad Sukardja yang pernah menjadi pelajarnya ketika sesi kuliah Fikah *Siyāsah* angkatan pertama tahun 1988M program Pasca Siswazah IAIN Jakarta menegaskan sebelum memberikan kuliah, Pak Munawir mengajak para mahasiswanya supaya mengosongkan fikiran daripada pra-konsepsi yang telah tertanam pada benak mahasiswa yang sudah berstatus sarjana. Beliau berkata “ Kita mengkaji Islam dan ketatanegaraan secara objektif dan tidak didahului dengan pra-pendapat. Kajian kita lakukan untuk apa adanya,” demikian tegasnya¹⁰⁸.

Metode pengajaran yang dipilih oleh beliau berasaskan bahawa setiap mahasiswa (pelajar) harus menyiapkan dan membentangkan kertas kerja masing-

¹⁰⁵ *Ibid.*, h. 163-165.

¹⁰⁶ *Ibid.*, h. 168.

¹⁰⁷ *Ibid.*, h. 168.

¹⁰⁸ *Ibid.*, h. 224-225.

masing. Segala material yang dikehendaki haruslah disediakan sendiri oleh para pelajar. Jika pandangan beliau diperlukan barulah Pak Munawir memberikan penjelasannya. Kebebasan menyatakan pendapat diberikan sepenuhnya kepada pelajar termasuklah apa-apa soalan sahaja yang ingin ditanya. Kebebasan yang diberikan ini telah dimanfaatkan sebaiknya oleh para pelajar¹⁰⁹.

Menurut Dr. Ahmad Sukardja pandangan-pandangan Munawir Sjadzali sekitar reformasi hukum Islam seringkali menjadi sorotan para pelajar bahkan menjadi topik perbualan yang hangat. Dalam masalah tertentu, seperti menyamakan pembahagian harta pusaka untuk anak lelaki dan perempuan, tidak serta-merta para pelajar menerimanya. Dalam fikiran masing-masing yang hadir timbul pertanyaan, bukankah 2:1 itu *qat'i* dalam Al-Quran?. Bagaimana mungkin boleh diganti dengan 1:1?. Para pelajar tidak begitu mudah menerima pandangan baru tersebut¹¹⁰.

Hal ini telah membuatkan pelajar menyatakan tentang dan menggunakan akal fikiran untuk merenungkan kembali pandangan yang selama ini seakan-akan tidak boleh diganggu gugat lagi. Namun setelah mendengar hujah yang dikemukakan oleh Pak Munawir akhirnya terfikir kembali akan kebenaran tersebut walaupun masih terdapat lagi segelintir pelajar yang berasa kurang yakin akan kebenarannya¹¹¹.

Penyamaan pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan perempuan sama sekali tidak bermaksud untuk mengubah apa yang telah ditetapkan di dalam al-Quran. Hanya sahaja penerapannya perlu untuk memperlihatkan rasa keadilan masyarakat dan

¹⁰⁹ *Ibid.*, h. 225.

¹¹⁰ *Ibid.*, h. 225.

¹¹¹ *Ibid.*, h. 225.

jiwa ataupun semangat dari al-Quran sendiri yang dalam hal ini adalah berkaitan keadilan bukannya kepada angka semata-mata¹¹².

Menurut Dr. Ahmad Sukardja lagi dalam hal-hal yang bersangkutan dengan doktrin Islam, Pak Munawir mempunyai kecenderungan yang tinggi di mana lebih mementingkan semangat yang terkandung dalam ajaran Islam. Tidak hanya tertumpu pada ungkapan harfiah sebagaimana bunyi ayat Al-Quran mahupun Al-Hadith. Dalam konteks perkembangan moden dan kecanggihan teknologi, relevansi, aktualisasi dan kontekstualisasi ajaran Islam bergantung kepada kemampuan menangkap substansi dan semangat ajaran Islam¹¹³.

Pendekatan dan pemahaman Islam secara literal amat dikecamnya. Pemahaman sempit seperti itu akan menampakkan Islam kehilangan relevansinya dalam menghadapi dan menjawab tentang kehidupan dalam dunia moden. Kemampuan untuk menangkap substansi dan semangat Islam harus lebih diutamakan berbanding memahami Islam secara harfiah. Pelajar terkesan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Pak Munawir. Pendapatnya tampak baru namun sebenarnya hujah-hujah yang diketengahkan banyak diambil daripada kaedah usul fikah dan pandangan ulama salaf¹¹⁴.

Apapun terdapat beberapa perkara yang patut dicontohi daripada Pak Munawir sebagai seorang guru seperti mempunyai disiplin yang tinggi, keluasan dan keterbukaan dalam pandangan, kebebasan serta keberanian dalam menyatakan sesuatu pendapat. Selain itu, beliau juga merupakan seorang yang kritis dalam mengkaji masalah,

¹¹² *Ibid.*, h. 225-226.

¹¹³ *Ibid.*, h. 227.

¹¹⁴ *Ibid.*, h. 227.

mempunyai tanggungjawab ilmiah yang tinggi, menghargai pendapat orang lain dan sempat menulis walaupun sesibuk mana¹¹⁵.

¹¹⁵ *Ibid.*, h. 228.

BAB IV

PENTAFSIRAN H. MUNAWIR SJADZALI AKAN AYAT 11

SURAH AL-NISĀ'

4.1 PENDAHULUAN

Pada bab ini penulis akan memuatkan secara ringkas dan jelas artikel H. Munawir Sjadjali yang merupakan sorotan kajian penulis. Artikel tersebut telah dimuatkan di dalam beberapa buah buku seperti buku yang berjudul “Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam” disunting oleh Drs. Iqbal Abdurrauf Saimima, “Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadjali. MA” oleh Tim Editor Muhamad Wahyuni Nafis dan “Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa” oleh H. Munawir Sjadjali.

Pemikiran beliau yang termaktub di dalam artikel tersebut juga telah dibentangkan di seminar-seminar mahupun ceramah baik di dalam atau di luar negara. Ceramah dengan tema Reaktualisasi Ajaran Islam atau dalam versinya yang lain Dinamika Hukum Islam sudah sering kali disampaikan oleh beliau pada forum yang berbentuk ilmiah misalnya di forum Paramadina: Jakarta, Seminar Hukum (undang-undang) Islam yang diselenggarakan oleh IAIN, Imam Bonjol Padang, Bahtsul Masaail Suriyah NU Jawa Timur di Tambak Beras, Jombang, Seminar Kompilasi Hukum (undang-undang) Islam yang diselenggarakan oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah di Yogyakarta dan Penataran Pimpinan Pemuda Ansor Tingkat Provinsi Seluruh Indonesia di Malang serta telah dua kali menyampaikannya ketika Latihan Kader Tarjih Muhammadiyah di Yogyakarta.

Ceramah yang sama juga telah diberikan di hadapan para mahasiswa Indonesia di Kairo pada forum Kodifikasi Hukum (undang-undang) Islam yang diselenggarakan oleh South East Asian Shariah Association di Kolombo, Sri Lanka dan juga pada jamuan makan yang diselenggarakan oleh Menteri Pelajaran Malaysia ketika itu, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur. Pada dua forum terakhir ini, ceramah yang disampaikan oleh H. Munawir Sjadjzali tidak begitu terperinci¹¹⁶.

Artikel H. Munawir Sjadjzali tersebut dapat dibaca pada lampiran tesis ini secara lengkap tanpa ditokok tambah penceritaannya. Pada bab ini, penulis hanya memuatkan intisari pemikiran beliau akan artikel tersebut di mana beliau berpendapat bahawa pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki mahupun anak perempuan adalah sama dan juga penulis sertakan tanggapan ulama mengenainya.

4.2. Pendapat H. Munawir Sjadjzali Serta Tanggapan Pro Dan Kontra

Selaku Menteri Agama ketika itu, H. Munawir Sjadjzali menemui masalah yang ada di tengah-tengah masyarakat Muslim Indonesia dan cuba untuk mencari jalan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Permasalahan:

Beliau mendapati ramai di kalangan masyarakat Islam yang bersikap mendua.

Hasil kajian ini beliau dapati daripada beberapa fakta:

1. Banyak masyarakat Islam yang berpendirian bahawa faedah (interest) dalam bank itu adalah riba. Di samping itu, mereka tidak hanya hidup daripada faedah

¹¹⁶ Iqbal 'Abdurrauf Saimima (ed) (1988), *op.cit.*, h. 1.

deposit bahkan mereka banyak berjasa kepada bank kerana menguntungkan bank dengan sistem faedah.

2. Dalam pembahagian harta pusaka, surah al-Nisā' (4):11 dengan jelas menyatakan bahawa hak anak lelaki dua kali lebih besar daripada hak anak perempuan tetapi ketentuan tersebut telah banyak ditinggalkan oleh masyarakat Islam Indonesia, baik secara langsung maupun tidak langsung.

Contoh Secara Langsung :

Para hakim agama sering kali menyaksikan apabila terdapat salah seorang ahli keluarga yang meninggal, maka kerap kali terjadi di mana ahli waris tidak melaksanakan pembahagian harta pusaka berdasarkan fatwa yang diberikan Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) berdasarkan sistem *farā'iḍ*. Mereka pergi ke Pengadilan Negeri (Mahkamah Sivil) untuk meminta agar menggunakan cara pembahagian yang lain yang jelas tidak sesuai dengan *farā'iḍ*. Hal ini dilakukan bukan hanya oleh orang-orang awam, bahkan juga banyak melibatkan tokoh-tokoh organisasi Islam yang cukup memahami ilmu-ilmu keislaman.

Contoh Secara Tidak Langsung :

1. Banyak ketua keluarga yang mengambil langkah terdahulu di mana semasa hidup, mereka telah membahagikan sebahagian besar dari kekayaannya kepada anak-anak mereka, masing-masing mendapat bahagian yang sama banyak tanpa membezakan jantina yang dikenali sebagai hibah.
2. Semasa hidup banyak masyarakat Muslim meniru apa yang dilakukan oleh masyarakat di Kalimantan Selatan yang dikenali dengan nama wasiat wajib. Di mana ketika mereka meninggal, kekayaan yang mesti dibahagikan tinggal sedikit bahkan ada di antaranya hampir habis sama sekali.

3. Pengalaman peribadi.

Tidak lama setelah menjadi Menteri Agama, H. Munawir Sjadjzali meminta nasihat daripada salah seorang ulama terkemuka mengenai masalah peribadi beliau berkenaan pembahagian harta pusaka yang dimiliki kepada enam anaknya. Beliau dikurniakan oleh Allah dengan enam anak yang terdiri daripada tiga lelaki dan tiga perempuan. Pokok persoalannya, H. Munawir Sjadjzali merasa tidak adil jika beliau meninggal nanti tiga anak lelakinya akan menerima dua kali lebih banyak daripada apa yang akan diterima oleh anak peremuannya. Beliau meminta nasihat bagaimana untuk mencari jalan keluar bagi mengatasi masalah tersebut. Ulama tersebut hanya memberikan jawapan tentang apa yang beliau sendiri tahu serta ulama lain lakukan. Ketika masih hidup, maka harta kekayaannya akan dibahagikan kepada semua putera dan puteri yang akan mendapatkan bahagian yang sama banyak tanpa membezakan jantina yang dikenali sebagai hibah.

Dari realiti sikap masyarakat di dalam menerima ketentuan hukum *farā'iḍ* tersebut timbulah beberapa persoalan yang memerlukan jawapan. Apakah melaksanakan ajaran agama dengan semangat sedemikian merupakan satu tindakan yang betul? Apakah tindakan-tindakan itu tidak termasuk kategori helah atau bermain dengan hukum agama? Apakah dari segi keyakinan Islam kebijaksanaan ulama yang ditanya tersebut itu tidak lebih berbahaya. Ini kerana, pembahagian harta kekayaan yang sama rata kepada putera dan puteri selagi masih hidup atau dikenali sebagai *hibah* itu akan mendatangkan kerugian jika dibahagikan mengikut hukum *farā'iḍ*. Secara tidak langsung adakah ulama tersebut tidak percaya akan keadilan pembahagian secara *farā'iḍ*?

Berdasarkan permasalahan di atas, beliau menyatakan bahawa penyimpangan dari *farā'id* itu bukanlah disebabkan oleh tipisnya ilmu keislaman, tetapi juga disebabkan oleh pertimbangan bahawa budaya dan struktur sosial kita adalah sedemikian rupa. Pelaksanaan *farā'id* secara sah kurang diterima oleh rasa keadilan. H. Munawir Sjadzali berpendapat perlu dilakukan sesuatu modifikasi atau penyesuaian terhadap ketentuan-ketentuan yang telah digariskan oleh al-Quran. Oleh kerana itulah, beliau berpendapat bahawa pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan perempuan adalah sama¹¹⁷.

Pendapat beliau ini juga mendapat sokongan penuh daripada beberapa pemikir dan tokoh Islam lainnya seperti Drs. Masdar Farid Mas'udi, Koordinator Penerbitan dan Dokumentasi pada Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat (P3M), Jakarta berpendapat ayat 2:1 antara pewaris lelaki dan perempuan secara teoritis boleh saja diubah atau dimodifikasi. Pola perbandingan warisan secara positif 2:2 (sama) sesuai dengan kenyataan yang terdapat dalam masyarakat di mana sumbangan pihak wanita (isteri) dalam ekonomi rumah tangga sama banyak dengan pihak lelaki (suami). Namun begitu, beliau menyatakan pembahagian harta pusaka itu boleh berubah pada kasus-kasus tertentu misalnya pewaris lelaki merupakan seorang yang kaya raya sedangkan pewaris perempuan sangat sengsara (miskin) maka perbandingan yang adil bukan lagi 2:2 (sama) melainkan 2:0 untuk pewaris perempuan¹¹⁸.

Amina Wadud di dalam bukunya “Quran Menurut Perempuan” di mana judul aslinya bertajuk “Qur'an and Woman” menyatakan formula matematik dua nisbah satu adalah salah. Menurutnya, jika cuma terdapat seorang anak perempuan maka bahagiannya adalah separuh daripada harta pusaka atau dalam erti kata lain sama

¹¹⁷ Budi Handrianto (2007), *op.cit.*, h. 57.

¹¹⁸ Iqbal 'Abdurrauf Saimima (ed) (1988), *op.cit.*, h.190.

dengan anak lelaki. Pembahagian harta pusaka di antara anak haruslah dilakukan dengan adil. Keadilan dalam pembahagian harta pusaka harus mempertimbangkan manfaat bagi orang-orang yang ditinggalkan. Misalnya jika dalam sebuah keluarga yang terdiri daripada seorang anak lelaki dan dua anak perempuan di mana seorang ibu yang janda dirawat dan diberikan nafkah oleh salah seorang anak perempuannya. Dalam hal ini kenapa anak lelaki harus menerima bahagian yang lebih besar? ¹¹⁹

Ali Hasan Akhmad Addary, Ketua Fakulti Tarbiyah IAIN Sumatera Utara Padangsidempuan dalam bukunya yang bertajuk Study Warisan Wanita Dalam Al-Qur'an lebih terperinci dan berani dalam memberikan gagasannya di mana beliau berkata banyak orang yang tertanya-tanya di dalam hati apakah hikmah atau pokok pertimbangannya dalam melebihkan bahagian seorang anak lelaki dua kali bahagian berbanding seorang anak perempuan. Padahal kedua-dua anak lelaki dan anak perempuan tersebut adalah anak seibu seapa. Kemudian, umumnya mengetahui bahawa anak perempuan sering membantu ibu bapa dalam urusan rumah tangga jauh lebih banyak berbanding anak lelaki yang selalu berada di luar rumah. Di tambah lagi jika ibu bapa ditimpa sakit, maka anak perempuanlah yang akan banyak merawat serta melayan keperluan ibu bapanya baik pakaian, tempat tidur mahupun makanan dan ubatannya.

Menurut pemikiran beliau, bukanlah pasti semua anak perempuan akan berkahwin dan tidaklah setiap yang telah berkahwin akan kekal perkahwinannya. Tidak sedikit bilangan wanita yang masih bujang selamanya dan ribuan wanita yang menjadi janda akibat perceraian atau disebabkan kematian suami serta banyak anak perempuan

¹¹⁹ Amina Wadud (2001), *Quran Menurut Perempuan*, c.1. Jakarta: PT. Serambi Ilmu Semesta, h. 155.

yang ditinggalkan oleh orang tuanya dalam keadaan yatim. Inilah keadaan yang dialami oleh kaum perempuan yang biasanya terjadi di Indonesia¹²⁰.

Ali Hasan Akhmad Addary akhirnya membuat kesimpulan bahawa harta pusaka yang dibahagikan di antara anak lelaki dan anak perempuan seperti berikut¹²¹:

1. Anak perempuan yang belum berkahwin bahagiannya adalah sama dengan anak lelaki.
2. Anak perempuan yang pernah berkahwin tetapi menjadi janda maka bahagiannya juga disamakan dengan anak lelaki.
3. Anak perempuan yang sudah berkahwin dan tali perkahwinannya masih tetap utuh, rukun dan damai maka bahagiannya separuh daripada bahagian anak lelaki.

Inilah beberapa tokoh yang sependapat dengan H. Munawir Sjadjzali dan banyak lagi tokoh-tokoh lain yang pemikirannya sealiran dengan H. Munawir Sjadjzali. Prof. Dr. Nasaruddin Umar di dalam bukunya “Teologi Jender: Antara Mitos dan Teks Kitab Suci” mengatakan porsi dua banding satu (اللَّذِي مُنْهَى حَظِّ الْأُنْثَيَنِ) dalam hukum harta

pusaka Islam bukanlah dijadikan sebagai rujukan yang terakhir. Begitu juga halnya dengan hukum-hukum lain yang bertujuan mewujudkan rasa keadilan.¹²²

Pendapat H. Munawir Sjadjzali dan tokoh-tokoh yang sealiran pemikiran dengannya ini mendapat tentangan yang hebat daripada para ulama dan tokoh-tokoh Islam lainnya. Hal ini disebabkan pendapat H. Munawir Sadzali dan orang-orang yang

¹²⁰ Ali Hasan Akhmad Addary (1979), *Study warisan Wanita Dalam Al-Qur'an*, Padangsidempuan: C.V Al Mahfuz Budi, h. 22- 25.

¹²¹ *Ibid.*, h. 29.

¹²² Nasaruddin Ummar (2003), *Teologi Jender: Antara Mitos dan Teks Kitab Suci*, c.1. Jakarta: Pustaka Cicero, h. 181.

sehaluan pemikiran dengannya telah menyalahi ketentuan pembahagian harta pusaka yakni 2:1 bagi anak lelaki yang merupakan ketentuan nas sarih serta merupakan ijmak ulama. Ijmak ulama telah bersepakat bahawa harta pusaka bagi seorang anak lelaki adalah dua kali bahagian anak perempuan ¹²³.

Para ulama dan tokoh-tokoh Islam tampil memberikan jawapan apa hikmah Ilahi di sebalik pembahagian harta pusaka 2/1 bagi anak lelaki:

Muhammad Qutub dalam bukunya *Shubuhāt Haūla al-Islām* menyatakan *Li Kulli Hasābin Hājātuhu* yang bermaksud setiap pembahagian adalah menurut keperluannya dan ukuran keperluan adalah tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu yang wajib memikulnya. Seorang lelaki mempunyai tanggungjawab menafkah keluarganya. *Al-Imām al-Sha'rāwī* dalam bukunya *al-Mar'ah fī Al-Qur'ān al-Karīm* menyatakan bahawasanya seorang lelaki bukan hanya bertanggungjawab menurut syarak kepada keluarganya malah juga kepada ibu dan saudara-saudaranya ¹²⁴.

Muhammad Qutub bertanyakan di manakah kezaliman yang dicanangkan oleh orang-orang yang menuntut persamaan hak? Bahagian 1/3 harta pusaka yang didapati seorang anak perempuan sesungguhnya harta tersebut digunakan hanya untuk dirinya semata-mata. Lain halnya dengan seorang lelaki yang mendapat 2/3 harta yang akan digunakan terhadap isteri dan anak-anaknya. Lalu siapakah sebenarnya yang mendapat lebih banyak sama ada anak lelaki atau anak perempuan? Inilah keadilan Ilahi yang terkandung pada ketentuan perwarisan ¹²⁵.

¹²³ Muhammad Ibrāhim bin al-Munzir (1986), *Al-Ijmā'*, c. 1. Beirut: Dār al Jannan, h. 67.

¹²⁴ Muhammad Mutawalli al-Sha'rāwī (t.t), *al-Mar'ah fī Al-Qur'ān al-Karīm*, (t.t.p.): Dār Akhbar Alyaum, h. 66.

¹²⁵ Muhammad Qutub (1997), *Shubuhāt Haūla al-Islām*, c.22. Kaherah: Dār al-Shurūq, h. 119-120.

Muhammad ‘Alī al-Šābūni, di dalam kitabnya *al-Mawārīd* menjelaskan secara terperinci hikmah yang terdapat di dalam ketentuan pembahagian harta pusaka tersebut antaranya¹²⁶:

1. Keperluan perempuan ada orang yang menanggungnya.

Nafkahnya wajib ditanggung oleh suaminya atau anaknya atau ayahnya atau saudaranya atau lain-lain dari kaum kerabatnya.

2. Perempuan tidak dibebankan untuk memberi nafkah berbeza halnya dengan lelaki.

Adapun lelaki mempunyai tanggungjawab menafkahi keluarganya dan kerabatnya begitu juga orang-orang yang wajib diberikan nafkah olehnya.

3. Keperluan nafkah dan tanggungjawab ekonomi seorang lelaki lebih besar dan lebih berat. Sebab itulah keperluannya kepada harta pusaka lebih besar daripada perempuan.

4. Seorang lelaki memberi mahar kepada perempuan ataupun isterinya. Dia bertanggungjawab memberikan keperluan tempat tinggal, makanan dan pakaian kepada isteri serta anak-anaknya.

Perbelanjaan pelajaran bagi anak-anak, perubatan untuk isteri dan anak-anak ditanggung sepenuhnya oleh lelaki dan bukannya perempuan.

Muhammad Bashīr al-Mufashshī, yang merupakan salah seorang guru penulis sendiri ketika mengikuti Kuliah Dakwah Islamiah Jām‘ih Abū Nūr Damaskus, Syria di dalam bukunya *al-Jāmi‘ al-Hadīth*, lebih memberikan fakta keadilan Allah Taala dalam pembahagian harta pusaka melalui contoh-contoh pembahagian harta pusaka. Beliau berkata ada dua kategori orang yang menuduh Islam menzalimi hak wanita dalam pembahagian harta pusaka:

¹²⁶ Muhammad ‘Alī al-Šābūni, (1997), *op. cit.*, h. 18-19.

1. Orang yang mengatakan tersebut mempunyai maksud dan tujuan tertentu sehingga matanya tertutup daripada kebenaran.
2. Orang tersebut hanya melihat kepada satu sisi atau satu permasalahan sahaja tanpa melihat permasalahan yang lain secara keseluruhan. Jika orang tersebut ahli di dalam ilmu perwarisan dalam Islam nescaya dia tidak akan membuat tuduhan dengan tergesa-gesa ¹²⁷.

Sesungguhnya di dalam pembahagian harta pusaka di dalam Islam didapati bahagian di antara lelaki dan perempuan adalah berbeza-beza. Tidak pada semua permasalahan lelaki mendapatkan bahagian lebih banyak daripada perempuan. Lihat seperti contoh permasalahan di bawah ini:

Contoh permasalahan bahagian lelaki dan perempuan adalah sama;

Permasalahan:

Ahli waris terdiri daripada 4 orang anak lelaki, ayah dan ibu¹²⁸.

Harta peninggalan si mati berjumlah RM 300,000.

Penyelesaian masalah:

Asal masalahnya adalah 6.

3. Isteri mendapatkan $1/6$, $6 \times 1/6 = 1$,

$$\text{RM } 300,000 \div 6 = \text{RM } 50,000. \text{ RM } 50,000 \times 1 = \underline{\text{RM } 50,000}$$

4. Ayah mendapatkan $1/6$, $6 \times 1/6 = 1$,

$$\text{RM } 300,000 \div 6 = \text{RM } 50,000. \text{ RM } 50,000 \times 1 = \underline{\text{RM } 50,000}$$

5. 4 anak lelaki mendapatkan '*asabah* daripada bahagian yang tinggal.

¹²⁷ Muḥammad Bashīr al-Mufashshī (1996), *op.cit.*, h. 14.

¹²⁸ Dr. Muḥammad Sa‘id Ramādān al- Būṭī (t.t), *Qadāya Sakhinah*, Paris: Sagesse D’orient. h. 343 - 344.

Bahagian yang tinggal dari asal masalah adalah $6 - 2 = 4$

$$\text{RM } 50,000 \times 4 = \underline{\text{RM } 200,000}$$

$$\text{RM } 200,000 \div 4 = \text{RM } 50,000$$

Maka masing-masing seorang anak lelaki mendapatkan RM 50,000

Pada permasalahan ini kita dapati bahawa bahagian yang didapati suami (lelaki) dan isteri (perempuan) adalah sama.

Contoh permasalahan bahagian perempuan lebih banyak daripada lelaki;

Permasalahan:

Ahli waris terdiri daripada isteri, 2 orang anak perempuan dan seorang anak lelaki.

Harta peninggalan si mati berjumlah RM 300,000.

Penyelesaian masalah:

Asal masalahnya adalah 24.

$$1 \quad \text{Isteri mendapatkan } 1/8, \ 24 \times 1/8 = 3,$$

$$\text{Rm } 300,000 \div 24 = \text{RM } 12,500. \text{RM } 12,500 \times 3 = \underline{\text{RM } 37,500}$$

$$2 \quad \text{anak perempuan mendapatkan } 2/3, \ 24 \times 2/3 = 16,$$

$$\text{RM } 300,000 \div 24 = \text{RM } 12,500. \text{RM } 12,500 \times 16 = \underline{\text{RM } 200,000}$$

$\text{RM } 200,000 \div 2 = \text{RM } 100,000$, maka setiap seorang anak perempuan mendapatkan RM 100,000

3 Seorang saudara lelaki kandung mendapatkan ‘*asabah* dari bahagian yang tinggal.

Bahagian yang tinggal dari asal masalah adalah $24 - 19 = 5$

$$\text{RM } 12,500 \times 5 = \underline{\text{RM } 62,500}$$

Pada permasalahan ini kita dapati bahawa bahagian yang didapati anak perempuan lebih banyak daripada bahagian yang didapati oleh saudara lelaki kandung.

Contoh permasalahan lelaki yang menjadi *mahjub* (tidak mendapatkan harta warisan) disebabkan adanya perempuan

Permasalahan:

Ahli waris terdiri daripada ibu, seorang cucu perempuan daripada anak lelaki, seorang saudara perempuan kandung dan seorang saudara lelaki seayah¹²⁹.

Harta peninggalan si mati berjumlah RM 600,000.

Penyelesaian:

Asal masalahnya adalah 6.

Ibu mendapatkan $1/6$, $6 \times 1/6 = 1$,

$\text{RM } 600,000 \div 6 = \text{RM } 100,000$. $\text{RM } 100,000 \times 1 = \underline{\text{RM } 100,000}$

Seorang cucu perempuan dari anak lelaki mendapatkan $1/2$, $6 \times 1/2 = 3$,

$\text{RM } 600,000 \div 6 = \text{RM } 100,000$. $\text{RM } 100,000 \times 3 = \underline{\text{RM } 300,000}$

Seorang saudara perempuan mendapatkan ‘asabah’.

Bahagian yang tinggal daripada asal masalah adalah $6 - 4 = 2$

$\text{RM } 100,000 \times 2 = \underline{\text{RM } 200,000}$

Seorang lelaki seayah menjadi *mahjub* disebabkan adanya saudara perempuan kandung yang kedudukannya menjadi sedarjat dengan saudara lelaki kandung kerana adanya cucu perempuan daripada anak lelaki.

Pada permasalahan ini kita dapati bahawa saudara lelaki seayah tidak mendapat harta sedikitpun disebabkan adanya saudara perempuan kandung. Jika tidak ada saudara

¹²⁹ Muḥammad Bashīr al- Mufashshi (1996), *op.cit.*, h. 172.

perempuan kandung nescaya saudara lelaki seayah akan mendapat harta warisan dengan bahagian ‘*aṣabah*.

Contoh permasalahan perempuan pada awalnya tidak mendapat harta tetapi akhirnya mendapat harta disebabkan adanya lelaki.

Permasalahan:

Ahli waris terdiri daripada ibu, 2 anak perempuan, seorang cucu perempuan daripada anak lelaki dan seorang cucu lelaki daripada anak lelaki

Harta peninggalan si mati berjumlah RM 1,800,000.

Penyelesaian:

Asal masalahnya adalah 18.

1. Ibu mendapatkan $1/6$, $18 \times 1/6 = 3$,

$$\text{RM } 1,800,000 \div 18 = \text{RM } 100,000. \text{ RM } 100,000 \times 1 = \underline{\text{RM } 100,000}$$

- a. 2 anak perempuan mendapatkan $2/3$, $18 \times 2/3 = 12$,

$$\text{RM } 1,800,000 \div 18 = \text{RM } 100,000. \text{ RM } 100,000 \times 12 = \underline{\text{RM } 1,200,000}$$

$\text{RM } 1,200,000 \div 2 = \text{RM } 600,000$, maka masing-masing anak perempuan mendapatkan RM 600,000

- a. Seorang cucu perempuan daripada anak lelaki bersama seorang cucu lelaki daripada anak lelaki mendapatkan ‘*aṣabah*.

Bahagian yang tinggal daripada asal masalah adalah $18 - 15 = 3$

$\text{RM } 100,000 \times 3 = \underline{\text{RM } 300,000}$ dengan perincian bagi cucu perempuan daripada anak lelaki mendapatkan RM 100,000 manakala bagi cucu lelaki daripada anak lelaki mendapatkan RM 200,000

Pada permasalahan ini kita dapati bahawa cucu perempuan daripada anak lelaki mendapat harta warisan dengan mendapat ‘*asabah*’ disebabkan adanya cucu lelaki daripada anak lelaki. Jika cucu lelaki daripada anak lelaki tiada nescaya cucu perempuan daripada anak lelaki tersebut akan menjadi *mahjubah* disebabkan adanya dua anak perempuan.

Daripada contoh-contoh pembahagian harta pusaka berdasarkan ilmu *Farā'i* di atas maka kita dapat melihat alangkah adilnya Allah SWT. Allah SWT memberikan pembahagian yang berbeza-beza yang dapat sama dirasai di antara lelaki dan perempuan sesuai dengan keadaan dan tanggungjawab masing-masing daripada setiap permasalahan.

Menurut Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia yang telah di prakarsa oleh H. Munawir Sjadzali sendiri pembentukan nya dalam hal hukum kewarisan pada bab III pasal 176 menetapkan bahawa apabila anak perempuan bersama-sama dengan anak lelaki maka bahagian anak lelaki adalah dua berbanding satu dengan anak perempuan.¹³⁰ Keputusan ini adalah merupakan hasil mesyuarat para ulama dan cendekiawan Muslim Indonesia yang merupakan keputusan hukum untuk masyarakat Muslim dan bangsa Indonesia. Keputusan para ulama dan cendekiawan Muslim Indonesia ini menunjukkan bahawa mereka sependapat dengan ijmak ulama dan tidak sependapat dengan pendapat H. Munawir Sjadzali yang menyamaratakan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan.

¹³⁰ Prof. Dr. H. Suparman Usman S.H dan Drs. Yusuf Somawinata (2002), *Fiqh Mawaris Hukum Kewarisan Islam*, c.2, Jakarta Selatan: Gaya Media Pratama, h. 259.

Dalam kajian berikut penulis cuba menelaah dan mengkaji hujah-hujah H. Munawir Sjadzali sehingga beliau berpendapat demikian dan tanggapan para ulama mengenainya.

4.3. Percanggahan Hujah-Hujah H. Munawir Sjadzali Dengan Pendapat Para Ulama

Ada tiga permasalahan pokok yang merupakan hujah utama H.Munawir Sjadzali sehingga beliau menyimpulkan bahawa ayat 11 surah al-Nisā' perlu dimodifikasi (disesuaikan) dengan cara menyamaratakan bahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan perempuan. Ketiga-tiga hujah tersebut iaitu:

- 1.*Naskh*.
- 2.Perhambaan.
- 3.Ijtihad Ummar.

4.3.1. *Naskh*

H. Munawir Sjadzali berkata bahawa dalam Quran dan Hadis nabi terdapat *naskh*. Dalam kitab suci kita terdapat ayat-ayat yang berisikan pergeseran atau bahkan pembatalan terhadap hukum-hukum (undang-undang) atau petunjuk yang telah diberikan dalam ayat-ayat yang diterima oleh Rasulullah SAW pada waktu-waktu sebelumnya. Demikian juga terdapat banyak Hadis yang menarik kembali petunjuk-petunjuk yang pernah diberikan sebelumnya. Menurut tafsir al-Jawāhir karya Syeikh Tanṭāwi Jawhari, terdapat sebanyak 21 kes *naskh* dalam Quran¹³¹.

¹³¹ Iqbal 'Abdurrauf Saimima (ed) (1988), *op.cit.*, h. 1.

Ayat 11 surah al-Nisā' yang menyatakan bahawa formula anak lelaki berhak menerima dua kali lebih besar daripada anak perempuan adalah nas sarih ataupun dalil *qat'i* yang tidak boleh diubah. Beliau berkata itu adalah argumen (alasan) klasik. H. Munawir Sjadjali menyatakan dalam Islam terdapat pembatalan hukum (*naskh*), dengan pengertian ayat Quran atau Hadis terdahulu dibatalkan oleh ayat Quran atau Hadis belakangan berdasarkan kepentingan yang dilihat oleh pembuat syariat¹³².

Dalam konteks ungkapan H. Munawir Sjadjali pada zaman sekarang ini dapat memberi kesan bahawa sehingga sekarang pun pembatalan hukum Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT masih berlaku. Dengan kata lain bahawa hukum yang ditetapkan Allah SWT mengenai pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dua kali bahagian anak perempuan dalam surah al-Nisā' (4):11 yang merupakan ayat *qat'i* itu masih terbuka ruang ijтиhad padanya berdasarkan nilai keadilan dan adat semasa. Ini bererti bahawa hukum yang telah ditetapkan oleh Allah pada masa lalu tidak sesuai dan tidak berlaku lagi pada zaman sekarang. Jika begitu bererti hukum yang telah ditetapkan ijmak ulama juga boleh dinaskhkan atau dibatalkan dengan adat yang berlaku.

Dalam hal ini, penulis membahagikan kajian dengan cuba untuk mencari jawapan dari tujuh permasalahan yang merupakan jawapan daripada persoalan *naskh* tersebut :

1. Apakah makna *Naskh* dan terbahagi kepada berapa *Naskh*?.
2. Di manakah tergolongnya pentafsiran H. Munawir Sjadjali pada surah al-Nisā'(4):11 dalam pembahagian *Naskh*?.
3. Apakah surah al-Nisā'(4):11 termasuk daripada ayat-ayat *Mansukh*.

¹³² *Ibid.*, h. 1.

4. Dalam *Nasikh* dan *Mansukh* tergolong manakah kedudukan surah al-Nisā'(4):11?.
5. Bolehkah menaskhkan ayat Quran pada semua zaman walaupun Rasulullah SAW telah tiada?.
6. Apakah yang dapat menasakhkan ayat Quran?.
7. Bolehkah ayat Quran dinaskhkan dengan adat dan ijтиhad?

1. Apakah Makna *Naskh* Dan Terbahagi Berapakah *Naskh*?

Naskh menurut istilah Fuqaha terbahagi kepada dua makna,¹³³

- a) Pembatalan hukum yang telah didapati dari nas yang lalu dengan nas yang datang berikutnya seperti contoh dalam Hadis disebutkan :

فَدُعِنْتُ نَهِيْتُكُمْ عَنْ زِيَارَةِ الْقُبُوْرِ فَقَدْ أُذِنَ لِمُحَمَّدٍ فِي زِيَارَةِ قَبْرِ اُمٍّ هِيَ فَرُؤُرُهَا فَإِنَّهَا تَذَكَّرُ
الأخرة
(رواه الترمذى)

Maksudnya: “Sesungguhnya dahulu Aku telah melarang kamu menziarahi kubur. Maka sesungguhnya telah diizinkan bagi Muhammad menziarahi kubur ibunya oleh kerana itu berziarahlah sesungguhnya ia dapat mengingatkan akhirat”¹³⁴

(H.R. Al-Tirmidhi)

Pada nas pertama menuntut kepada larangan menziarahi kubur kemudian pada nas kedua membolehkan menziarahi kubur.

¹³³ Muhammed al-Khudri Bik (1983), *Tarikh al-Tashri' al-Islami*, c. 1, Beirut: Dār al-Qalām, h. 21.

¹³⁴ Abī 'Isā Muhammed bin 'Isā bin Suraḥ al-Tirmidhi (t.t), *Sunan al-Tirmidhi wa Huwa al-Jāmi'* al-Ṣaḥīḥ, j. 2, al-Madīnah al-Munawwarah: Matba'ah al-Fahalah al-Ḥadidah, h. 259.

- b) Menghapuskan pengertian umum pada nas yang lalu atau mengaitkan sesuatu pada pengertian umumnya. Misalnya surah al-Baqarah (2):

228

وَالْمُطَلَّقُتُ يَرَبَّصُ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَاثَةٌ قُرُونٌ ﴿٢٨﴾

Maksudnya : “Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid)”

Terjemahan Surah al-Baqarah (2) : 228

Kemudian Allah SWT menyebutkan di dalam Quran pada surah al-Ahzāb (33):49 iaitu:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ
فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُونَهَا فَمَتَّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحًا جَمِيلًا ﴿٤٩﴾

Maksudnya :“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang ‘idayah yang kamu boleh hitungkan masanya. oleh itu, berilah "Mut'ah" (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.”

Terjemahan Surah al-Ahzāb (33): 49

Maka pada nas pertama termaktub memberikan pengertian umum baik perempuan yang telah digauli oleh suami atau belum, kemudian pada nas kedua mengaitkan pada perempuan yang belum digauli yang menjadi hukum yang khusus.

Pada pembahagian kedua ini, maksud umum yang terdapat pada nas tidaklah ada pembatalan hukum padanya. Makna umum padanya masih merupakan dalil, hanya sahaja ketika diberikan makna khusus maka keluarlah pengertiannya kepada makna

khusus. Ini bersesuaian dengan maksud dan hikmah *tashri‘ al-Islāmiy* atau *al-Tadrij fi al-Tashri‘ wa al-Tanzil* atau memberikan hukum secara beransur-ansur.

Adapun pada pembahagian pertama terdapat pembatalan hukum di dalam Quran atau dengan bahasa yang lebih senang bahawa hukum yang terdapat padanya telah berlalu dan habis masanya serta ketetapan padanya tidak dianggap berlaku lagi. Ia hanya merupakan bersifat sebagai zikir untuk dibaca sebagai ayat Quran. Pembatalan hukum nas yang lalu dengan nas yang datang kemudian dapat dibahagikan kepada dua:

- a. Pertama pada nas yang berikutnya terdapat makna menaskhkan (membatalkan) nas yang lalu.
- b. Kedua, bahawa di antara kedua nas terdapat percanggahan yang tidak mungkin mengumpulkan keduanya.

2. Di manakah tergolongnya pentafsiran H. Munawir Sjadjali surah al-Nisā’(4):11 dalam pembahagian *Naskh* ?

Mengamati persoalan peribadi yang pernah diajukan H.Munawir Sjadjali kepada salah seorang ulama yang beliau percayai di Indonesia tentang pembahagian harta pusaka kepada anak-anak lelaki dan anak-anak perempuannya andai beliau meninggal suatu hari nanti, nyata dengan jelas bahawa hati beliau tidak dapat menerima ketetapan surah al-Nisā’ (4):11 sebagaimana ungkapannya “Pokok persoalannya, saya merasa kurang adil andai saya meninggal nanti tiga anak lelaki saya akan menerima dua kali lebih banyak daripada apa yang akan diterima oleh anak-anak perempuan”.

H. Munawir Sjadjali berpendapat bahawa Quran misalnya berkenaan surah al-Nisā’ (4):11 yang mengandungi penjelasan mengenai pewarisan masih boleh dilakukan

modifikasi atau penyesuaian dengan adat ataupun sikap masyarakat yang berlaku dengan pertimbangan rasa keadilan. Kemudian H. Munawir Sjadjzali berdalah mengatakan “Dari huraiān di atas, jelaslah bahawa bukan saya yang mengatakan bahawa hukum harta pusaka seperti yang ditentukan oleh Quran itu tidak adil, tetapi saya menyoroti sikap masyarakat yang tampaknya tidak mempercayai lagi kepada keadilan hukum *Farā’id*”¹³⁵.

Daripada huraiān di atas, dapat kita simpulkan bahawa pentafsiran H. Munawir Sjadjzali tentang surah al-Nisā’ (4):11 dalam pembahagian *Naskh* adalah tergolong pada bahagian pertama kategori kedua, bahawa berlakulah pembatalan hukum yang telah didapati dari nas yang lalu dengan nas (dalil) yang datang berikutnya, kemudian termasuklah dalam kategori kedua iaitu di antara kedua-dua nas terdapat percanggahan yang tidak mungkin mengumpulkan keduanya. Dengan erti kata lain bahawa tidak mungkin dapat mengumpulkan pengertian dalam surah al-Nisā’ (4):11 tentang pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki mendapat dua bahagian daripada anak perempuan dikumpulkan dengan dalil yang menyatakan diberikan pembahagian sama rata di antara anak lelaki dan perempuan.

3. Apakah surah al-Nisā’(4):11 termasuk daripada ayat- ayat *Mansūkh*?

Ibn Al-Jaūzī (508 – 597 H.) menjelaskan dalam kitabnya yang bertajuk *Nawāsikh al-Qur’ān*, bahawa di dalam Quran terdapat 114 surah dan 25 surah terdapat padanya ayat *Nāsikh* dan *al-Mansūkh* seperti dalam surah al-Baqarah, Āli ‘Imrān dan al-Nisā’. Kemudian didapati 40 surah terdapat padanya ayat *Mansūkh* dan tiada ayat *Nāsikh* seperti al-An’ām, al-A’rāf dan Yūnus serta juga terdapat 6 surah mengenai ayat

¹³⁵ Iqbal ‘Abdurrauf Saimima (ed) (1988), *op.cit.*, h. 5.

Nāsikh dan tiada ayat *Mansūkh* seperti al-Fath, al-Ḥasyr dan al-Munāfiqūn. Selain itu, terdapat 43 surah yang tidak ada didapati padanya ayat *Nāsikh* mahupun ayat *Mansūkh* seperti al-Fātiḥah, Yūsuf dan Yāsin¹³⁶.

Para ahli tafsir menyatakan bahawa surah al-Nisā' (4):11 bukanlah termasuk daripada ayat-ayat *Mansūkh*. Hal ini dijelaskan oleh al-Jassās (305 – 370 H.) di dalam kitabnya yang bertajuk *Aḥkam al-Qur'ān* bahawa surah al-Nisā' (4):11 adalah ayat *Muḥkamah* dan bukan ayat *Mansukhah*.¹³⁷

4. Dalam hal *Nāsikh* dan Mansuh tergolong manakah kedudukan surah al-Nisā'(4):11

Surah al-Nisā'(4):11 adalah merupakan ayat *Nasikh* manakala surah al- Nisā' (4):8 pula merupakan ayat mansuh¹³⁸. Terdapat firman Allah SWT dalam surah al-Nisā' (4):8 iaitu:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُوا الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Maksudnya: “Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik”.

Terjemahan Surah al- Nisā' (4): 8

Surah al-Nisā'(4):11 juga merupakan ayat *Nasikh* daripada surah al-Baqarah (2):180 yang merupakan ayat mansuh.¹³⁹ Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah (2):180 iaitu:

¹³⁶ Abī al-Farj ‘Abd al-Rahmān ibn al-Jauzi (1992), *Nawāsikh al-Qur'ān*, c. 1, Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnān, h. 32.

¹³⁷ Abī Bakr Aḥmad bin ‘Alī al-Rāzī al-Jassās (t.t), *op. cit.*,h.79.

¹³⁸ Abī al Farj ‘Abd al-Rahmān bin al-Jauzī (1992), *op.cit.*,h. 103.

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتَ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا أَلْوَصِيَّةُ لِلَّوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
 بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: “Kamu diwajibkan apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan ke atas orang-orang yang bertakwa”

Terjemahan Surah Al-Baqarah (2): 180

al-Jaṣṣāṣ (305 – 370 H.) menegaskan di dalam kitabnya *Aḥkām al-Qur’ān* bahawa surah al-Nisā’ (4):11 adalah ayat *Muhkamah* dan bukan ayat *Mansūkhah*¹⁴⁰.

5. Bolehkah Menasakhkan Ayat Quran Pada Semua Zaman Walaupun Rasulullah SAW Telah Tiada?

Salah satu syarat *Nāsikh* yang ditetapkan oleh para ulama ialah ketetapan, kekuatan ataupun dalilnya adalah sama dengan *Mansūkh* atau lebih tinggi daripadanya. Hal ini membuatkan para ulama menetapkan bahawa tidak ada lagi penasakan (pembatalan) ayat-ayat Quran setelah wafatnya Rasulullah SAW kerana penasakan tidak terjadi kecuali dengan wahyu dan wahyu hanya diturunkan pada masa hidupnya Rasulullah SAW. Dengan kata lain, apabila sudah tidak ada lagi wahyu maka tidak ada lagi *Naskh*. Semua hukum yang berlaku pada zaman Rasulullah merupakan hukum dan tidak ada yang membantalkannya serta merupakan hukum yang tetap sehingga hari kiamat¹⁴¹.

¹³⁹ *Ibid.*, h. 50.

¹⁴⁰ Abī Bakr Aḥmad ibn ‘Alī al-Rāzī al-Jassas (t.t), *op. cit.*, h. 79.

¹⁴¹ *Ibid.*, h. 478.

Oleh kerana itu, manusia tidak berhak melakukannya walaupun setinggi mana ilmunya dapat menasakhkan hukum yang telah ditetapkan secara *shar'i* kecuali Rasulullah SAW yang merupakan penyampai hukum Allah SWT. Hal ini disebabkan bahawa Rasulullah SAW adalah merupakan penutup para rasul dan nabi begitu juga bahawa Rasulullah merupakan rasul terakhir yang diutus oleh Allah SWT kepada manusia untuk menyampaikan syariat-Nya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzāb (33): 40 iaitu:

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبَا أَحَدٍ مِّنْ رِجَالِكُمْ وَلَكِنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ

شَيْءٍ عَلَيْهِمَا ﴿٤٠﴾

Maksudnya: “Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala nabi-nabi dan (ingatlah) Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Terjemahan Surah Al-Ahzab (33):40

Berdasarkan ayat di atas, maka jelaslah bahawa *al-Shari'ah al-Islamiyah* yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah merupakan penutup *al-Shari'ah al-Samawiyyah* yang kekal dan tetap sehingga hari kiamat.

6. Apakah Yang Dapat Menasakhkan Ayat al-Quran?

Ayat-ayat al-Quran boleh dinasakhkan berdasarkan surah *al-Baqarah* (2):106 iaitu:

مَا نَسَخْ مِنْ إِعْيَةٍ أَوْ نُنْسِهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ

قَدِيرٌ ﴿١٠٦﴾

Maksudnya: “Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan) atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding

dengannya. Tidakkah Engkau mengetahui bahwasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?”

Terjemahan Surah Al-Baqarah (2): 106

Majoriti *ahl al-Ilmi* berpendapat bahawa Quran boleh dinasakhkan¹⁴².

Penjelasannya terbahagi kepada dua yakni:

1. Dengan Quran apabila kekuatan dalil antara ayat *mansūkh* dengan *nasikh* adalah sama.
2. Dengan al-Sunnah al-Mutawātirah bila mana kekuatan dalilnya sama.

Menurut ulama mazhab Ḥanāfiyah, boleh menasakhkan Quran dengan *al-Sunnah al-Mashhūrah* disebabkan kedudukannya yang dekat dengan kedudukan *al-Mutawātirah*. Dalam hal ini, terjadi perbezaan pendapat yang menurut Imām Shāfi‘ī bahawa Quran tidak dapat dinasakhkan dengan al-Sunnah kerana al-Sunnah kedudukannya tidak tinggi berbanding Quran mahupun sebaris dengan Quran. Adapun menurut jumhur ulama bahawa Quran boleh dinasakhkan dengan *al-Sunnah al-Mutawātirah* misalnya surah al-Baqarah (2):180 iaitu:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ حَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
بِالْمَعْرُوفِ حَقًا عَلَى الْمُتَّقِينَ

Maksudnya: “Kamu diwajibkan apabila seseorang daripada kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa”

Terjemahan Surah Al-Baqarah (2): 180

Ayat ini dinasakhkan dengan Hadis Rasulullah :

إِنَّ اللَّهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍ حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لِوَارِثٍ
(رواه ابن ماجة)¹⁴³

¹⁴² Badran Abū al-‘Ainaini Badran (1969), *Usūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al- Ma’arif, h. 479.

¹⁴³ Abī ‘Abd Allah Muḥammad ibn Yazid al-Qaznawi (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, j. 2, h. 905.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah memberikan setiap yang mempunyai hak akan haknya maka tidak ada wasiat bagi ahli waris”

(H.R. Ibn Mājah)

Mengenai pendapat Imam al-Shāfi‘ī yang berbeza dengan jumhur, ada yang mengatakan bahawa sesungguhnya Imām al-Shāfi‘ī tidak bermaksud semua Sunnah akan tetapi yang dimaksudkan oleh beliau ialah Sunnah yang didapati daripada khabar Ahad¹⁴⁴.

7. Bolehkah ayat Quran Dinasakhkan Dengan Adat Dan Ijtihad?

Ijtihad, *al-Ra'y* atau *Qiyas* adalah peringkat keempat daripada sumber-sumber hukum setelah Quran, hadis dan ijmak. Penasakan Quran dengan Quran serta - Quran dengan *al-Sunnah al-Mutawātirah* telah kita ketahui di atas. Sekarang kita cuba membahaskan naskh Quran dengan ijmak. Menurut jumhur, bahawasanya Quran dan *al-Sunnah* tidak dapat dinasakhkan dengan ijmak kerana apabila nas sudah *qat'i* adalah mustahil ijmak bercanggah dengannya.¹⁴⁵ Rasulullah SAW telah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْمَعُ أُمَّةً – أَوْ قَالَ أُمَّةً مُحَمَّدٌ – عَلَى ضَلَالٍ¹⁴⁶

(رواه الترمذى)

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak akan membuat umatku – Umat Muhammad – bersepakat di dalam kesesatan”

(H.R. Al-Tirmidhi)

Oleh kerana itu, apabila suatu hukum telah ditetapkan dengan nas *qat'i* ataupun dengan ijmak maka tidaklah dapat dinasakhkan dengan *al-Qiyās*, *Ra'y* ataupun Ijtihad kerana *al-Nāsikh* mestilah kedudukannya sama ataupun lebih kuat daripada *al-Mansūkh*. Adapun adat mahupun ‘Urf yang boleh menjadi sumber hukum adalah ‘Urf yang sahih

¹⁴⁴ Dr. Amir Abd al-'Aziz (1999), *op.cit.*, h. 53.

¹⁴⁵ Badran Abū al-'Ainain Badran (1969), *op. cit.*, h. 482.

¹⁴⁶ Aby 'Isa Muḥammad bin 'Isa bin Suraḥ al-Tirmidhi (t.t), *op.cit.*, j. 3, h. 315.

di mana tidak menyalahi dalil daripada dalil-dalil *Shar'i* dan tidak menyalahi mana-mana kaedah daripada ketentuan syarak serta hukum-hukum yang telah *thabit* (tetap).

'Urf yang *Fasid* tidaklah dipandang sebagai sumber hukum seperti bermuamalah dengan riba atau sebagaimana seorang perempuan keluar rumah tanpa menutup aurat. Dari pada keterangan di atas, kita dapat mengetahui bahawa Quran tidak dapat dinasakhkan dengan ijtihad mahupun dengan adat yang merupakan kebiasaan bagi manusia¹⁴⁷.

4.3.2. Perhambaan

Pendapat H. Munawir Sjadzali

Dalam Quran terdapat paling kurang empat ayat yang memperincikan tentang keizinan penggunaan hamba sahaya sebagai tindakan alternatif bagi penyaluran biologi kaum lelaki di samping isteri (surah al-Nisā'(4):3, surah al-Mu'minūn(23):6, surah al-Ahzāb(33):52 dan surah al-Mārij(70):30). Rasulullah SAW sering memberi peringatan kepada para pemilik hamba supaya berlaku lebih berperikemanusiaan terhadap hamba sahaya atau membebaskan mereka sama sekali. Tetapi apa yang jelas, sehingga Rasulullah wafat dan wahyu terakhir telah turun, Islam masih lagi belum menyelesaikan masalah penghapusan hamba abdi.

Kita sekarang hidup pada akhir abad ke-XX, di mana umat manusia sepakat mengutuk perhambaan dalam segala bentuk sebagai musuh kemanusiaan. Apakah kata dunia terhadap Islam jika sekarang ini kita masih mempertahankan status lama sikap

¹⁴⁷ Badran Abū al-'Ainaini Badran (1969M), *op.cit.*,h.h. 482 - 484 dan 329 - 333.

Islam terhadap perhambaan pada zaman Rasulullah SAW. Lebih dari itu, jika kita mempertahankan keabsahan ayat-ayat tersebut dan tetap berpegang serta tidak berani menyelesaikan proses yang telah dirintis oleh Rasulullah itu, maka kita tidak dapat bercakap tentang hak yang paling asasi iaitu hak untuk hidup sebagai manusia yang merdeka, sedangkan menurut dalil-dalil *qat'i* itu, amalan perhambaan masih dibenarkan oleh Islam.

Sebagai pembelaan atas kenyataan ini, bahawa sehingga Rasulullah wafat, Islam belum lagi menghapuskan perhambaan secara tuntas. Di antara kita masih ada yang mengatakan bahawa hal itu disebabkan oleh kerana Rasulullah khuatir terhadap reaksi masyarakat pada waktu itu jika dengan tegas baginda menghapuskan amalan perhambaan. Jika misalnya, alur penularan itu diterima, maka kita dapat bertanya dalam hal yang berkaitan dengan amalan perhambaan. Rasulullah masih mempertimbangkan reaksi masyarakat, apakah sebagai umat Rasulullah SAW kita tidak seharusnya belajar dari kebijakan panutan agung kita itu.

Pendapat Para Ulama

Istilah perhambaan ini berlaku akibat terjadinya perperangan antara negeri dengan negeri mahupun bangsa dengan bangsa. Orang-orang yang ditawan dari negeri-negeri yang ditaklukinya akan dijadikan hamba. Lelaki menjadi hamba pekerja dan perempuan pula menjadi hamba di rumah.

Perempuan-perempuan ini ibarat barang oleh tuannya dan boleh digunakan sesuka hati bahkan boleh dijual apabila dianggap tidak berguna lagi. Budak atau hamba sahaya ini yang dalam istilah Quran أَوْ مَا ملَكُتْ لِمَنْ يُنْهِمْ yang bererti hamba sahaya yang

mereka miliki. Hal ini disebutkan dalam surah al-Nisā' (4):3, surah al-Mu'minūn (23):6, surah al-Aḥzāb (33):52 dan surah al-Mā'ārij (70):30.

Dalam bahasa Melayu kuno disebut dengan gelaran gundik atau selir yang boleh digauli oleh tuannya tanpa perlu dinikahi. Pada masa itu tidak ada sesiapa yang melarangnya. Islam datang kerana ingin menghalang tindakan biasa manusia yang tidak berperikemanusiaan itu. Islam ingin mengangkat derajat budak (hamba sahaya) sebagaimana layaknya manusia yang lain.

Muhammad Qutub di dalam kitabnya *Shubuhāt Haūla al-Islām* telah membahaskan permasalahan ini secara khusus dengan judul “*al-Raqiq*” yang bermaksud budak atau hamba sahaya. Beliau berkata amalan perhambaan telah berlaku sebelum kedatangan Islam. Keadaan hamba sahaya pada zaman dahulu ketika kerajaan Rom sangat kejam yang belum pernah terjadi di dalam sejarah Islam. Hamba sahaya hanya dianggap sebagai barang dan bukan sebagai manusia yang mempunyai hak. Tujuan utama mereka hanyalah keinginan mereka untuk memperhambakan demi kemaslahatan orang-orang Rom¹⁴⁸.

Hamba sahaya ditempatkan di ladang-ladang dan sawah. Mereka hanya diberi makan sekadar mereka boleh meneruskan kehidupan dan bekerja. Ketika sedang bekerja kerap kali mereka disebat dan dipukul tanpa sebab yang jelas. Mereka ditempatkan di dalam sebuah kerangkeng (penjara) yang gelap serta berbau busuk di mana di dalamnya terdapat serangga dan tikus-tikus. Di dalam sebuah kerangkeng ditempatkan berpuluhan-puluhan orang yang boleh mencecah sehingga lima puluh orang. Tidak terdapat ketenangan dan kedamaian di dalamnya.

¹⁴⁸ Muhammad Quṭub (1997), *op.cit.*, h. 38- 39.

Kerajaan Rom juga membangunkan tempat-tempat pertunjukan pertempuran di antara hamba sahaya dengan menggunakan pedang dan tombak semasa berlawan. Tempat pertunjukan ini sangat digemari oleh masyarakat Rom. Pertunjukan itu dihadiri oleh rakyat, petinggi-petinggi kerajaan bahkan juga Raja Rom sendiri. Mereka tidak mempunyai perasaan langsung apabila melihat tombak ataupun pedang yang menusuk tubuh badan hamba sahaya yang bertarung. Bahkan mereka tertawa kegirangan dan memberikan tepukan yang gemuruh di mana pertarungan tersebut diakhiri dengan kehilangan nyawa¹⁴⁹.

Lain pula seksanya yang dirasakan kaum wanita dan kanak-kanak yang menjadi tawanan perang mereka. Wanita dijadikan alat pemusu nafsu bagi sesiapa sahaja yang menginginkannya baik bagi tuannya, mahupun anak-anak atau rakan-rakan tuannya. Hamba abdi wanita dipandang sebagai barang sahaja yang boleh digunakan bila suka tanpa memandang wanita tersebut sebagai insan yang mempunyai maruah dan harga diri. Kanak-kanak kecil pula dijadikan hamba pekerja untuk bekerja sepenuh masa¹⁵⁰.

Kemudian datanglah Islam dengan membawa ajaran agar para pemilik hamba sahaya berkelakuan baik terhadap hambanya. Hamba sahaya bukan lagi dipandang sebagai perhambaan tetapi dipandang sebagai keluarga dan saudara.

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۝ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ
وَالْمَسِكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا
مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا تَنْهِبُ مَنْ كَانَ مُحتَلًاً فَخُورًا ﴿٦﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetanggan yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar, dan juga hamba

¹⁴⁹ Ibid., h. 40.

¹⁵⁰ Ibid., h. 52.

yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombang takbur dan membangga-banggakan diri”

Terjemahan surah al- Nisā’ (4): 36

Untuk lebih memperkuatkan lagi hubungan kekeluargaan di antara tuan dan hamba sahaya, Islam mengizinkan para tuan untuk menikahi hamba-hambanya secara sah dengan diberikan mahar kepada wanita tersebut¹⁵¹.

Allah berfirman di dalam Quran:

وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ مِنْكُمْ طَوْلًا أَنْ يَنْكِحَ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ فَمِنْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ مِنْ فَتَيَّتِكُمُ الْمُؤْمِنَاتِ وَاللهُ أَعْلَمُ بِإِيمَانِكُمْ بَعْضُكُمْ مِنْ بَعْضٍ فَإِنِّي حُوْهُنَّ بِإِذْنِ أَهْلِهِنَّ وَإِأْتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ مُحْصَنَاتٍ غَيْرُ مُسَفِّحَاتٍ وَلَا مُتَّخِذَاتٍ أَخْدَانٍ فَإِذَا أَحْصَنَ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَحْشَةٍ فَعَلَيْنَ نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَدَابِ ذَلِكَ لِمَنْ حَشِيَ الْعَنْتَ مِنْكُمْ وَأَنْ تَصِرُّوْا حَيْرَ لَكُمْ
وَاللهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin Dengan hamba-hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki. dan Allah lebih mengetahui akan iman kamu; kamu masing-masing (suami yang merdeka dan isteri dari hamba abdi itu) adalah dari asal yang sama (dari Adam, dan seagama pula). Oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya serta berikanlah maskahwinnya menurut yang patut. mereka (hamba-hamba perempuan yang akan dijadikan isteri, hendaklah) yang sopan bukan perempuan-perempuan lacur dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan. kemudian setelah mereka (hamba-hamba perempuan itu) berkahwin, lalu mereka melakukan perbuatan keji (zina), maka mereka dikenakan separuh dari (hukuman) seksa yang ditetapkan ke atas perempuan-perempuan yang merdeka. (Hukum perkahwinan) yang demikian (yang membolehkan seseorang berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu ialah bagi orang-orang yang bimbang melakukan zina di antara kamu dan sabarnya kamu (tidak berkahwin dengan hamba-hamba perempuan) itu adalah lebih baik bagi kamu dan (ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Terjemahan surah al- Nisā’ (4): 25

¹⁵¹ Ibid., h. 38- 42.

Rasulullah SAW sebagai panutan umat memberikan contoh tauladan kepada para sahabat dan umatnya. Rasulullah SAW mempunyai seorang perempuan tawanan perang. Perempuan tersebut anak kepada Huyay bin Akhtab salah seorang bangsa Yahudi yang sangat memusuhi Rasulullah dan meninggal dalam peperangan ketika menentang Rasulullah sehingga anak perempuannya ditawan.

Bagi Rasulullah SAW, tawanan perang anak kepada Huyay bin Akhtab yang bernama Šafiyah ini tidak dijadikan sebagai gundik atau selir. Baginda ingin mengangkat darjah Šafiyah daripada seorang hamba menjadi orang yang merdeka. Kemudian baginda membebaskan Šafiyah daripada status tawanan dan dimerdekakannya. Setelah itu, baginda memikul tanggungjawab ke atas Šafiyah dengan menikahinya. Mahar (mas kahwin) adalah kemerdekaan yang telah diberikan baginda¹⁵².

Khalifah Umar bin Khaṭṭāb r.a. adalah seorang khalifah yang sangat mengambil berat perihal kehidupan rakyatnya. Beliau telah membuat satu peraturan baru berkaitan status anak hasil hubungan seorang tuan dengan hamba sahaya perempuannya. Peraturan tersebut menyebutkan bahawa apabila hamba perempuan yang telah melahirkan anak tuannya maka anak tersebut tidak boleh dijual kerana dia telah melahirkan anak merdeka yang mempunyai martabat yang tinggi. Peraturan itu sangat dipersetujui oleh ulama ahli fikah.

Islam sangat memperhatikan terhadap hubungan darah seorang anak yang dilahirkan dari hubungan seorang tuan dengan hamba perempuannya di mana anak itu

¹⁵² Hamka (1983), *Tafsir Al Azhar*, c. 3, j. XXIX- XXX, Surabaya : Penerbit Pustaka Islam, h. 115- 116.

adalah merupakan anak tuannya. Anak tersebut mendapatkan hak yang sama sebagaimana anak tuannya daripada perempuan yang merdeka.

Bahkan di dalam sejarah tamadun Islam, terdapat juga anak-anak hasil hubungan seorang raja atau khalifah dengan hamba sahaya perempuannya telah menjadi khalifah ketika zaman Bani Abbasiyyah iaitu al-Hadi dan Harun al-Rasyid. Mereka adalah anak gundik daripada ibu mereka yang bernama Khaizuran. Begitu juga al-Ma'mun yang sangat terkenal di mana ibunya merupakan seorang gundik bernama Murajil¹⁵³.

Tujuan utama sikap Islam terhadap hamba sahaya adalah memerdekaan setiap manusia. Oleh kerana itu, tidak cukup dengan hanya menganjurkan bermuamalah yang baik dengan hamba sahaya bahkan Islam turut membuat cara dan peraturan agar para hamba sahaya dapat dimerdekaan oleh tuannya demi menghapuskan amalan perhambaan.

Muhammad al-Khudri Bik di dalam bukunya *Tārīkh al-Tashri‘ al-Islāmi* menjelaskan ada beberapa cara Islam memerdekaan dan menghapuskan perhambaan¹⁵⁴:

1. Sebagai menunjukkan kesyukuran di atas nikmat yang telah Allah berikan maka seseorang yang telah mendapatkan anugerah nikmat tersebut dianjurkan untuk memerdekaan hamba sahayanya. Sebagaimana firman Allah Taala dalam al-Quran surah al-Balad (90): 11- 16 yang berbunyi:

¹⁵³ *Ibid.*, h. 120.

¹⁵⁴ Muhammad al-Khudri Bik (1983), *op.cit.*, h. 52 - 53

فَلَا أَقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ ﴿١﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ ﴿٢﴾ فَكُّ رَقَبَةٌ
 أَوْ إِطْعَمُ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ ﴿٣﴾ يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ ﴿٤﴾ أَوْ مِسْكِينًا ذَا مَتْرِبَةٍ

Maksudnya: “Dalam pada itu manusia tidak (memilih jalan kebaikan) merempuh masuk mengerjakan amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi tuhan; Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya di sisi tuhan itu? (di antara amal-amal itu - bagi orang Yang mampu) ialah memerdekaan hamba abdi; Atau memberi makan pada hari kelaparan, Kepada anak yatim dari kaum kerabat, Atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah.

Terjemahan surah al-Balad (90): 11- 16

Islam membuat peraturan membayar denda disebabkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dengan cara memerdekaan budak (hamba sahaya) seperti kafarah zihar. Sebagaimana firman Allah dalam al-Quran surah al-Mujādilah (58): 3

وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَاءِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا فَتَحَرِّرُ رَقَبَةٌ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَآسَّا
 ذَلِكُمْ تُوعَظُونَ بِهِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang "ziharkan" isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekaan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). Dan (ingatlah), Allah Maha mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan.

Terjemahan surah al-Mujādilah (58): 3

Begitu juga halnya dengan kafarah (denda) membunuh seseorang dengan tidak sengaja maka dendanya dengan memerdekaan seorang hamba. Sebagaimana firman Allah dalam Quran surah al-Nisā' (4): 92 :

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ أَنْ يَقْتُلَ مُؤْمِنًا إِلَّا حَطَّاً وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا حَطَّا فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ
 مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَدِّقُوا فَإِنْ كَانَ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ
 مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيقَاتٌ فَدِيَةٌ
 مُسَلَّمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرٍ مُتَتَابِعِينَ تَوْبَةً
○
 مِنَ اللَّهِ وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْمًا حَكِيمًا

Maksudnya: "Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kafarah) dengan memerdekaan seorang hamba yang beriman serta membayar "diah" (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan (memaafkannya). tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kafarah sahaja dengan) memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) dari kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia di antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar "diah" (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekaan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekaannya), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut (Hukum yang tersebut) datangnya dari Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu) dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Terjemahan surah al-Nisā' (4): 92

Islam memerintahkan agar membuat perjanjian bertulis untuk memerdekaan hamba sahaya bagi menginginkan dirinya merdeka dengan cara mereka membayar kepada tuannya. Dalam hal ini, Islam menganjurkan sesiapa yang mampu agar dapat menolong hamba-hamba sahaya tersebut untuk memerdekaan diri mereka. Firman Allah dalam Quran surah al-Nūr (24): 33:

وَلَيْسَتْعِفِ الَّذِينَ لَا يَحْدُونَ نِكَاحًا حَتَّىٰ يُغْنِيهِمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ ۚ وَالَّذِينَ يَبْتَغُونَ
 الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمُوهُمْ خَيْرًا ۖ وَإِنْ تَوْهُمْ مِّنْ مَالِ اللَّهِ
 الَّذِي أَتَيْتُكُمْ ۗ وَلَا تُكْرِهُوْا فَتَبَيَّنُوهُمْ عَلَى الْبِغَاءِ ۖ إِنَّ أَرْدَنَ تَحْصُنَا لِتَبَتَّغُوا عَرَضَ
 الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَمَنْ يُكْرِهُهُنَّ فَإِنَّ اللَّهَ مِنْ بَعْدِ إِكْرَاهِهِنَّ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan berkahwin, hendaklah mereka menjaga kehormatannya sehingga Allah memberi kekayaan kepada mereka dari limpah kurniaNya dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekaan dirinya (dengan jumlah bayaran yang tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian) dan berilah kepada mereka dari harta Allah yang telah dikurniakan kepada kamu. dan janganlah kamu paksakan hamba-hamba perempuan kamu melacurkan diri manakala mereka mahu menjaga kehormatannya, kerana kamu berkehendakkan kesenangan hidup di dunia. dan sesiapa yang memaksa mereka, maka sesungguhnya Allah, sesudah paksaan yang dilakukan kepada mereka - Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihi.

Terjemahan surah al-Nūr (24): 33

Hal ini menunjukkan bahawa Islam tidak menyukai amalan perhambaan bahkan berusaha untuk menghapuskan perhambaan dengan berbagai cara sebagaimana yang tersebut di atas. Rasulullah SAW telah pun dengan jelas bersikap menentang perhambaan dengan mahu memerdekaan hamba sahayanya sendiri.

Hukum perhambaan di dalam Islam hanya akan berlaku dengan satu sebab sahaja iaitu peperangan *fi sabilillah* yakni peperangan di antara kaum Muslimin dan kafir yang disebabkan agama.

Sayyid Quṭub di dalam kitabnya *Fi Zilāl al-Qur’ān* menyatakan bahawa perhambaan akan berlaku dengan satu sebab yang diterima di sisi undang-undang iaitu peperangan *fi sabilillah*. Satu-satunya sebab yang diterima di sisi undang-undang itulah

yang diperakui oleh Islam. Itulah satu-satunya peperangan yang ditentukan oleh Islam¹⁵⁵. Hal ini berdasarkan firman Allah Taala di dalam Quran surah Muhammad (47): 4:

فَإِذَا لَقِيْتُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَضَرِبُ الْرِّقَابِ حَتَّىٰ إِذَا أَخْنَتُمُوهُمْ فَشُدُّوا الْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنَّا
بَعْدُ وَإِمَّا فِدَاءً حَتَّىٰ تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْ زَارَهَا ذَلِكَ وَلَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَا نَتَصَرَّ مِنْهُمْ وَلَكِنْ
لَّيَبْلُوَ بَعْضُهُمْ وَالَّذِينَ قُتُلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَلَنْ يُضْلَلَ أَعْمَالُهُمْ

Maksudnya: “Dengan yang demikian, apabila kamu berjuang menentang orang-orang kafir (dalam peperangan jihad) maka pancunglah lehernya, sehingga apabila kamu dapat membunuh mereka dengan banyaknya (serta mengalahkannya) maka tawanlah (mana-mana yang hidup) dan ikatlah mereka dengan kukuhnya. Setelah selesai pertempuran itu maka (terserahlah kepada kamu) sama ada hendak memberi kebebasan (kepada orang-orang tawanan itu dengan tiada sebarang penebusnya) atau membebaskan mereka dengan mengambil penebusnya. (Bertindaklah demikian terhadap golongan kafir yang menceroboh) sehingga hal berakhir peperangan jihad itu (dan lenyaplah sebab-sebab yang memimbulkannya). Demikianlah (diperintahkan kamu melakukannya) dan sekiranya Allah menghendaki, tentulah ia membinasakan mereka (dengan tidak payah kamu memeranginya) tetapi ia (perintahkan kamu berbuat demikian) kerana hendak menguji kesabaran kamu menentang golongan yang kufur ingkar (yang mencerobohi kamu) dan orang-orang yang telah berjuang serta gugur syahid pada jalan Allah (mempertahankan agamanya), maka Allah tidak sekali-kali akan mensiasakan amal-amal mereka.

Terjemahan surah Muhammad (47): 4

Sayyid Rashid Ridā adalah seorang ulama yang sangat dihormati dan sangat mengambil berat terhadap kehidupan masyarakat pada zamannya. Pada masa itu, beliau telah mengeluarkan fatwa yang dipersetujui oleh para ulama. Beliau berfatwa bahawa hamba-hamba yang sah menurut peraturan agama Islam ialah hamba yang berasal dari tawanan perang yang mana perang itu adalah kerana agama. Perang tersebut sebagaimana perang-perang yang berlaku ketika zaman Rasulullah dan Khalifah-

¹⁵⁵ Sayyid Quṭub (1971), *Fi Zilāl al-Qur'ān*, c. 7, juz 28, Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi. h. 285.

khalifah terdahulu. Oleh sebab itu, maka hamba yang berasal daripada tawanan perang yang bukan perang disebabkan agama tidaklah sah diperhamba.

Setelah Raja Faiṣal menaiki takhta pada tahun 1964, beliau telah membuat suatu peraturan di mana seluruh hamba abdi di Arab Saudi haruslah dimerdekakan. Oleh kerana itu, baginda meminta fatwa kepada para ulama agar keputusan beliau kukuh daripada segi agama. Para ulama membuat keputusan fatwa yang sama dengan fatwa yang dikeluarkan oleh Sayid Rashiḍ Riḍā. Fatwa berkenaan menerangkan tentang pembebasan perhambaan yakni bahawa hamba-hamba yang sah menurut agama ialah mereka yang merupakan tawanan perang kerana agama. Itupun dianjurkan agama supaya dimerdekakan. Apatah lagi sekarang, hamba mestilah dihapuskan kerana tiada sebab untuk menahannya. Sehingga akhir tahun 1964, amalan perhambaan itu telah tiada lagi di dalam kerajaan Arab Saudi¹⁵⁶.

Peraturan yang dibuat oleh Raja Faiṣal di negaranya itu menjadi perhatian dan mendapat sambutan dari negara-negara Arab yang lain. Kini, tiada lagi perbudakan (perhambaan) di negara- negara Arab. Hal ini telah ditegaskan oleh seorang ulama yang bernama Wahbah al-Zuḥayli ketika mentafsirkan ayat yang berbunyi **مَا مَلَكْتُ أَيْمَانُهُمْ** dengan hamba sahaya yang mereka miliki daripada tawanan perang pada zaman ia berlaku¹⁵⁷.

Dengan peraturan di atas, bahawa pada masa sekarang budak atau hamba sahaya ini tidak perlu lagi kerana Islam memang tidak menyukainya dan sudah tiada lagi peperangan kerana agama serta juga tiada kemaslahatan untuk diadakannya. Oleh sebab

¹⁵⁶ Hamka (1983), *op.cit*, j. XXIX- XXX, h. 120.

¹⁵⁷ Wahbah al-Zuḥayli (1991), *Al-Tafsir al-Munir*, j. 17-18, Beirut: Dār al- Fikr al Mu’asir, h. 12.

itu hukum ini tidak dilaksanakan lagi kerana amalan perhambaan sudah dilarang di seluruh dunia sejak pertengahan abad kesembilan belas¹⁵⁸.

Syeikh Muḥammad Mutawalli al-Sha‘rāwi di dalam bukunya *Tafsīr al-Sha‘rāwi* menegaskan bahwasanya sekarang sudah tidak ada lagi dasar untuk memiliki hamba sahaya. Ketiadaan amalan perbudakan tersebut disebabkan tiada lagi peperangan yang terjadi di antara kaum Muslimin dengan kafir¹⁵⁹.

Walaupun begitu ketentuan ayat Quran mengenai perbudakan masih tetap berlaku dan hukumnya tetap tidak dimansuhkan oleh Islam. Hal ini disebabkan terdapat beberapa hikmah di sebalik ketentuan Islam yang tidak memansuhkan ayat yang berkenaan dengan perbudakan.

Syeikh ‘Ali Aḥmad al-Jarhawī di dalam kitabnya *Hikmah al-Tasyri’ Wa Falsafatuhu* mengatakan ada hikmah berupa kemaslahatan di sebalik ketetapan perbudakan yang masih terdapat di dalam Syariah Islam. Kemaslahatan tersebut akan didapati oleh kedua-dua pihak baik kaum Muslimin sebagai tuan mahupun hamba sahaya. Kemaslahatan yang didapati oleh hamba sahaya antaranya¹⁶⁰:

1. Perbudakan hanya akan ada apabila terjadinya peperangan sahaja. Hal ini agar mengelak daripada sebab lain yang dilakukan manusia untuk mendapatkan hamba dengan cara peperangan dan tanpa peperangan sebagaimana yang dilakukan oleh umat-umat sebelum kedatangan Islam.

¹⁵⁸Hamka (1983), *op.cit*, j. III-IV, h. 231.

¹⁵⁹ Muḥammad Mutawalli al-Sha‘rāwi (t.t), *Tafsīr al-Sha‘rāwi*, j.4, Akhbar al-Yaūm, h. 2015.

¹⁶⁰ ‘Ali Aḥmad al-Jarhawī (1997), *Hikmah al-Tashri’ Wa Falsafatuhu*, Beirut: Dār al Fikr h. 255-256.

2. Apabila berlaku perperangan di antara kaum Muslimin dan kafir maka kaum Muslimin hendaklah memastikan perlakuan yang baik terhadap para hamba. Islam menganjurkan ketika ini untuk menjadikan hamba sahaya menjadi keluarga dan saudara bagi tuannya. Selain itu, dalam masa yang sama menganjurkan kaum Muslimin agar dapat memerdekakan hamba-hamba sahaya mereka disebabkan ketentuan-ketentuan yang telah ditetapkan oleh Islam. Inilah kemaslahatan yang akan didapati oleh budak atau hamba sahaya sendiri.

Kemaslahatan yang didapati oleh kaum Muslimin sebagai tuan adalah:

1. Adanya perbudakan akan dapat membantu kaum Muslimin di dalam mengerjakan keperluan-keperluan hidup mereka seperti bercucuk tanam, menjaga ladang dan sawah, menjaga dan mendidik anak-anak serta lain-lain lagi yang mungkin sukar dilakukan pada saat perperangan.
2. Adanya hamba-hamba sahaya akan dapat menambahkan jumlah pasukan kaum Muslimin di dalam perperangan. Hal ini akan dapat membuatkan rasa takut di dalam hati orang-orang kafir dalam memerangi Islam.

Sayid Quṭub di dalam kitabnya *Fi Zilāl al-Qur'ān* menyatakan apabila suatu masa terjadi tawanan perang boleh dijadikan budak oleh undang-undang dunia dan Islam telah menidakkannya maka akan rugilah kaum Muslimin. Hal ini disebabkan tawanan perang kaum Muslimin akan menjadi hamba sahaya di tangan orang-orang kafir dan tawanan perang orang-orang kafir akan memperoleh kemerdekaan di tangan kaum Muslimin. Oleh sebab itulah, maka akan terus bertambahlah jumlah tentera kafir

berbanding tentera kaum Muslimin yang menyebabkan kaum Muslimin akan senantiasa menjadi mangsa yang akan diperangi oleh tentera kafir¹⁶¹.

Islam tidak menasakhkan ayat mengenai perbudakan tersebut kerana hukum tersebut berfungsi sebagai hukum ketika darurat. Peperangan kerana agama diletakkan sepenuhnya di tangan *al-Imām* atau penguasa. Hal ini bila dianggap perlu dan didapati saat itu terdapatnya maslahat bagi kaum Muslimin. Undang-undang antarabangsa menetapkan asas perilaku yang sama terhadap tawanan, pembunuhan, tebusan bahkan perbudakan adalah hal yang boleh terjadi pada masa peperangan.

Hal-hal tersebut yang termasuk di dalam hukum *al-Siyāsah al-Shar'iyyah* dilakukan oleh musuh-musuh Islam terhadap tawanan perang Islam. Apabila suatu masa terjadinya peperangan kerana agama dan saat itu Islam melarang hal tersebut bagi umat Islam maka ia akan merugikan umat Islam. Oleh kerana itulah, ayat tersebut tetap merupakan hukum syarii jika hukum tersebut telah dinasakhkan bererti musuh-musuh Islam akan menjadikannya sebagai senjata ke atas umat Islam kerana umat Islam sudah tidak dapat menggunakannya lagi¹⁶².

Syeikh Muḥammad Mutawalli al-Sha‘rāwi di dalam bukunya *Tafsīr al-Sha‘rāwi* menjelaskan bahawasanya apabila terjadi peperangan kembali di antara kaum Mukminin dan kaum kafir maka akan adanya tawanan perang di antara kedua-duanya. Pada ketika itu kaum Mukminin hendaklah mengikuti undang-undang yang ditetapkan oleh antarabangsa. Apabila undang-undang menetapkan tidak dibolehkan memiliki

¹⁶¹ Sayyid Quṭub (1994), *op. cit.*, j. 2, h. 622.

¹⁶² Muṣṭafā al-Khin, et al (1989), *Al-Fiqh al-Manhāji*, c. 1, j. 6, Damaskus: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyah, h. 122.

hamba sahaya maka hendaklah engkau memegang teguh kepadanya. Namun apabila dibenarkan memiliki hamba maka hukum memiliki hamba pun berlaku¹⁶³.

4.3.3. Ijtihad Ummar.

Pendapat H. Munawir Sjadjali

Perbincangan semacam ini terjadi untuk pertama kali dalam sejarah Islam pada zaman pemerintahan Ummar bin al-Khaṭṭāb. Seperti yang bersama kita ketahui, antara dua tahun setelah Rasulullah wafat, Ummar di baiah sebagai khalifah menggantikan Abu Bakar. Selama menjabat Beliau telah banyak mengambil banyak kebijaksanaan (polisi) dalam bidang hukum (undang-undang) yang tidak sepenuhnya sesuai dengan bunyi ayat-ayat Quran. Kes yang paling terkenal adalah apabila Beliau menempuh kebijaksanaan dalam pembahagian rampasan perang yang tidak sesuai dengan petunjuk Quran, surah al-Anfāl (8):41.

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَيْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ حُمْسَهُ وَلِرَسُولِهِ وَالَّذِي أَنْزَلَنَا
وَالْمَسَكِينُ وَأَنْتُمْ أَسْبِيلٌ إِنْ كُنْتُمْ إِمَامَتُم بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلَنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا يَوْمَ
الْفُرْقَانِ يَوْمَ الْتَّقَىٰ الْجَمِيعُونَ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٤١﴾

Maksudnya: Dan ketahuilah, Bahawa apa sahaja Yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka Sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk RasulNya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir Yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa Yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada hamba Kami (Muhammad) pada "Hari Al-Furqaan", Iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar). dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Terjemahan surah al-Anfāl (8):41

¹⁶³ Muḥammad Mutawalli al-Sha'rāwī (t.t), *op.cit.*, j.16, h. 2015.

Kebijaksanaan (Polisi) itu ditentang oleh cukup banyak sahabat senior Rasulullah seperti Bilāl (Muazin Rasul), Abd al-Rahman bin A'wf dan Zubair bin Awwām, yang menuduh Ummar bahawa dengan kebijaksanaan itu, Beliau meninggalkan Kitab Allah. Menurut riwayat perdebatan yang memakan waktu beberapa hari itu pada satu tahap menjadi amat panas sampai Ummar, dengan dada sesak dan sedih berucap, Ya Allah, lindungilah aku dari Bilāl dan kawan-kawannya Suatu hal yang menarik perhatian ialah bahawa dalam mempertahankan kebijaksaan itu Amir al-Mu'minin, Ummar ibn al-Khaṭṭāb, mendapat dukungan dari Uthmān bin Affān dan Alī bin Abī Tālib, dua sahabat senior Rasulullah yang kemudian bergiliran menggantikan Ummar sebagai khalifah dan pemimpin kenegaraan.

Pendapat Para Ulama

Semenjak Ummar diangkat sebagai khalifah bagi menggantikan Abū Bakar, Beliau mengambil banyak polisi dalam hukum (undang-undang) syarii yang disedari tidak sesuai dengan ayat-ayat Quran yang *qat'i*. Kes yang paling terkenal adalah polisi beliau dalam pembahagian harta rampasan perang yang tidak sesuai dengan petunjuk al-Quran dalam surah al-Anfāl (8):41 mengenai pembahagian harta rampasan perang, iaitu:

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ خُمُسُهُ وَلِرَسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ إِنْ كُنْتُمْ إِمَامَتُم بِاللَّهِ وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَى عَبْدِنَا يَوْمَ الْفُرْقَانِ يَوْمَ التَّقَى الْجَمْعَانِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Dan ketahuilah, Bahawa apa sahaja Yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka Sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk RasulNya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibnu-s-sabil (orang musafir Yang keputusan), jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa Yang telah diturunkan oleh Kami (Allah) kepada

hamba Kami (Muhammad) pada "Hari Al-Furqaan", Iaitu hari bertemunya dua angkatan tentera (Islam dan kafir, di medan perang Badar). dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

Terjemahan surah al-Anfāl (8):41

Ayat tersebut jelas menyatakan bahawa cara pembahagian harta rampasan perang adalah satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, rasulNya, kerabat (Rasulullah), anak-anak yatim dan orang-orang miskin, serta ibnu sabil. Empat perlimanya pula adalah untuk para pejuang.

Ketika menakluki negara Iraq dan Syām, Khalifah Ummar tidak melaksanakan pembahagian harta rampasan perang dengan cara tersebut. Beliau berpendapat bahawa harta yang bergerak seperti emas dan lain-lain perlulah dilaksanakan pembahagiannya sebagaimana ketentuan hukum yang ditetapkan oleh Allah SWT dalam surah al-Anfāl (8):41.

Tetapi berkenaan dengan harta yang tidak bergerak seperti tanah-tanah pertanian, beliau tidak membahagi-bahagikannya. Tanah-tanah tersebut disita oleh negara kemudian dibiarkan sahaja di tangan pemilik asalnya. Seolah-olah tanah itu kepunyaan negara di tangan para pemilik lamanya (pemilik asalnya). Mereka nantinya akan dikenakan pajak (kharaj) setiap tahun.

Hasil pajak itu akan dibahagi-bahagikan kepada orang-orang Muslim seperti anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibnu sabil begitu juga diperuntukkan untuk membayar gaji para tentera yang ditempatkan di pos-pos pertahanan seperti pos-pos pertahanan di perbatasan Iraq, Syām dan seluruh negara di bawah pemerintahan¹⁶⁴.

¹⁶⁴ Dr. Ali Muḥammad Muḥammad al-Shalābī, (2004), *Ummar bin al-Khaṭṭāb*, c.1, Mesir: Dār al-Yakin. h. 337-338.

Polisi Amir al-Mukminin, Ummar bin al-Khaṭṭāb ini mendapat dukungan dari Uthmān bin Affān dan Alī bin Abī Tālib, dua sahabat Rasulullah yang kemudiannya bergilir menggantikan Ummar sebagai khalifah.

Namun kebijaksanaan (polisi) itu juga mendapat tentangan daripada sahabat Rasulullah yang lain seperti Bilal (Muazin Rasul) dan Zubār bin Awwām yang menuduh Ummar telah meninggalkan kitab Allah¹⁶⁵.

Sesungguhnya Ummar r.a pada mulanya ingin membahagikan tanah-tanah tersebut kepada para pejuang sebagaimana pembahagian yang telah ditetapkan oleh Quran surat al-Anfāl (8): 41 tersebut. Namun beliau mendapat nasihat daripada Sayidina Alī bin Aby Tālib dan Muādh bin Jabal agar mempertimbangkan kembali keputusannya¹⁶⁶.

Muādh bin Jabal mengingatkan Amir al-Mukminin Ummar r.a kepada perkara yang besar. Beliau meminta Ummar untuk merenungkan kembali setiap makna dan maksud yang terdapat pada ayat-ayat al-Quran yang beliau baca sehingga kepada ayat berkenaan pembahagian *al-Fai'* pada surah al-Hashr (59): 6-10¹⁶⁷.

وَمَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا أَوْجَحْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ وَلَكِنَّ اللَّهَ يُسْلِطُ رُسُلَهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْبَى فَلَلَّهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا ءاتَنَّكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَنَّكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾ لِلْفُقَرَاءِ الْمُهَاجِرِينَ

¹⁶⁵ Muḥammad ‘Ammarah (1998), *Al-Nas al-Islāmiy*, c.1. Beirut : Dār al Fikr al Mu’asir, h. 56.

¹⁶⁶ Dr. Ali Muḥammad Muḥammad al-Shalābi, (2004), *op.cit.*, h. 336.

¹⁶⁷ *Ibid.*, h. 337.

الَّذِينَ أَخْرَجُوا مِن دِيْرِهِمْ وَأَمْوَالِهِمْ يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا وَيَنْصُرُونَ اللَّهَ
 وَرَسُولَهُ رَبِّ أُولَئِكَ هُمُ الْصَّادِقُونَ ﴿٦﴾ وَالَّذِينَ تَبَوَّءُو الْأَدَارَ وَالْأَيْمَنَ مِنْ قَاتِلِهِمْ
 تُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا تَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِمَّا أَوْتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰ
 أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ إِيمَانُهُمْ خَاصَّةً وَمَنْ يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ
 وَالَّذِينَ جَاءُو مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَغْفِرْ لَنَا وَلَا خَوَانِنَا الَّذِينَ
 سَبَقُونَا بِإِيمَانٍ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلَّا لِلَّذِينَ أَمْنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: Dan apa jua yang Allah kurniakan kepada RasulNya dari peninggalan harta benda mereka (yang telah diusir itu, maka kamu tidak berhak mendapatnya), kerana kamu tidak memecut seekor kuda pun dan tidak menunggang seekor unta pun (untuk berperang mengalahkan mereka); tetapi Allah memberikan kekuasaan kepada Rasul-rasulNya mengalahkan sesiapa yang dikehendakiNya (dengan tidak payah berperang); dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu. apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka Terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. dan bertakwalah kamu kepada Allah; Sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya). (pemberian itu hendaklah diuntukkan) kepada orang-orang fakir yang berhijrah, yang telah diusir keluar dari kampung halamannya dan harta bendanya (kerana berpegang teguh kepada ajaran Islam), untuk mencari limpah kurnia dari Allah dan keredaanNya, serta menolong (ugama) Allah dan RasulNya; mereka itulah orang-orang yang benar (imannya dan amalnya). dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekaalah orang-orang Yang berjaya. dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! ampunkanlah dosa Kami dan dosa saudara-saudara Kami yang mendahului Kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati perasaan hasad dengki dan dendam terhadap orang-orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya Engkau amat melimpah belas kasihan dan RahmatMu".

Kemudian nampaklah bagi Umar dalam hal tersebut untuk melakukan pembahagian *al-Fai'* bagi kaum Muslimin pada masa sekarang dan yang akan datang. Kemudian Ummar bertekad melaksanakan pendapat Muādh bin Jabal tersebut¹⁶⁸.

Polisi Khalifah Umar ini ditentang oleh sahabat Rasulullah yang lain seperti Bilāl, ‘Abd al-Rahmān bin A’wf dan Zubair bin Awwām. Mereka berkata “Apakah engkau tidak akan memberikan harta rampasan perang yang telah Allah berikan kepada kami dengan pedang-pedang kami ini, hanya kerana kaum yang belum ada lagi yang tidak ikut berperang dan anak cucu mereka yang belum ada lagi”¹⁶⁹.

Mereka menyangka polisi yang dibuat oleh Ummar itu tidak berpandukan kepada kitab Allah. Menurut riwayat yang lain bahawa perbincangan mengenai hal tersebut telah memakan masa beberapa hari hingga ke satu tahap perbincangan menjadi hangat. Hal ini telah membuatkan Ummar meminta perlindungan kepada Allah SWT disebabkan hebatnya pertentangan pendapat daripada Bilal dan kawan-kawannya. Dengan dada yang sesak dan sedih beliau berdoa kepada Allah SWT, “Ya Allah, lindungilah aku dari Bilāl dan kawan-kawannya”¹⁷⁰.

Perkara ini mendapat perhatian yang luas di kalangan para ilmuwan sekular dan barat. Mereka menuduh Umar telah menolak ketentuan nas Quran dan Sunnah dengan alasan maslahat. Mereka mendakwa bahawa Ummar lah contoh tauladan bagi mereka kerana berani memberikan pendapat yang bertentangan dengan Quran¹⁷¹.

¹⁶⁸ *Ibid.*, h. 336-337.

¹⁶⁹ Muhammed ‘Ammarah (1998), *op.cit.*, h. 58.

¹⁷⁰ *Ibid.*, h. 58.

¹⁷¹ Dr. Yusuf al-Qarḍāwi (2005), *Al-Siyāsah Al-Shar’iyah*, c.2, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 191.

Dr. Yusūf al-Qardāwi dalam bukunya *Al-Siyāsah al-Shar'iyyah* berpendapat bahawa di sebalik pendapat sekuler dan barat ini ada maksud yang sangat berbahaya di mana boleh membatalkan nas *qat'i* Quran dengan adanya maslahat dunia. Apabila nas *qat'i* bertentangan dengan maslahat maka didahulukan maslahat dan dibekukanlah (tidak diberlakukan) nas.

Ada dua hujah mereka di dalam memperkatakan Ummar telah menolak ketentuan nas Quran dan Sunnah dengan alasan maslahat pada perkara pembahagian harta rampasan perang tersebut¹⁷²:

1. Firman Allah SWT di dalam surah Al-Anfāl (8): 41

وَاعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُم مِّن شَيْءٍ فَأَنَّ لِلَّهِ خُصُوصَةً وَلِرَسُولِهِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ ...

Maksudnya: “Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk rasulNya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibnu sabil (orang musafir yang keputusan).

Terjemahan surah al-Anfāl (8): 41

Ayat ini mewajibkan agar harta rampasan perang dibahagikan kepada para pejuang sama ada harta itu harta yang bergerak atau tidak bergerak. Namun Umar meninggalkan ayat ini dengan sengaja dan tidak melakukan hukum yang terdapat padanya dengan tidak membahagikan tanah-tanah hasil daripada rampasan perang.

2. Sunnah Nabawi

Pada peperangan Khaybar, nabi telah membahagikan harta rampasan perang kepada para pejuang yang ikut serta di dalam peperangan.

¹⁷² *Ibid*, h. 191-192.

Dalam hal ini penulis telah mengkaji dan menelaah beberapa buku rujukan adakah betul Umar telah menasakhkan al-Quran atas dasar alasan maslahat atau tidak.

Ada beberapa alasan hukum Ummar tidak mengambil ayat *al-Ghanimah* surah al-Anfāl (8): 41 di dalam pembahagian harta yang tidak bergerak dan harta rampasan perang pada penaklukan negeri Iraq dan Syām.

Nas hukum yang menjadi permasalahan dalam Ijtihad Umar adalah yang berkaitan dengan hukum furuk *al-Mutaghayirah al-Dunyāwiyah* atau dalam permasalahan furuk dari permasalahan duniawi yang berubah-ubah yang ‘ilah hukumnya adalah permasalahan maslahat *al-'Ibād* yang terdapat pada manusia sendiri.

Harta rampasan yang didapati daripada perang Khaybar adalah merupakan tanah-tanah pertanian yang kecil berbanding tanah-tanah pertanian lembah yang amat besar yang terdapat di Iraq dan Syām. Jadi dalam permasalahan itu diterapkan cara yang sama dengan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah maka boleh jadi hilanglah kemaslahatan yang amat besar bagi kaum Muslimin yang lain, sedangkan tujuan utama daripada *Tashri‘* adalah *Mur‘āt al-Maṣāliḥ wadar al-Mafāsid* yakni memelihara kemaslahatan dan menolak kerosakan. Oleh kerana itu, nas yang menjadi Ijtihad Umar bukanlah nas yang berkaitan dengan *al-Thawābit al-Diniyah* atau ketetapan-ketetapan agama yang berupa akidah dan syariah seperti permasalahan ghaib, hukum-hukum serta syiar ibadah *Ta'abbudiyah*.¹⁷³

Dr. Yusūf Qardāwi di dalam bukunya *Al-Siyāsah al-Shar'iyyah* menjelaskan bahawasanya apa yang dilakukan oleh nabi pada peperangan Khaybar bukanlah

¹⁷³ Muḥammad ‘Ammarah (1998), *op.cit.*, h. 58.

merupakan perkara yang wajib disebabkan tidak adanya dalil yang lain yang menguatkannya. Perbuatan beliau tersebut hanyalah menunjukkan kedudukan beliau sebagai seorang pemimpin dan bukan seorang penyampai syariah daripada Allah Taala dengan memandang hal tersebut merupakan adanya maslahat yang sesuai pada masanya. Oleh kerana itu pembahagian tanah-tanah yang didapati pada masa perang kepada bala tentera adalah perkara sunnah dan begitu juga jika tidak dibahagikannya kepada bala tentera maka hukumnya sunah¹⁷⁴.

Sebenarnya permasalahan Ijtihad Ummar ini adalah pada permasalahan syarat dalam mengamalkan hukum yang terdapat dalam nas. Khalifah Umar berpendapat bahawa ‘illah hukumnya adalah permasalahan maslahat yang dalam hal ini berbeza dengan permasalahan yang terdapat pada pembahagian harta rampasan perang ketika perang Khaybar¹⁷⁵.

- 1- Ayat *Al-Ghanimah* pada surah al-Anfāl (8): 41 adalah *qat‘i al-Thubūt* (Ketetapan yang putus) sebagaimana halnya dengan keadaan ayat- ayat al-Quran yang lain dalam hal ketetapannya melalui khabar mutawatir yang diyakini kebenarannya dan tidak mungkin diragui sama-sekali. Namun ayat tersebut bukanlah *qat‘i al-Dilālah* (tunjukkan hukum yang putus) dalam erti mencakupi harta rampasan perang yang tidak bergerak seperti tanah, gunung dan sungai- sungai.

Dr. Yusūf Qardāwi di dalam bukunya *Al-Siyāsah al-Shar‘iyah* menyatakan: Bagi seorang yang betul-betul mempunyai kefahaman akan maksud Quran akan dapat melihat pada hakikatnya harta yang dirampas pada peperangan adalah harta yang

¹⁷⁴ Dr. Yusūf Al- Qardāwi (2005), *op.cit.*, h. 192-193.

¹⁷⁵ *Ibid.*, h. 46.

diambil dan dikuasai dengan perbuatan seperti senjata, pakaian, wang, barang- barang dan lain- lain. Hal ini berbeza dengan tanah-tanah yang luas, gunung-gunung yang tinggi dan sungai -sungai yang besar. Seolah-olah Umar berkata kepada para sahabat sesungguhnya kamu tidaklah merampas tanah-tanah ini dalam erti yang sebenarnya. Oleh kerana itu, ianya bukanlah merupakan dalil bagimu dengan menyamakannya dengan harta rampasan yang disebutkan oleh ayat ghanimah kerana apa yang dimaksudkan padanya adalah harta yang boleh dibawa berpindah-pindah¹⁷⁶.

2- Ayat ghanimah pada surah al-Anfāl adalah ayat yang mengandungi makna umum yang mana harta yang disebutkan padanya adalah harta yang mencakupi seluruh jenis harta rampasan ketika perang baik harta yang berpindah maupun sebaliknya.

Ayat ghanimah yang mengandungi makna umum tersebut diterangkan dengan ayat yang terdapat pada surah al-Hashr ayat 10 yang mengandungi makna khusus yang mana dimaksudkan padanya adalah harta yang tidak dapat berpindah kerana harta inilah yang padanya ada hak kaum Muslimin yang datang di kemudian hari. Itu bererti harta yang dimaksudkan pada ayat ghanimah dalam surah al-Anfāl di mana untuk dibahagikan kepada tentera perang adalah harta yang dapat berpindah sahaja bukanlah termasuk harta yang tidak dapat berpindah. Inilah pendapat Sayidina Umar dan juga Jumhur Fuqaha¹⁷⁷.

Itu bererti maslahat yang terdapat pada Ijtihad Ummar bukanlah maslahat yang bertentangan dengan nas Quran bahkan ianya dikuatkan dengan dalil nas Quran sendiri.

¹⁷⁶ *Ibid.*, h. 192-193

¹⁷⁷ Dr. Muḥammad Sa‘id Ramaḍān al-Būṭī (2005), *Dawābiṭ al-Maṣlaḥah*, c. 4. Damascus: Dār al-Fikr. h.173 - 174.

Keputusan yang diambil oleh Sayidina Ummar ini juga merupakan pendapat yang diambil oleh Jumhur Ulama yang terdiri daripada al-Mālikiyah, Ḥanafiah dan Ḥanabilah

¹⁷⁸

- 3- Takwil (Pentafsiran) Sayidina Ummar bukanlah terletak pada lafaz ayat Quran namun terletak pada makna yang terkandung di dalamnya yang merupakan maksud Syarii.

Dr. Fathī al-Durayni di dalam bukunya *al-Manāhij al-'Uṣūliyah* menyatakan bahawa Takwil (Pentafsiran) Sayidina Ummar bukanlah terletak pada bahasa namun pada maksud Syarak (*Al-Maṣlahah al-'Ammāh*) yang sokong oleh dalil¹⁷⁹.

- 4- Ijtihad Ummar adalah berdasarkan satu kaedah daripada kaedah Takwil yakni mendahulukan *Al-Maṣlahah al-'Ammāh* yang sebenar.

Dr. Fathī al-Durayni di dalam bukunya *al-Manāhij al-'Uṣūliyah* menjelaskan lagi bahawa Ijtihad Ummar adalah berdasarkan *Al-Maṣlahah al-'Āmmah* yang didahulukan daripada maslahat *al-Khāṣṣah* bagi para tentera Muslimin. Kemaslahatan para tentera juga tidaklah dinafikan samasekali dengan memberikan mereka harta rampasan perang yang bergerak. Hal ini bererti kemaslahatan tentera juga diperhatikan. Ijtihad Ummar ini adalah merupakan pelaksanaan akan atasas *Rūḥ Tashri' al-'Āmmah*¹⁸⁰.

- 5- Sayyidina Umar adalah seorang pemimpin tertinggi negara yang memahami nas dan kemaslahatan umat pada masa itu.

¹⁷⁸ *Ibid.*, h. 172.

¹⁷⁹ Dr. Fathī al-Durayni (2008), *al-Manāhij al-'Uṣūliyah*, c. 3. Beirut: Mu'assasah al-Risālah. h.144.

¹⁸⁰ *Ibid.*, h. 145.

Dr. Fathī al-Durayni di dalam bukunya *al-Manāhij al-'Uṣūliyah* menjelaskan bahawa apa yang dilakukan Sayidina Umar adalah kefahaman beliau akan perbezaan keadaan negara pada masa Rasulullah dengan keadaan negara pada masa beliau. Ijtihad beliau ini juga disokong oleh dalil yang kuat¹⁸¹.

Berdasarkan hujah dan dalil para Ulama di atas dapatlah disimpulkan bahawa Ijtihad Umar bukanlah Ijtihad yang menyalahi ataupun membatalkan nas. Dr. Yusūf al-Qardāwi di dalam bukunya *Khuṭab al-Shaykh al-Qardāwi* menegaskan tidaklah mungkin Sayidina Umar membatalkan ataupun menasakhkan apapun nas daripada kitab Allah¹⁸². Hal ini tidak pernah terjadi pada diri Umar¹⁸³. Umar tidak pernah menghapuskan apapun nas yang terdapat pada kitab Allah ataupun menukarnya.

4.4. Pendapat H. Munawir Sjadjali Dan Percanggahannya Dengan Kaedah Usul Fikah Serta Ijmak Ulama

Berdasarkan realiti adat masyarakat di Indonesia yang didapati oleh H. Munawir Sjadjali dalam pembahagian harta pusaka dan didukung dengan hujah-hujah beliau yang telah disebutkan di atas maka beliau berpendapat bahawa ayat 11 surah al-Nisā' tersebut perlu dimodifikasi (disesuaikan) dengan cara membahagikan sama rata pembahagian antara anak lelaki dengan anak perempuan.

Setelah penulis membuat kajian maka akhirnya penulis menemukan adanya kesilapan dan kesalahan dasar pemikiran H. Munawir Sjadjali dalam membuat

¹⁸¹ *Ibid.*, h. 144.

¹⁸² Dr. Yūsuf al- Qarḍāwī (2000), *Khuṭab al-Shaykh al-Qardāwī*, c.1. Kaherah: Maktabah Wahbah, h 122.

¹⁸³ Dr, Muhammad 'Ammarah (1998), *op.cit.*, h. 49.

pembinaan hukum Islam yang telah membuat kesimpulan pendapat bahawa pembahagian harta warisan di antara anak lelaki dan perempuan adalah sama.

Kesalahan dasar pemikiran beliau yang telah ditemui penulis terdapat dalam dua hal dan keadaan inilah yang membezakan dengan ketara di antara pendapat beliau dengan ijтиhad yang dilakukan Umar:

1. Menyalahi kaedah Usul Fikah
2. Menyalahi ijmak Ulama

4.4.1. Menyalahi Kaedah Usul Fikah

Dalam menganalogikan suatu permasalahan kepada permasalahan yang lain yang telah sedia ada, dasar hukumnya atau yang disebut dengan *qiyās* terdapat 4 (empat) rukun di dalam kaedah usul fikah iaitu: (a) Asal, (b) *Far'*, (c) '*illah*' dan (d) hukum.

Kalau dilihat dalam kajian kias maka dapat disimpulkan bahawa perspektif perbandingan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan dengan Ijtihad Umar dalam hal ini tidak membahagikan harta rampasan perang kepada tentera mengikut kaedah kias menurut H. Munawir Sjadjali sebagai berikut;

-*Asal* : Ijtihad Umar

Pembahagian harta rampasan perang dengan cara tidak membahagikan harta yang tidak bergerak seperti tanah dan ladang kepada para tentera.

- *Far‘*: Pendapat H. Munawir Sjadjzali

Pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan dengan cara menyamaratakan pembahagian harta pusaka di antara lelaki dan perempuan.

- *Illah*: Maslahat

- *Hukum*: Mubah

Inilah kerangka susunan pertimbangan hukum H. Munawir Sjadjzali dalam hal menganalogikan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan dengan Ijtihad Umar di mana tidak membahagikan harta rampasan perang yang tidak bergerak kepada para tentera.

Dilihat daripada ilmu Usul Fiqah sebagai ilmu pembinaan hukum Islam maka penulis dapati adanya beberapa kesalahan dalam kerangka susunan rukun kias tersebut:

1- *Far‘*

H. Munawir Sjadjzali membuat perbandingan penyamaan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan dengan adanya contoh Ijtihad Umar dalam hal tidak membahagikan harta ramapasan perang yang tidak bergerak kepada tentera disebabkan maslahat. Dalam peraturan ilmu usul fiqah bahawa salah satu syarat sahnya *far‘* dalam rukun kias adalah tidak adanya nas yang telah menetapkan hukum pada *far‘*.

Dr. Abd al-Karīm Zaydān di dalam bukunya *Al-Wajīz fi ’Uṣūl al-Fiqh* menyatakan bahawa syarat pada *far‘* adalah tidak terdapatnya nas yang telah

menetapkan hukumnya. Hal ini disebabkan berlakunya kias pada masalah *far'* apabila belum adanya nas yang telah menetapkan hukum padanya. Para ahli usul fikah menyatakan tidak ada ijtihad pada masalah yang terdapat nas padanya¹⁸⁴.

Dalam hal ini, masalah yang dikemukakan oleh H. Munawir Sjadjzali mengenai pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan telah terdapat nas yang menetapkan hukumnya iaitu pada ayat al-Quran surah al-Nisā' ayat 11 dan merupakan ijmak ulama. Pada ayat 11 surah al-Nisā' telah menetapkan bahawa bahagian anak lelaki adalah dua kali bahagian anak perempuan.

Salah satu syarat bagi *Far'* adalah tidak adanya nas yang telah menetapkan hukum bagi *Far'*. Tidaklah disebut qiyas apabila satu sama lainnya tidak ada yang lebih baik daripada lainnya. Syarat ini merupakan syarat bagi sahnya *far'* dan tidak ada perbezaan pendapat di kalangan Ulama Usul Fikah atau dengan kata lain seluruh Ulama Usul Fikah sepakat akan syarat ini¹⁸⁵.

Merupakan syarat *far'* adalah tidak adanya di dapati nas mahupun ijmak yang telah menetapkan hukum yang menyalahi kias. Apabila hal tersebut berlaku ini bererti kias tersebut adalah bercanggah dengan nas mahupun ijmak. Jenis kias seperti ini adalah terbatal¹⁸⁶.

Oleh kerana itulah, penulis mendapati bahawa masalah *far'* H. Munawir Sjadjzali yang berpendapat menyamaratakan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan

¹⁸⁴ Dr. Abd al-Karīm al-Zaydān (2006), *Al-Wajīz fi 'Uṣūl al-Fiqh*, c. 15. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 199.

¹⁸⁵ Al- Imām Al- 'Allamah Ali Bin Muhammad Al- Āmidi (2003), *Al- Aḥkam Fi Uṣūl Al- Aḥkam*, c. 1. J.3. Al- Mamlakah Al- 'Arabiyyah Al- Saudiyyah: Dar Al- Sami'i, h. 314.

¹⁸⁶ Muhammad Nur bin Idris bin Ali (1993), *Muḥādarah Fi 'Uṣūl al-Fiqh*, c.1. Kelantan: al-Matbaah al- Nuriah, h. 186.

anak perempuan adalah salah disebabkan adanya nas dan ijmak ulama yang menetapkan bahawa bahagian anak lelaki adalah dua kali bahagian anak perempuan. Walaupun terdapat masalah pada asal iaitu Ijtihad Umar yang menetapkan bahawa harta rampasan perang yang tidak bergerak tidak dibahagikan kepada tentera disebabkan adanya nas Quran surah al-Hashr yang mendukungnya.

2- ‘Illah: Maslahat.

H. Munawir Sjadjali menyatakan bahawa menyamaratakan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan sebagaimana Ijtihad Umar yang tidak membahagikan harta rampasan perang yang tidak bergerak kepada tentera adalah disebabkan didapati adanya ‘illah yang sama yakni maslahat yang terdapat dalam hal ini adalah bersangkutan dengan keadilan.

Menurut ketentuan ilmu usul Fiqah bahawa salah satu syarat ‘illah adalah belum terdapat baginya ketentuan syarak yang membantalkan hukum yang telah ditetapkan oleh sebab ‘illah tersebut.

Dr. Abd al-Karim al-Zaydan dalam bukunya *Al-Wajiz fi ’Usul al-Fiqh* menjelaskan bahawa salah satu syarat ‘illah adalah belum adanya ketentuan syarak yang membantalkan hukum yang ditetapkan oleh ‘illah atau yang disebut dengan *al-Wasf al-Mulgha*. Kemungkinan seorang mujtahid pada mulanya menyangka bahawa sesuatu sebab tertentu adalah sebab yang sesuai untuk dapat membina sebuah hukum akan tetapi pada kenyataannya bercanggah dengan nas serta menyalahi ketentuan syarak. Dalam hal seperti ini ‘illah tersebut bukanlah merupakan sebab yang diambil kira di dalam

pembinaan hukum Islam kerana sesuatu yang menyalahi ketentuan syarak adalah batal¹⁸⁷.

Oleh kerana penulis membuat kesimpulan bahawa ‘illah hukum H. Munawir Sjadzali berupa maslahat sehingga berpendapat pembahagian sama rata akan harta pusaka di antara anak lelaki dan perempuan adalah merupakan *al-Wasf al-Mulgha*. Hal ini disebabkan telah adanya nas pada surah al-Nisā’ ayat 11 yang telah menetapkan bahawa pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki adalah dua kali bahagian anak perempuan. Adapun ‘illah hukum Ijtihad Umar berupa maslahat dengan tidak membahagikan harta rampasan perang yang tidak bergerak kepada tentera adalah *al-Wasf ghair al-Mulgha* erti syarak tidak membatalkan hukumnya.

Kalau dilihat lagi daripada pembahagian *al-Wasf al-Munāsib* (sebab yang sesuai) yang dipandang oleh syarak ataupun tidaknya yang terbahagi kepada empat yakni *al-Munāsib al-Mu‘aṣir*, *al-Munāsib al-Mulā‘im*, *al-Munāsib al-Mursal* dan *al-Munāsib al-Mulgha*¹⁸⁸.

Penulis akhirnya membuat kesimpulan bahawa ‘illah hukum H. Munawir Sjadzali adalah berupa maslahat sehingga berpendapat pembahagian harta pusaka mestilah sama rata di antara anak lelaki dan anak perempuan adalah termasuk *al-Munāsib al-Mulgha*¹⁸⁹. *Al-Munāsib al-Mulgha* erti suatu sebab yang nyata bagi seorang mujtahid untuk menciptakan maslahat akan tetapi telah ada ketentuan syarak yang menafikannya dan tidak memandangnya. Ulama bersepakat menyatakan bahawa

¹⁸⁷ Dr. Abd al-Karīm al-Zaydān (2006), *op.cit.*, h. 207.

¹⁸⁸ Abd al-Wahhāb Khallaf (t.t), ‘Ilm Uṣūl al-Fiqh, Lubnan: h. 54.

¹⁸⁹ Dr. Wahbah al-Zuḥayli (1986), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmi*, c.1. Damaskus: Dār al-Fikr, h. 680.

‘illah hukum seperti ini adalah tidak sah¹⁹⁰. Ini bererti bahawa pembahagian harta pusaka yang sama bagi anak lelaki dan anak perempuan adalah suatu ilat maslahat yang sesuai akan tetapi telah ada ketentuan syarak yang menafikannya. Adapun ‘illah Ijtihad Umar berupa maslahat dengan tidak membahagikan harta perang yang tidak bergerak kepada tentera adalah *al-Munāsib al-Mursal* ertinya ‘illah maslahat yang sesuai bagi pembinaan hukum yang tidak ada syarak yang membantalkannya¹⁹¹.

Kalau dilihat pada kajian maslahat dalam ilmu usul fikah maka maslahat yang dipandang oleh H. Munawir Sjadjzali dalam hal penyamarataan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan adalah termasuk dalam maslahat *al-Mulgha*¹⁹². *Al-Maṣlaḥah al-Mulgha* ialah Maslahat yang telah ada syarak menunjukkan pembatalannya yang mana pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan anak perempuan telah ditentukan syarak dalam surah al-Nisā’ ayat 11 dengan menyatakan pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki adalah dua kali bahagian anak perempuan.

Hal seperti ini menunjukkan bahawasanya tidaklah semua yang mempunyai unsur maslahat(menurut akal) dapat dijadikan asas ataupun ‘illah di dalam pembinaan hukum Islam sebagaimana halnya dengan *Maṣlaḥah al-Mulgha*.

Adapun maslahat yang dipandang oleh Ijtihad Umar dengan tidak dibahagikannya harta perang yang tidak bergerak kepada para tentera adalah *Maṣlaḥah al-Mursalah* yakni Maslahat mutlak yang daripada ketentuan syarak tidak ada

¹⁹⁰ Dr. Wahbah al-Zuhayli (1995), *Al-Wajīz Fi Uṣūl al-Fiqh*, c. 2. Damaskus: Dār al-Fikr. h. 81.

¹⁹¹ *Ibid.*, h. 80.

¹⁹² Badrān Abū al-‘Ainaini Badran, (1969), *’Usūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al- Ma’ārif. h. 312.

memandangnya mahupun membatalkannya. Sebahagian ulama menyatakan bahawa *Maṣlaḥah al-Mursalah* ini juga disebut dengan *al-Waṣf al-Munāsib*¹⁹³.

4.4.2. Menyalahi ijmak Ulama

Pendapat H. Munawir Sjadjzali berkenaan penyamarataan kaedah pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan adalah menyalahi ijmak ulama. Dengan ketentuan anak lelaki mendapat bahagian dua kali bahagian anak perempuan, ini adalah merupakan pendapat ijmak ulama¹⁹⁴. Tidak ada mazhab fikah mana pun yang berbeza pendapat dengan pendapat ijmak ulama tersebut baik mazhab Shāfi‘ī, Ḥanafī, Mālikī, Ḥanbalī, Zāhiriyyah mahupun al-Imāmiyyah, dengan tegas menyatakan bahawa bahagian anak lelaki adalah dua bahagian dan bahagian anak perempuan adalah satu bahagian¹⁹⁵.

Dalam kajian ini, penulis ingin mencari jawapan sejauh mana kekuatan hukum ijmak untuk diamalkan dan adakah ia boleh dinasakhkan ataupun dibatalkan. Kalau dilihat daripada Ilmu usul Fiqah akan pembahagian ijmak dan kekuatan hukumnya maka nas Al-Quran al-Karim yakni surah al-Nisā' ayat 11 berkenaan pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dua kali bahagian anak perempuan adalah termasuk ijmak sarih. Ijmak sarih adalah seluruh mujtahid menyampaikan pendapatnya dengan berterus-terang dan kemudian didapati mereka semuanya sepakat dalam satu pendapat¹⁹⁶. Dan

¹⁹³ *Ibid.*, h. 312-313.

¹⁹⁴ Dr. Amir Abd Al-‘Aziz (1999), *Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah*, j.2, c.1, Mesir: Dār al-Salām, h. 979.

¹⁹⁵ Al-Majlis al-A‘la Li al-Shu‘ūn al-Islamiyyah (1990), *Mawsu‘ah al-Fiqh al-Islami*, j. 4, Kaherah: Dār al-Kitab al- Lubnani, h. 307- 319 dan Dr. Wahbah al- Zuhayli (2004), *Al-Fiqh al-Islāmi wa ’Adillatuh*, j.10, c.4, Damaskus: Dār al-Fikr, h. 7797.

¹⁹⁶ Dr. Abd al-Karīm al-Zaydān, (2006), *op.cit.*, h. 183-184.

ijmak sarih adalah merupakan Hujah *Qat'i*yah ataupun merupakan suatu hujah yang putus di mana tidak boleh menyalahinya dan bercanggah dengannya¹⁹⁷.

Jika dilihat dari segi naskh (pembatalan) hukum pula maka sesungguhnya ijmak tidak dapat dinasakhkan kecuali dengan ijmak yang seumpamanya. ijmak adalah merupakan dalil *qat'i* yang tidak boleh dinasakhkan kecuali dengan dalil *qat'i* seperti Nas Mutawatir ataupun adanya ijmak yang kedua jika didapati terdapat ilat hukum yang berupa maslahat pada masa yang ada dan kemudian para ahli mujtahid bersepakat untuk mengubah hukumnya memandangkan adanya maslahat yang berubah pada ketika itu¹⁹⁸.

Berdasarkan keterangan ini, dapatlah kita simpulkan bahawa ijmak tidak dapat disanggah apatah lagi dibatalkan oleh pendapat (*ra'y*) mahupun akal fikiran semata-mata dengan alasan mencari keadilan yang berupa maslahat ataupun dengan adanya adat yang berlaku di mana-mana negara seperti adat pembahagian menyamaratakan harta pusaka di Indonesia yang ingin dilakukan oleh H. Munawir Sjadzali. Oleh kerana itu, apabila suatu hukum telah ditetapkan dengan nas *qat'i* ataupun dengan ijmak maka tidaklah dapat dinasakhkan dengan *al-Qiyās*, *Ra'y* ataupun Ijtihad. Ini disebabkan kerana *al-Nāsikh* mestilah berada pada kedudukan yang sama ataupun lebih daripada *al-Mansūkh*. Adapun adat mahupun '*Urf*' yang boleh menjadi sumber hukum adalah '*Urf*' yang *Sahīh* yang tidak menyalahi dalil daripada dalil-dalil *Sharī'* serta tidak menyalahi mana-mana kaedah daripada ketentuan syarak dan hukum-hukum yang telah *Thābit* (tetap).

¹⁹⁷ *Ibid.*, h. 183.

¹⁹⁸ Muḥammad al-Khuḍri (2001), 'Uṣūl al-Fiqh, Kaherah: Dār al-Hadith, h. 259-260.

'Urf yang *Fāsid* tidaklah dipandang sebagai hukum seperti bermuamalah dengan riba atau keluarnya perempuan dengan terbuka dan tidak menutup aurat yang sudah merupakan kebiasaan bagi manusia kini¹⁹⁹.

¹⁹⁹ Badran Abū al-'Ainaini Badran (1969), *op.cit.*, h.h. 482 - 484 dan 329 - 333.

BAB V

PENUTUP

Bab ini adalah merupakan bab akhir kajian. Oleh itu, pada bab ini akan dihuraikan secara ringkas dan jelas mengenai hasil daripada kajian ini. Bagi melengkapkan disertasi ini, pembahasannya telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kesimpulan dan cadangan.

5.1.Kesimpulan

H. Munawir Sjadjzali adalah seorang tokoh yang terkenal di kalangan para ulama dan cendekiawan sebagai seorang intelektual, pemikir Islam, pembaharu Islam, diplomat, negarawan dan juga ilmuwan.

Beliau berjaya menyelesaikan pengajiannya dan mendapat Ijazah di *Manbā' al-'Ulūm*. Kehidupan beliau berubah sedikit demi sedikit setelah memasuki pusat pengajian tinggi yang menjadikannya lebih tekun dan berhasrat untuk belajar sehingga ke peringkat yang tertinggi. H. Munawir Sjadjzali telah berjaya meraih M.A, Universitas Georgetown, AS (Amerika Syarikat) (1959). Akhirnya pada tahun 1994, beliau dikurniakan gelaran Doktor Honoris Causa dalam bidang Ilmu Agama Islam oleh IAIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.

H. Munawir Sjadjzali M.A, adalah seorang tokoh intelektual, agamawan, diplomat juga negarawan yang memegang pelbagai jawatan sama ada di dalam mahupun di luar negara. Beliau pernah menjadi Menteri Agama Republik Indonesia pada zaman pemerintahan Presiden Soeharto selama dua penggal Kabinet Pembangunan

IV (1983-1988) hingga Kabinet Pembangunan V (1988-1993). Ketika beliau memegang jawatan sebagai Menteri Agama, beliau berjaya mewujudkan kerukunan hidup beragama di kalangan masyarakat yang menjadi sasaran utama Pemerintah Indonesia.

H. Munawir Sjadzali juga dikenali sebagai tokoh yang mempunyai pemikiran dan gagasan yang cemerlang serta berani. Beliau mempunyai pengetahuan dan wawasan keagamaan yang luas serta juga mempunyai kepakaran dalam bidang diplomatik. Kedua-dua kelebihan tersebut telah menjadikannya sebagai individu yang berjaya memimpin Kementerian Agama.

Selama menjadi Menteri Agama banyak gagasan telah dibentuk dan tindakan berani yang diambil oleh H. Munawir Sjadzali sendiri. Beberapa ketetapan hukum hasil daripada kebijaksanaan dan usaha gigih beliau masih diguna pakai sehingga kini seperti Asas Tunggal Pancasila dan penerapan Kompilasi Hukum Islam di Pengadilan Agama(Mahkamah Syariah).

Oleh kerana itu, tidak hairanlah jika salah seorang pemerhati perkembangan hukum Islam di Indonesia iaitu Michael Feener menyifatkan H. Munawir Sjadzali sebagai tokoh pembangunan bagi ilmu hukum Islam moden pada abad ke-20 di Indonesia. Beliau dikenali sebagai seorang tokoh yang berjaya mewujudkan keharmonian antara hubungan Islam dan negara.

Terdapat tiga kejayaan beliau yang paling menonjol adalah:

1.Pegemaskinan IAIN (Institut Agama Islam Negeri)

H. Munawir Sjadjzali melaksanakan dua langkah pengemaskinian iaitu pertama dari segi pengemaskinian dasar hukum IAIN dan kedua dari segi peningkatan sumber daya manusia. Dari segi pengemaskinian dasar hukum IAIN, dengan wujudnya Undang-Undang Nombor 2 Tahun 1989 tersebut maka :

- (a) Diperakui bahawa pendidikan agama merupakan subsistem daripada sistem pendidikan nasional.
- (b) Subjek Pendidikan Agama merupakan mata pelajaran yang wajib di sekolah-sekolah umum seperti SD (Sekolah Dasar), SMTP (Sekolah Menengah Tingkat Pertama), SMTA (Sekolah Menengah Tingkat Atas), dan pengajian tinggi
- (c) Dijamin eksistensi lembaga-lembaga pendidikan keagamaan seperti Madrasah '*Ibtida'iyyah, Thānawiyyah, 'Āliyah* dan Institut-institut Agama Islam.

Dalam usaha meningkatkan sumber daya manusia, H. Munawir Sjadjzali mengambil dua langkah di mana yang pertama ialah meningkatkan kualiti penguasaan ilmu agama bagi pelajar-pelajar IAIN dan kedua menghantar lulusan IAIN ke pengajian tinggi barat .

2.Pengemaskinian Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah)

Dalam mengemaskini Pengadilan Agama, H. Munawir Sjadjzali melaksanakan dua langkah :

Pertama : Undang-undang Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah), dengan melaksanakan Undang- Undang Nombor 7 tahun 1989, maka hilanglah kecacatan

yang ada pada Pengadilan Agama. Undang- Undang tersebut antara lain menyatakan bahawa:

- a. Hakim-hakim Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) yang menjalankan tugas sebagai hakim negara dilantik atau dilucutkan jawatannya oleh Presiden bukan oleh Menteri Agama sama seperti hakim-hakim dari lingkungan pengadilan yang lain.
- b. Selain itu, kedudukan, hak dan fasiliti adalah sama dan setara bagi semua hakim. Hakim daripada Pengadilan Agama juga layak untuk menduduki jabatan Ketua Mahkamah Agung.

Kedua : Projek Kompilasi Hukum Islam. Pada bulan Mac 1985 ditandatanganilah SKB Ketua Mahkamah Agung dan Menteri Agama berkaitan Pembentukan Projek Kompilasi Hukum Islam. Buku-buku hasil daripada projek tersebut akan menjadi pegangan kepada para hakim agama di seluruh tanah air. Hasilnya terdiri daripada tiga buah buku iaitu buku pertama melibatkan hal yang berkaitan dengan perkahwinan. Buku kedua pula mengenai pembahagian harta pusaka manakala buku ketiga mengenai pengelolaan yang berkaitan perkara-perkara wakaf, infak dan sedekah.

Pak Mun dapat dikelompokkan dalam angkatan pertama sarjana Islam moden. Tafsiran-tafsiran yang dilakukannya terhadap sumber-sumber suci agama baik Quran mahupun *al-Sunnah* banyak disandarkan daripada bahan-bahan bacaan klasik seperti kitab- kitab tafsir. Disebabkan kerana tafsirannya itu jarang sekali atau belum pernah didengari sebelum ini di kalangan masyarakat maka terjadilah pergaduhan serta perbezaan pendapat yang cukup besar sekaligus mengejutkan ramai orang.

Pada tanggal 28 November 1986, H. Munawir Sjadjali menyampaikan ceramah di Yayasan Paramadina di mana telah mendapat reaksi keras daripada masyarakat Islam di Indonesia khususnya mengenai pendapat dan pentafsiran beliau mengenai ayat *Mawārīth* surah al-Nisa' (4):11 dengan menyamakan pembahagian harta pusaka antara anak lelaki dan perempuan. Dalam masalah ijtihad dan dari sudut pandangan Islam, pemikiran Munawir Sjadjali sedikit kontroversi serta pandangan keagamaannya lebih bersifat liberal.

Berdasarkan kajian yang dilakukan sebelum ini, didapati bahawa :

- Ketokohan H. Munawir Sjadjali dalam bidang diplomatik, keluasan beliau dalam wawasan keislaman serta memperjuangkan nilai keadilan telah membuatkan H. Munawir Sjadjali mentafsirkan ayat-ayat Quran dengan pendekatan yang beragam tidak hanya melibatkan satu garis atau monoton. Beliau berpendirian bahawa ayat Quran itu bukanlah rujukan yang terakhir tetapi harus diertikan secara harfiah. Pemahaman tentang Quran juga harus bersifat kontekstual dengan memperhatikan semangat daripada Quran itu sendiri di dalam hal ini adalah keadilan semata-mata. Kemampuan untuk menangkap substansi dan semangat Islam harus lebih diutamakan berbanding memahami Islam secara harfiah.
- Metode yang digunakan H. Munawir Sjadjali dalam mentafsirkan ayat Quran adalah kebebasan pendapat dengan mengkaji Islam secara objektif tanpa didahului oleh pra- pendapat. Kajian yang dilakukan untuk apa adanya serta perlulah mengosongkan fikiran daripada pra- konsepsi yang telah tertanam dalam benak sebelum ini.
- Kaitannya dalam pentafsiran H. Munawir Sjadjali berkenaan ayat Mawarith khususnya ayat 11 surah al-Nisā', di mana hanya akal fikiran digunakan dengan berpandukan kepada kias. Beliau mengkiaskan permasalahan adat yang berlaku di

kalangan masyarakat sekarang dalam menerima ketentuan warisan dengan keadaan yang berlaku ketika zaman Sayidina Umar dalam menerima ketentuan pembahagian harta rampasan perang sebagai ‘*illah* hukum yang sama iaitu keadilan.

- Kebebasan dalam mentafsirkan ayat *Mawārīth* oleh H. Munawir Sjadjzali ini jelas dan nyata. Pendapat beliau nyata bertentangan dengan nas sarih perihal ayat 11 surat al-Nisā’, di mana tiada penyamarataan pembahagian harta pusaka bagi anak lelaki dan perempuan. Begitu juga bertentangan dengan hadis nabi dan ijmak Ulama. Tidak ada satu pun pendapat mana-mana Ulama Salaf yang menyamaratakan pembahagian harta pusaka bagi lelaki dan perempuan.
- Pemikiran H. Munawir Sjadjzali dengan menyamaratakan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan adalah pemikiran yang tidak munasabah serta tafsiran beliau akan surah al-Nisā’ ayat 11 yang perlu dimodifikasi (disesuaikan) dengan hal semasa bukanlah merupakan tafsiran yang muktabar (*al-Tafsīr al-Aqli al-Mahmūd*)
- Tidak semua yang mengandungi unsur maslahat (menurut akal) dapat dijadikan asas ataupun ilat di dalam pembinaan hukum Islam sama seperti pendapat H. Munawir Sjadjzali dengan menyamaratakan pembahagian harta pusaka di antara anak lelaki dan anak perempuan yang termasuk *al-Wasf al-Mulgha*
- Ijmak ulama tidak dapat disanggah ataupun dibatalkan dengan adat yang fasid ataupun pendapat yang beralaskan maslahat berupa keadilan yang menurut akal semata-mata.
- H. Munawir Sjadjzali adalah tergolong dalam golongan pemikiran liberal.
- Tafsiran H. Munawir Sjadjzali yang menyalahi nas sarih berkenaan ayat 11 surah al-Nisa’ akan membuka ruang untuk merombak kembali keseluruhan hukum-hukum Islam yang ditetapkan oleh al-Quran.

- Setelah melakukan kajian dengan jujur berdasarkan disiplin-disiplin ilmu Islam yang berkaitan dengan kajian penulis, di sini ingin menegaskan bahawa penulis tidak mendokong idea-idea H. Munawir Sjadjzali tersebut.

Dari kajian yang penulis lakukan, penulis membuat kesimpulan bahawa H. Munawir Sjadjzali adalah tergolong dalam golongan pemikiran liberal yang berkesimpulan bahawa ayat-ayat Quran walaupun dipandang *qat'i* tetapi bukanlah dijadikan sebagai rujukan terakhir (final). Pemahaman akan semangat yang terkandung dalam ajaran Islam adalah lebih diutamakan.

5.2.Cadangan

Islam telah membuat peraturan perwarisan yang adil dengan memberikan hak-hak kepada umatnya bahkan juga telah memberikan rumusan dan cara-cara pembahagian harta pusaka yang mengagumkan yang tidak terdapat pada syariat lain.

Pembahagian harta pusaka yang adil adalah merupakan asas utama. Tanggungjawab dan kewajipan yang dipikul oleh seorang lelaki dalam memberikan nafkah kepada kaum perempuan mengikut ajaran Islam merupakan salah satu alasan diberikannya bahagian yang lebih daripada bahagian perempuan, namun perbezaan pendapat atas definisi adil ditambah lagi dengan perkembangan dan perubahan situasi dan kondisi, membuatkan perbezaan pendapat tidak dapat dielakkan sehingga terpaksa untuk merujuk kembali surah al-Nisā' (4):11, kerana timbulnya persoalan mengenai pentafsirannya yang dilakukan oleh segelintir golongan ulama.

Sebagai seorang Muslim sejati sudah semestinya kita percaya dengan penuh keimanan kepada Allah SWT akan pembahagian yang telah diaturkanNya. Akal fikiran

hendaklah tunduk dengan wahyu sebab Allahlah yang Maha Tahu akan makhluk ciptaanNya. Kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab fikah muktabar hendaklah dijadikan rujukan utama di dalam memahami ayat-ayat *Mawārīth* yang telah ditetapkan oleh Allah sehingga akal kita tidak terpesong daripada kebenaran.

Oleh yang demikian, berdasarkan keperluan di atas dan keperluan akademik, penulis ingin memberikan cadangan atau saranan berikut:

1. Pentafsiran ayat-ayat *Mawārīth* perlu dilakukan kajian secara mendalam agar ilmu *Mawārīth* ini tetap terpelihara dan tidak dilupakan sebagaimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW.
2. Kajian dengan menggunakan metode pendekatan akal fikiran perlulah lebih diberi perhatian seperti merungkai hikmah Ilahi di sebalik ketetapan yang dapat diterima oleh akal fikiran yang menjadi kecenderungan para akademik zaman sekarang. Hal ini sangat diperlukan bagi meluruskan pemahaman dan pemikiran-pemikiran yang telah menyimpang jauh.
3. Kajian mengenai ayat-ayat *Mawārīth* ini patut diangkat ke tingkat akademik yang lebih tinggi lagi seperti sarjana (Master) dan doktor falsafah (Ph.D) dengan menjadikannya tajuk-tajuk yang digalakkan memandangkan semakin banyak tersebar isu-isu semasa mengenainya. Hal ini mungkin patut dipertimbangkan oleh Jabatan al-Quran dan al-Hadith ataupun jabatan-jabatan yang lain.
4. Mengikuti serta menjawab isu-isu semasa yang berkaitan dengan pemahaman pentafsiran ayat-ayat Quran yang berkembang di kalangan masyarakat perlu terus dilakukan agar dapat meluruskan kembali pemahaman dan tidak menyimpang dari Quran.
5. Mendedahkan hasil kajian yang telah dilakukan kepada khalayak ramai dengan menggunakan media massa baik media cetak maupun elektronik. Selain itu, perlu

juga didedahkan kepada golongan akademik seperti ketika menghadiri seminar dan simposium serta menempatkannya di perpustakaan.

Itulah cadangan-cadangan yang dapat penulis berikan, semoga dapat memberikan manfaat khususnya kepada para akademik, peminat-peminat ilmu Islam dan seluruh masyarakat secara am. Penulis berharap kita semua dapat mengerti dan menerima ketentuan-ketentuan Ilahi berkenaan pembahagian harta pusaka yang telah ditetapkan di dalam Quran dengan penuh keimanan. Amin

BIBLIOGRAFI

Buku-buku Bahasa Arab

- ‘Abji, Ḥamdi al- (1982), *Al-Idāḥ Fi ‘Ilm al-Farā’id*, c.1, Damaskus: Maktabah al-Furqan.
- ‘Ajuz, Aḥmad Muhyi al-Din al- (1994), *Al-Mirāth al-‘Adil Fi al-Islām*, Beirut: Mu’assasah al Ma’ārif.
- Āmidi, Al- Imām Al- ‘Allamah Ali Bin Muḥammad al- (2003), *Al- Aḥkam Fi Uṣul Al-Aḥkam*, Al- Mamlakah Al- ‘Arabiyyah Al- Saudiyyah: Dar Al- Sami’i.
- ‘Aziz, Dr. Amir Abd al- (1999), *Fiqh al-Kitab wa al-Sunnah*, j.2, c.1, Mesir: Dār al- Salām.
- Al-Majlis al-A’la Li al- Shu’ūn al- Islamiyyah (1990), *Mawsu‘ah al- Fiqh al- Islami*, j. 4, Al-Qahirah: Dār al- Kitab al- Lubnani.
- Badrān, Abū al-‘Ainaini Badrān (1969), *’Usūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al- Ma’ārif.
- Būṭī, Dr. Muḥammad Sa’id Ramādān al- (t.t), *Qadāya Sakhinah*, Paris: Sagesse D’orient.
- _____ (2005), *Dawābiṭ al-Maṣlahah*,c. 4. Damascus: Dār al-Fikr.
- Durayni, Dr. Fatḥi al- (2008), *al-Manāhij al-’Uṣūliyah*, c. 3. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Ibn Al-‘Arābī, Muḥammad bin Abdullah bin Muḥammad Abdullah bin Aḥmad (1988), *Aḥkam al- Qur’ān*, j.1. Beirut: Dār al- Jayl.
- Jalidi, Sa’id Muḥammad al- (1403), *Aḥkam al-Mirāth Wa al-Wasiyyah Fi al-Shari’ah al-Islāmiyyah*, c.1, Libya: Manshurat Kulliyyah al-Da’wah al-Islāmiyyah.
- Jarhawī, ‘Ali Aḥmad al- (1997), *Hikmah al-Tasyri’ Wa Falsafatuhu*, Beirut: Dār al Fikr.
- Jassas, Aby Bakr Aḥmad ibn ‘Alī al-Rāzi al- (t.t), *Aḥkām al-Qur’ān*, j.2. Beirut: Dār al- Kitāb al-‘Arābī.
- Jaūzī, Aby al-Farj ‘ Abd al-Raḥmān ibn al- (1992), *Nawāsikh al-Qur’ān*, c. 1, Beirut: Dār al-Fikr.
- Jumuah, Muḥammad Muḥammad Barraj (1981), *Aḥkām al-Mirāth*, c.1, ‘Amman: Dār al-Fikr.
- Jundi, Aḥmad Naṣr al- (2000), *al-Mawārith Fi al-Shar’i Wa al-Qānūn*, Mesir: Dār al Kutub al Qānuniyah.
- Khallaf, Abd al-Wahhāb (t.t), *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*, Lubnan.

- Khin, Muṣṭafā al- (1989), *Al-Fiqh al-Manhāji*, c. 1, j. 6, Damaskus: Dār al-‘Ulūm al-Insāniyah.
- Khuḍri, Muḥammad al- (2001), *Uṣūl al-Fiqh*, Kaherah: Dār al-Hadith
- Khudri Bik, Muḥammad al- (1983), *Tarīkh al-Tashrī‘ al-Islāmi*, c. 1, Beirut: Dār al-Qalām.
- Majma’ al-Lughah al- ‘Arābiyyah (t.t), *al- Mu’jam al- Wasiṭ*, j. 2, c. 3.
- Makhlūf, Ḥasanain Muḥammad (t.t), *Al-Mawārith Fi al-Shari’ah al-Islāmiyyah*, Jeddah: Dār al- Madāni.
- Miṣri, Rafiq Yūnus al- (1994), *‘Ilm al-Farā’id wa al- Mawārith*, Damaskus: Dār al- Qalm.
- Mufashshī, Muḥammad Bashīr al- (1996), *al-Jāmi’ al-Hadīth*, Damaskus: Dār Qutaybah.
- Muḥammad ‘Ammarah (1998), *Al-Nas al-Islāmiy*, c.1. Beirut : Dār al Fikr al Mu’asir.
- Muḥammad Quṭub (1997), *Shubuhāt Haūla al-Islām*, c.22. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Munzir, Muḥammad Ibrāhim bin al- (1986), *Al-Ijmā’*, c. 1. Beirut: Dār al-Jannan
- Naysābūrī, Muḥammad bin ‘Abd Allah al-Ḥākim al- (1978), *al- Mustadrak*, Beirut: Dār al- Fikr.
- Qardāwi, Dr. Yusuf al- (2005), *Al-Siyasah al-Syar’iyah*, c.2, Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- _____ (2000), *Khuṭab al-Shayekh al-Qardāwi*, c.1. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Qaznawi, Aby ‘Abd Allah Muḥammad ibn Yazīd al- (t.t), *Sunan Ibn Mājah*, j. 2.
- Qurtubi, Muḥammad bin Aḥmad bin Aby Bakr bin Farḥ al- (1993), *Al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qur’ān*, j. 5-6. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Rāzi, Muḥammad Fakhr al-Dīn al- (1994), *Al-Tafsir al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb*, j.9. Beirut : Dār al- Fikr.
- Ṣābūni, Muḥammad ‘Alī al- (1997), *al-Mawārith*, Damaskus: Dār al-Qalm.
- Sayyid Quṭub (1971M), *Fi Zilāl al-Qurān*, c. 7, juz 28, Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al- ‘Arābi.
- Sha’rāwi, Muḥammad Mutawallī al- (t.t), *Al-Mar’ah Fi al-Qurān al-Karīm*, Dār Akhbār Alyāūm.
- _____ (t.t), *Tafsir Al- Sya’rawi*, j.4, Akhbar Al- Yaum.

Shalābī, Dr. Ali Muḥammad Muḥammad al- (2004), *Ummar Bin al-Khaṭṭāb*, c.1, Mesir: Dār al-Yakin.

Shalābī, Ḥamdi ‘Abd al-Mun’im (1989), *Al-Ra’id Fi ‘Ilm al-Farā’id*, Kaherah: Maktabah Ibn Sina.

Sharbainī al-Khāṭib, Muḥammad al- (1957), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 3. Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al- Ḥalābī wa ’Awlāduhū.

Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Surah al- (1975), *Sunan al-Tirmidhī*, c.2. j.5. Mesir: Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al- Ḥalābī wa ’Awlāduhū.

Zaydān, Dr. Abd al-Karīm al- (2006), *Al-Wajīz fi ’Uṣūl al-Fiqh*, c. 15. Beirut: Mu’assasah al- Risālah.

Zuhaili Dr. Wahbah al- (2004), *Al-Fiqh al-Islāmi wa ’Adillatuh*, j.10, c.4, Damaskus: Dār al-Fikr.

_____ (1991), *Al-Tafsir al-Munir*, j. 17-18, Beirut: Dār al- Fikr al Mu’asir.

_____ (1995), *Al-Wajīz Fi Uṣūl al-Fiqh*, c. 2. Damaskus: Dār al-Fikr.

Buku-buku Bahasa Inggeris

Cipto Sembodo (2005), “The Reactualization Of Islamic Law: Munawir Sjadzali And The Politics Of Islamic Legal Interpretation Under The New Order Indonesia” dalam Sukamto et al. (ed), *Al-Jami’ah: Journal Of Islamic Studies*. Yogyakarta : UIN Sunan Kalijaga.

Buku-buku Bahasa Melayu

Addary, Ali Hasan Akhmad (1979), *Study warisan Wanita Dalam Al-Qur'an*, Padangsidempuan: C.V Al Mahfuz Budi.

Awang, Idris et al.(ed) (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi*,c. 2, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Basmeih, Abdullah (2002), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, c. 13, Kuala Terengganu: Percetakan Yayasan Islam Terengganu.

Hamka (1983M), *Tafsir Al-Azhar*, c. 3, j. XXIX- XXX, Surabaya : Penerbit Pustaka Islam.

Handrianto, Budi (2007), *50 Tokoh Islam Liberal Indonesia*, c.1. Jakarta: Hujjah Press.

Nafis, Muhamad Wahyuni et al. (éd) (1995), *Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadzali. MA*, c. 1. Jakarta: PT. Temprint.

Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional (2005), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*,c.3, Jakarta: Balai Pustaka.

- Rahman, Fatchur (1975), *Ilmu Waris*, c.10, Bandung: PT. Alma'arif Bandung.
- Roziqin, Badiatul (2009), *101 Jejak Tokoh Islam Indonesia*, c.1. Yogyakarta: e-Nusantara.
- Saimima, Iqbal 'Abdurrauf (ed) (1988), *Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam*, c. 1. Jakarta : pustaka Panjimas.
- Sjadzali, H. Munawir (1993), *Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa*,c. 1. Jakarta: Universiti Indonesia.
- Sjadzali, H. Munawir (1994), *Bunga Rampai Wawasan Islam Dewasa Ini*, c. 1. Jakarta: Universitas Indonesia.
- Syarifuddin, Amir (2004), *Hukum Kewarisan Islam*, c. 1. Jakarta: Kencana.
- Umar, Nasaruddin (2003), *Teologi Jender: Antara Mitos dan Teks Kitab Suci*, c.1. Jakarta: Pustaka Cicero.
- Wadud, Amina (2001), *Quran Menurut Perempuan*, c.1. Jakarta: PT. Serambi Ilmu Semesta.
- Yayasan Penyelenggara Penterjemah Al-Quran Departemen Agama RI (1995), *Al-Qur'an Dan Terjemahnya*, Semarang: PT. Karya Toha Putera.
- Yunus, Mahmud (1990), *Tafsir al-Quran al-Karim*, c. 28, Jakarta: PT. Hidakarya Agung Jakarta.

Laman Web Internet:

- Tokoh Indonesia, <http://www.tokoh.indonesia.com/ensiklopedi/m/munawir-sjadzali/index.shtml>, 14 November 2006M.
- Republika Online, <http://www.Homline.Edu/apakabar/basisdata/1996/10/02/0023.html>, 20 Mei 2007M.
- Pikiran Rakyat, <http://www.Pikiran-rakyat.com/cetak/0704/24/0106.htm>, 14 November 2006M.

Lampiran I

H.MUNAWIR SJADZALI



LAMPIRAN II

Berikut ini, Penulis memaparkan secara lengkap pemikiran H. Munawir Sjadzali yang dimuat pada buku Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam. Pemikiran Beliau mengungkapkan tentang pentafsiran surah al-Nisā' (4):11.

REAKTUALISASI AJARAN ISLAM

Oleh H.Munawir Sjadzali²⁰⁰

‘Ya Allah, lindungilah aku dari Bilal dan kawan-kawannya’
Umar bin Khattab

Kerana kesibukan tugas maka baru sekarang saya dapat memenuhi permintaan Pimpinan Umum Panjimas untuk menanggapi reaksi-reaksi terhadap ceramah saya di forum Paramadina. Sebetulnya ceramah yang sama dengan tema Reaktualisasi Ajaran Islam, atau dalam versinya yang lain, Dinamika Hukum Islam, sudah sering saya berikan pada banyak forum ilmiah yang lain, baik sebelum mahupun setelah di Paramadina, di dalam mahupun di luar negeri. Misalnya, ceramah dengan tema tersebut telah saya berikan pada Seminar Hukum(undang-undang) Islam yang diselenggarakan oleh IAIN Imam Bonjol, Padang : Bahtsul Masaail Syuriyah NU Jawa Timur di Tambak Beras, Jombang; Seminar Kompilasi Hukum(undang-undang) Islam yang diselenggarakan oleh Pimpinan Pusat Muhammadiyah di Yogyakarta; Penataran Pimpinan Pemuda Ansor Tingkat Propinsi Seluruh Indonesia di Malang, dan dua kali Latihan Kader Tarjih Muhammadiyah di Yogyakarta.

Ceramah yang sama telah pula saya berikan di muka para mahasiswa Indonesia di Kairo; juga pada forum Kodifikasi Hukum(undang-undang) Islam yang diselenggarakan oleh South East Asian Shariah Association di Kolombo, Srilanka dan juga pada jamuan makan yang diselenggarakan oleh Menteri Pengajaran Malaysia, Enche Anwar Ibrahim, di Kuala Lumpur. Pada dua forum terakhir ini ceramah saya tidak terperinci.

Suatu hal yang menjadi pertanyaan saya adalah, mengapa setelah ceramah itu saya sampaikan di forum Paramadina maka berkembanglah reaksi-reaksi demikian, padahal pada forum-forum lain reaksi terhadap ceramah dengan tema yang sama itu lebih bersahabat. Dalam pada tidak ada yang berpretensi (berlagak) mengetahui

²⁰⁰Iqbal ‘Abdurrauf Saimima (ed) (1988M), **Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam**, c. 1. Jakarta : pustaka Panjimas, h. 1-11.

jawapannya, pada umumnya terdapat kesedaran tentang kehadiran masalah tersebut sebagai realiti yang perlu dicari penyelesaiannya.

Menurut hemat saya reaksi-reaksi yang demikian tajam terhadap ceramah saya itu disebabkan oleh salah satu dari empat hal:

- a. *Tidak diikutinya ceramah saya secara utuh.*
- b. *Kekurangan pengertian tentang ilmu hukum(undang-undang) Islam.*
- c. *Tidak adanya kesadaran tentang realiti yang hidup di tengah masyarakat.*
- d. *Sikap apriori (pengutamaan) yang diwarnai oleh prasangka buruk.*

Di bawah ini secara singkat saya akan mencoba menghuraikan kembali apa yang telah saya lemparkan di banyak forum ilmiah itu, dengan penuh rasa tanggung jawab kepada Islam.

Mengapa Reaktualisasi

Kita patut bergembira dan bersyukur dengan makin meningkatnya semangat kembali kepada agama di kalangan masyarakat Islam di Indonesia. Tetapi kalau kita berani jujur dan tidak hendak bersikap seperti burung onta, kita mesti mengaku masih cukup banyak sikap mendua di antara kita dalam beragama yang perlu diluruskan. Dua contoh berikut inilah yang sering saya kemukakan dalam ceramah-ceramah saya :

Pertama, di antara kita banyak yang berpendirian bahawa faedah (interest) dalam bank itu riba, dan oleh kerananya maka sama-sama haram dan terkutuk sebagai riba. Tetapi sementara itu mereka tidak hanya hidup dari faedah deposito, tetapi dalam kehidupan sehari-hari mereka banyak mempergunakan jasa bank dan bahkan mendirikan bank dengan sistem faedah, dengan alasan darurat, padahal seperti yang dapat bersama kita baca dalam Al-Quran Surat Al-Baqarah(2):173, kelonggaran yang diberikan kepada kita dalam keadaan darurat itu dengan syarat tidak adanya unsur kesengajaan dan tidak lebih dari pemenuhan keperluan esensial.

Kedua, dalam pembahagian harta pusaka, Al-Quran surah al-Nisa'(4): 11 dengan jelas menyatakan bahawa hak anak laki-laki dua kali lebih besar daipada hak anak perempuan. Tetapi ketentuan tersebut telah banyak ditinggalkan oleh masyarakat Islam Indonesia, baik secara langsung maupun tidak langsung. Hal itu saya ketahui setelah saya mendapatkan kepercayaan menjabat sebagai Menteri Agama.

Sebagai Menteri Agama, saya mendapat laporan dari banyak hakim agama dari berbagai daerah, termasuk daerah-daerah yang terkenal kuat Islamnya seperti; Sulawesi Selatan dan Kalimantan Selatan, tentang banyaknya tindakan penyimpangan dari ketentuan Al-Quran tersebut. Para hakim agama sering kali menyaksikan apabila seorang keluarga Muslim meninggal dan atas permintaan ahli warisnya Pengadilan Agama(Mahkamah Syariah) memberikan fatwa waris sesuai dengan hukum(undang-undang) waris Islam atau Faraaid, maka

kerapkali terjadi bahawa para ahli waris tidak melaksanakan fatwa waris tersebut dan pergi ke Pengadilan Negeri(Mahkamah Sivil) untuk meminta agar diperlakukan sistem pembahagian yang lain yang terang tidak sesuai dengan faraaid. Suatu hal yang perlu secara khusus dicatat disini ialah bahawa yang enggan melaksanakan fatwa waris dari Pengadilan Agama (Mahkamah Syariah) dan kemudian pergi ke Pengadilan Negeri(Mahkamah Sivil) itu tidak hanya orang-orang awam, melainkan juga banyak tokoh-tokoh organisasi Islam yang cukup menguasai ilmu-ilmu keislaman.

Sementara itu telah membudaya pula penyimpangan tidak langsung dari ketentuan Al-Qurani tersebut. Banyak kepala keluarga yang mengambil kebijaksanaan(polisi) menadahului. Semasa masih hidup mereka telah membahagikan sebahagian besar dari kekayaan mereka kepada anak-anak mereka, masing-masing mendapat bahagian yang sama besar tanpa membezakan jenis kelamin, sebagai hibah atau semasa hidup mereka membuat apa yang di Kalimantan Selatan lebih terkenal dengan nama wasiat wajib. Dengan demikian pada waktu mereka meninggal, maka kekayaan yang mesti dibahagi tinggal sedikit atau bahkan hampir habis sama sekali. Dalam dua kasus terakhir ini memang secara formal tidak terjadi penyimpangan dari ketentuan Al-Quran di atas. Tetapi apakah melaksanakan ajaran Agama dengan semangat sedemikian itu sudah betul? Apakah tindakan-tindakan itu tidak termasuk kategori helah atau main-main dengan Agama?.

Dalam hubungan ini, saya mempunyai pengalaman pribadi. Beberapa tahun yang lalu, tidak lama setelah menjadi Menteri Agama, saya meminta nasehat dari seorang ulama terkemuka mengenai masalah pribadi. Kepada Beliau, saya kemukakan bahawa saya dikaruniai oleh Allah dengan enam anak: tiga laki-laki dan tiga perempuan. Tiga anak laki-laki saya semuanya selesai pendidikan universiti di luar negeri, yang sepenuhnya atas biaya atau kos saya pribadi, sedangkan dua dari tiga anak perempuan saya, atas kemahuan mereka sendiri, tidak meneruskan ke perguruan tinggi dan hanya belajar di sekolah-sekolah kemahiran, dengan biaya yang terang jauh lebih kecil dari tiga saudara laki-laki mereka. Pokok persoalannya, saya tidak merasa sreg atau pas kalau saya meninggal nanti tiga anak laki-laki saya yang sudah saya biayai mahal itu masih akan menerima dua laki lebih besar dari apa yang akan diterima oleh anak-anak perempuan saya. Saya mohon nasihat bagaimana jalan keluarnya.

Ulama tersebut yang saya percaya amat tinggi integritinya dan penguasaannya akan ilmu Agama, menjawab tidak dapat memberikan nasihat atau fatwa. Beliau hanya memberitahukan tentang apa yang Beliau sendiri dan banyak Ulama lain telah lakukan. Apabila masih ada kesempatan Beliau masih hidup maka Beliau telah membahagi harta kekayaan Beliau kepada semua putera dan putri Beliau, nasing-masing mendapatkan bahagian yang sama besar tanpa membezakan jenis kelamin, sebagai hibah. Dan dengan demikian maka nanti kalau Beliau meninggal kekayaan yang bakinya dan mesti dibahagi menurut faraaidh tinggal sedikit.

Mendengar jawapan tersebut saya termenung sebentar. Kemudian saya bertanya, apakah dari segi keyakinan Islam kebijaksanaan Beliau itu tidak lebih berbahaya. Sebab kata saya, Beliau membahagi sama kekayaan kepada putra dan putri Beliau selagi masih hidup sebagai hibah itu, kerana adanya asumsi bahawa kalau tidak mengambil langkah demikian, nanti kalau Beliau meninggal putera puteri Beliau akan dirugikan oleh berlakunya hukum(undang-undang) faraidh. Atau secara tidak langsung Beliau tidak percaya kepada keadilan faraidh. Sebab kalau Beliau percaya akan keadilan hukum (undang-undang)waris menurut Islam itu, Beliau tidak perlu mengambil kebijaksanaan (polisi) mendahului itu. Beliau tidak menanggapi pertanyaan saya itu, hanya mengangguk, yang menurut saya bererti bahawa Beliau dapat memahami mengapa ada pertanyaan yang demikian.

Suatu hal lagi yang menarik perhatian ialah bahawa Aceh adalah suatu daerah yang rakyatnya terkenal amat taat kepada Agama dan dalam pemilihan umum(raya) yang baru lalu oleh salah satu calon ahli parlemen ceramah saya di Paramadina itu dibangkitkan menjadi isu. Dalam kempen jurkam-jurkam dari calon ahli parlemen itu menyatakan bahawa kalau Golkar menang maka Menteri Agama Munawir Sjadzali akan mengubah hukum(undang-undang) waris Islam. Tetapi anehnya beberapa tahun yang lalu, sewaktu seorang tokoh dari Pemuda Muhammadiyah sebagai mahasiswa mengadakan penelitian tentang pelaksanaan hukum (undang-undang)waris di salah satu wilayah di Daerah Istimewa Aceh, ternyata 81 peseratus dari sejumlah kes yang ia teliti itu melepaskan ketentuan-ketentuan Faraid dan mencari penyelesaian di Pengadilan Negeri(Mahkamah Sivil). Kita boleh kecewa, tetapi demikianlah kenyataan sosial yang mesti dengan jujur kita mengakui ada. Sementara itu salah kiranya kalau kita menuding para pelaku penyimpangan itu, termasuk sejumlah Ulama, sebagai kurang utuh komitmen mereka kepada Islam, tanpa mempelajari latar belakang dan faktor-faktor yang mendorong mereka untuk berani melakukan penyimpangan itu.

Dari huraihan di atas jelas, bahawa bukan saya yang mengatakan bahawa hukum(undang-undang) waris Islam seperti yang ditentukan oleh al-Quran itu tidak adil, tetapi justeru saya menyoroti sikap masyarakat yang tampaknya tidak percaya lagi kepada keadilan hukum(undang-undang) Faraid.

Masalah penyimpangan dalam pembahagian harta waris itu sekarang ini menjadi menjadi lebih-lebih relevan (berguna) untuk dibicarakan, dan oleh kerananya, maka sering saya lemparkan pada banyak forum ilmiah. Mengapa?

Dalam rangka pembangunan hukum(undang-undang) nasional. Pemerintah Orde Baru bertekad untuk membenahi segala segi penyelenggaraan hukum(undang-undang) Islam untuk umatnya. Banyak sudah langkah-langkah yang telah di ambil untuk tujuan tersebut. Undang-undang No. 14 tahun 1970, menegaskan bahawa kekuasaan kehakiman di negara kita ini diselenggarakan oleh 4 bidang pengadilan:

Umum, Militer, Agama, dan Tata Usaha Negara. Empat Pengadilan(Mahkamah) tersebut berkedudukan sama tinggi dan semuanya bernaung di bawah Mahkamah Agung. Kemudian dengan keluarnya Undang- Undang No. 14 tahun 1985, maka Jabatan Ketua Mahkamah Agung juga terbuka bagi hakim-hakim agama(syariah).

Sekarang ini penyusunan Ram Undang-Undang mengenai kekuasaan dan acara Pengadilan Agama sudah pada tahap akhir sebelum di ajukan di Dewan Perwakilan Rakyat(Parlemen)t. Kalau RUU itu nanti menjadi UU maka Pengadilan Agama(Mahkamah Syariah) akan merupakan badan yang betul mandiri dan dilengkapi dengan aparatur (pegawai) pelaksana dari keputusan-keputusan yang telah di ambilnya.

Sementara itu meskipun umur Pengadilan Agama(Mahkamah Syariah) kita sudah lebih dari seratus tahun, tetapi sampai sekarang ini kita belum mempunyai buku yang sama untuk pegangan(panduan) bagi para hakim Agama. Maka untuk lebih memberikan kepastian hukum (undang-undang)kepada para pencari keadilan. Pada bulan Maret 1985M, Ketua Mahkamah Agung dan Menteri Agama mengeluarkan Surat Keputusan Bersama tentang pembentukan Projek Kompilasi (Kumpulan) Hukum(Undang-Undang) Islam. Projek yang di perkirakan akan dapat menyelesaikan tugasnya dalam masa dua tahun itu, diharapkan dapat menghasilkan tiga buah buku hukum(undang-undang): buku mengenai perkawinan, buku mengenai kewarisan dan buku mengenai perwakafan.

Khususnya dalam penyusunan buku kedua tersebut, yakni buku tentang kewarisan, kiranya kita mesti memperhatikan, mempertimbangkan dan memperhitungkan realiti telah meluasnya penyimpangan dari Faraid oleh masyarakat kita. Memang akan jauh lebih mudah kalau buku tentang kewarisan itu kita susun sesuai dengan Faraid. Tetapi dengan adanya realiti tersebut di atas, kalau jalan itu kita tempuh, kita patut sangsi bahawa buku tersebut akan mempunyai erti praktis sebagai rujukan oleh para hakim agama.

Bolehkah Reaktualisasi

Kalau kita dapat menerima bahawa penyimpangan dari faraid itu tidak selalu disebabkan oleh tipisnya keislaman, melainkan juga dapat disebabkan oleh pertimbangan bahawa budaya dan struktur sosial kita adalah sedemikian rupa sehingga pelaksanaan faraid secara utuh kurang dapat diterima oleh para pencari keadilan, maka timbul pertanyaan apakah mungkin atau diperbolehkan melakukan modifikasi atau penyesuaian terhadap ketentuan-ketentuan yang telah jelas digariskan oleh al-Quran itu.

Dalam hubungan ini dengan penuh kesadaran akan sangat terbatasnya pengetahuan saya tentang Islam, saya telah ikut mencari jawapan bagi pertanyaan itu dengan kembali kepada al-Quran berikut tafsir-tafsirnya, Sunnah Nabi dan karya-karya para mujtahid sepanjang sejarah Islam, dengan hasil-hasil sementara seperti berikut.

Pertama-tama dapat dikemukakan bahawa dalam al-Quran dan al-Hadith Nabi terdapat naskh. Dalam kitab suci kita terdapat ayat-ayat yang berisikan pergeseran atau bahkan pembatalan terhadap hukum-hukum(undang-undang) atau petunjuk yang telah diberikan dalam ayat-ayat yang diterima oleh Rasulullah S.A.W pada waktu-waktu sebelumnya. Demikian juga terdapat banyak al-Hadith yang menarik kembali petunjuk-petunjuk yang pernah Beliau berikan sebelumnya. Menurut tafsir al-Jawahir karya Syeikh Thantawi Jawhari, terdapat sebanyak 21 kes naskh dalam al-Quran. Sebagai sanggahan terhadap tuduhan orang-orang Yahudi bahawa terjadinya pembatalan oleh satu ayat terhadap hukum (undang-undang) atau petunjuk yang telah diberikan oleh ayat yang terdahulu, khususnya mengenai kepindahan kiblat, hal itu mencerminkan bahawa Rasulullah S.A.W tidak konsisten dan mencla-mencle (plin-plan) maka turun surat al-Baqarah(2):106 yang maksudnya :

"Apa saja ayat yang kami naskh-kan (batalkan), atau kami jadikan (manusia) lupa kepadanya, Kami datangkan yang lebih baik daripadanya atau yang sebanding dengannya. Tidakkah kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu".

Kemudian marilah kita ikuti komen dari sejumlah mufassir besar terhadap ayat tersebut:

1. *Ibn Katsir : Sesungguhnya menurut akal tidak terdapat sesuatu yang menolak adanya naskh (pembatalan) dalam hukum-hukum (undang-undang) Allah. (Tafsir Ibnu Kathir, Juz 1, halaman 151).*
2. *Ahmad Musthafa al-Maraghi: Sesungguhnya hukum-hukum(undang-undang) itu diundangkan untuk kepentingan manusia dan kepentingan manusia dapat berbeza kerana perbezaan waktu dan tempat. Apabila suatu hukum(undang-undang) diundangkan pada waktu di mana memang dirasakan keperluan akan adanya hukum(undang-undang) itu, kemudian keperluan itu tidak ada lagi, maka suatu tindakan bijaksana(polisi) menghapuskan hukum itu dan menggantikannya dengan hukum yang (lain) yang lebih sesuai dengan waktu terakhir. (Tafsir al-Maraghi,juz 1, halaman 187).*
3. *Muhammad Rasyid Ridā: Sesungguhnya hukum(undang-undang) itu (dapat) berbeza kerana perbezaan waktu, tempat (lingkungan) dan situasi. Kalau suatu hukum diundangkan pada waktu sangat diperlukannya hukum itu, kemudian keperluan itu tidak ada lagi pada waktu lain, maka suatu tindakan bijaksana menghapuskan hukum itu dan menggantikannya dengan hukum (lain) yang lebih sesuai dengan waktu yang belakangan itu, (Tafsir al-Manar, Juz 1, halaman 414).*
4. *Sayyid Qutub berpendapat bahawa ayat 106 dari surat al-Baqarah itu diturunkan sebagai sanggahan terhadap tuduhan orang-orang Yahudi bahawa Rasulullah tidak konsisten, baik mengenai kepindahan kiblat dari Masjid al-Aqsa ke Masjid al-Haram, mahupun perubahan-perubahan petunjuk, hukum dan perintah yang akan terjadi sebagai akibat dari pertumbuhan masyarakat Islam dan situasi serta kondisi mereka yang terus berkembang. (Tafsir Fi zilhalil al-Quran, juz 1 halaman 101-102).*

Diantara ahli hukum(undang-undang) dari empat mazhab, meskipun mereka banyak saling berbeza pendapat, namun terdapat semacam kesepakatan atau konsensus bahawa hukum Islam terbahagi dalam dua kategori: hukum yang bertalian dengan ibadah murni, dan hukum yang menyangkut muamalah dunia (kemasyarakatan). Dalam hal hukum yang termasuk kategori pertama tidak banyak kesempatan bagi kita untuk menggunakan pemikiran. Tetapi dalam hal hukum dari kategori kedua lebih luas ruang gerak untuk penalaran intelektual, dengan kepentingan masyarakat sebagai dasar pertimbangan atau tolak ukur utama mengenai hukum yang bertalian dengan kemasyarakatan, al-Izz ibn ‘Abdussalam, seorang ahli hukum terkemuka dari golongan Shāfi‘ī, menyatakan bahawa semua usaha itu hendaknya difokuskan pada kepentingan masyarakat, baik kepentingan duniawi maupun ukhrawi.

Allah SWT tidak memerlukan ibadah kita semua. Ia tidak beruntung dari ketaatan mereka yang taat, dan tidak dirugikan oleh perbuatan mereka yang bermaksiat (*Falsafat al-Tasyrif- I al- Islam*, Dr. Sobhi Mahmasani, halaman 219). Ibn al-Qayyim al-Jawziyah, dari golongan Hambali mengatakan bahawa perubahan dan perbezaan fatwa atau opini hukum dapat terjadi kerana perbezaan waktu, tempat (lingkungan), situasi, dan adat istiadat. (*Falsafah attasyri,fil Islami*, halaman 221). Ya’qub ibn Habib al-Anshari, seorang murid kesayangan Imam Abu Hanifah dan yang lebih terkenal dengan panggilan Abu Yusuf, berpendirian bahawa nash sekalipun kalau dahulu dasarnya adat, dan adat tersebut kemudian telah berubah, maka gugur pula hukum yang terkandung dalam nash itu (*Falsafah attasyri,fil Islam*,halaman 223-234).

Bukankah Formula 2:1 itu Berdasarkan Dalil Qat'i

Dalam sementara kritik terhadap ceramah saya antara lain, dikemukakan argumen (alasan) klasik bahawa formula anak laki-laki berhak menerima dua kali lebih besar dari anak perempuan, itu tercantum dalam ayat al-Quran, nash sharih yang dalam istilah ilmu fikih termasuk dalil qat'i dan yang tidak boleh diubah. Dalam menanggapi argument (alasan) tersebut, dengan perasaan sangat berat saya ingin mengemukakan hal-hal seperti berikut:

Dalam al-Quran terdapat paling sedikit empat ayat yang berisi pemberian izin penggunaan budak-budak sahaya sebagai penyalur alternatif bagi penyaluran biologis kaum pria disamping istri (surah al-Nisā' (4):3, surah al-Mu'minūn(23):6, surah al-Ahzāb(33):52 dan surah al-Mārij(70):30). Memang Rasulullah SAW dahulu selalu memberi pengarahan kepada para pemilik budak untuk berlaku lebih manusiawi terhadap budak-budak mereka atau membebaskan mereka sama sekali. Tetapi yang jelas, sampai Rasulullah wafat dan wahyu terakhir sudah turun Islam belum secara terselesaikan menghapuskan perbudakan.

Kita sekarang hidup pada akhir abad XX dimana umat manusia sepakat untuk mengutuk perbudakan dalam segala bentuknya, sebagai musuh kemanusiaan. Apakah kata dunia terhadap Islam kalau sekarang ini kalau kita masih mempertahankan status lama sikap Islam terhadap perbudakan pada zaman Rasulullah. Lebih dari itu kalau kita mempertahankan keabsahan ayat-ayat tersebut, tetapi berdiri pada status lama Rasulullah dan tidak berani menyelesaikan proses yang telah dirintis oleh Rasulullah itu, kita tidak dapat ikut bercakap tentang hak azasi manusia, sebab hak azasi yang paling azasi adalah hak untuk hidup sebagai manusia merdeka, sedangkan menurut dalil-dalil qat'i itu perbudakan masih dibenarkan oleh Islam.

Sebagai pembelaan atas kenyataan ini, bahawa sampai Rasulullah wafat. Islam belum menghapuskan perbudakan secara tuntas, di antara kita ada yang mengatakan bahawa hal itu disebabkan oleh kerana Rasulullah masih khawatir terhadap reaksi masyarakat pada waktu itu kalau dengan tegas Beliau mengikis perbudakan. Kalau misalnya, alur penalaran itu kita terima, maka kita dapat bertanya: Kalau dalam hal yang demikian mendasar seperti perbudakan. Rasulullah masih memperhitungkan reaksi masyarakat, apakah sebagai umat Rasulullah S.A.W maka kita tidak seharusnya belajar dari kebijakan panutan agung kita itu.

“Ya Allah, Lindungilah Aku dari Bilal dan Kawan-kawannya”

Perbincangan semacam ini bukanlah sesuatu yang mesti disesalkan, kerana justeru memperlihatkan bahawa masyarakat Islam di Indonesia itu hidup. Di satu pihak ada kelompok yang sesak nafas menyaksikan makin membudayanya pola sikap mendua dalam beragama dan ingin mencoba mengadakan rasionalisasi. Di lain pihak terdapat golongan yang khawatir akan terancamnya keutuhan dan universal ajaran Islam. Bagi golongan yang kedua ini rasionalisasi cenderung dianggap sebagai sekularisasi. Yang patut kita sayangkan adalah ikutnya golongan ‘‘asbun’’ (asal bunyi), ialah mereka yang sangat relatif sangat awam dalam ilmu keislaman, tetapi dengan lantang ikut bercakap dalam masalah ilmiah ini dengan nada bahawa mereka adalah pengawal-pengawal kemurnian Islam.

Perbincangan semacam ini terjadi untuk pertama kali dalam sejarah Islam pada zaman pemerintahan Umar ibn al-Khattab. Seperti yang bersama kita ketahui, antara dua tahun setelah Rasulullah wafat, Umar dibaiat sebagai khalifah menggantikan Abu Bakar. Selama menjabat Beliau telah banyak mengambil banyak kebijaksanaan (polisi) dalam bidang hukum (undang-undang) yang tidak sepenuhnya sesuai dengan bunyi ayat-ayat al-Quran. Kes yang paling terkenal adalah apabila Beliau menempuh kebijaksanaan dalam pembahagian rampasan perang yang tidak sesuai dengan petunjuk al-Quran, surah al-anfal(8):41.

Kebijaksanaan (Polisi) itu ditentang oleh cukup banyak sahabat senior Rasulullah seperti Bilal (Muazzin al-Rasul), Abd al-Rahman ibn A'wf dan Zubair ibn Awwam, yang menuduh Ummar bahawa dengan

kebijaksanaan itu, Beliau meninggalkan Kitab Allah. Menurut riwayat perdebatan yang memakan waktu beberapa hari itu pada satu tahap menjadi amat panas sampai Ummar, dengan dada sesak dan sedih berucap, 'Ya Allah, lindungilah aku dari Bilal dan kawan-kawannya' Suatu hal yang menarik perhatian ialah bahawa dalam mempertahankan kebijaksanaannya itu Amir al-Mu'minin, Ummar ibn al-Khattab, mendapat dukungan dari Utsman ibn Affan dan Ali ibn Abi Thalib, dua sahabat senior Rasulullah yang kemudian bergiliran menggantikan Umar sebagai khalifah dan pemimpin kenegaraan.

Sikap Awal para Ulama

Saya sangat bersyukur bahwa cukup banyak Ulama terkemuka yang memberikan tanggapan positif terhadap masalah yang saya lemparkan itu. Meskipun awal-awal terkejut juga mendengarkan ungkapan yang tidak biasa itu, tetapi Beliau-Beliau kemudian menyadari bahawa masalah itu memang ada dan perlu mendapatkan penyelesaian. Beliau-Beliau juga menginsafi bahawa pembatas antara ketentuan-ketentuan Faraid dan pelaksanaannya oleh sementara masyarakat Islam itu tidak selalu disebabkan oleh tipisnya kadar keislaman, tetapi kerap kali juga oleh faktor-faktor lain yang sihat seperti rasa keadilan pancaran dari hati nurani.

Kiyai Hj. Ahmad Shiddiq Rais Aam NU dan seorang sahabat karib saya, setelah mendengarkan penjelasan saya di muka Syuriah Jawa Timur di Tambak Beras, Jombang, menyatakan bahwa Ulama-ulama NU akan ikut berusaha membantu mencari penyelesaian masalah itu. Demikian pula sementara Ulama terkemuka di Jawa Barat. Bahkan K.Hj. Ali Darokah, Ketua Umum MUI Surakarta dan bekas guru saya di Mamba'ul Ulum dahulu, sudah lebih maju. Dalam satu seminar mengenai hukum (undang-undang) Islam yang di selenggarakan di IAIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, beberapa bulan yang lalu, Beliau menyajikan satu kertas kerja yang kesimpulannya: Dalam pembahagian warisan dalam keluarga Muslim di Indonesia anak laki-laki tidak mesti menerima dua kali lebih banyak dari anak perempuan.

Himpunan Peminat Ilmu-ilmu Syariah (HPIIS), yang keanggotaannya sebahagian besar terdiri dari para alumni fakulti-fakulti Syariah IAIN seIndonesia, telah menjadualkan satu seminar tentang hukum(undang-undang) kewarisan Islam dalam rangka musyawarah nasionalnya yang pertama pada bulan July 1987M di Yogyakarta.

Penutup

Demikianlah huraiyan ulang ceramah saya yang sudah sering saya berikan dalam banyak forum ilmiah. Masalah hukum(undang-undang) waris, saya angkat kembali justeru dalam rangka tekad Orde Baru untuk menata kembali segala segi dari penyelenggaraan Syariat Islam bagi umatnya.

Memang kita tidak mempunyai Ummar b. Khattab di tengah-tengah kita, tetapi masalah yang kita hadapi sekarang ini kiranya jauh lebih kompleks dan lebih luas daripada yang dihadapi Amirul Mukminin pada empat belas abad yang lalu.

Apakah tidak mungkin kita memberanikan diri untuk secara kolektif atau bersama-sama mengikuti jejak Umar, dengan bermodalkan aqidah yang kuat dan memanfaatkan akal yang merupakan pemberian yang paling berharga dari Allah SWT kepada kita, dan dengan penuh rasa tanggung jawab dan kejujuran kepada Islam. Atau akan terus kita biarkan makin membudaya pola sikap mendua dalam beragama di tengah-tengah masyarakat kita.